Mustafa Syeikh Ibrahim Haqqi

MENOLAK BALA DENGAN SEDEKAH

Penterjemah:
Muhammad Zuhri

Editor/Penyunting:
Ust. Muhammad Sabri Sahrir



AL-HIDAYAH PUBLICATION
2010

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Dengan Nama Allah Yang Maha
Pemurah Lagi Maha Penyayang

Kami adalah **penerbit** dan **pengedar buku-buku Islam** kontemporari dinihari. Bergerak bersama mendokong **kebenaran Al-Quran** dan As-sunnah sebagai teras pengabdian. **Menyebarkan ilmu** di mana dan ke mana saja demi **merealisasikan** cita-cita dan harapan **Membina generasi** di **masa depan.** Pastinya usaha kami **bukan meraih** keuntungan yang sedikit **di dunia** ini tetapi mahu melihat **generasi** dan **negara** ini mencapai mercu kecemerlangan di dunia dan di akhirat. Untuk itu kami sedia **memberi perkhidmatan** yang terbaik untuk keperluan masa **depan anda.**



AL-HIDAYAH PUBLICATION

MENOLAK BALA DENGAN SEDEKAH

Judul Asal : Radd al-Bala' bi al-Sadaqah: Sana'i' al-Ma'ruf Taqi Masari' al-Su'
Penulis : Mustafa Syeikh Ibrahim Haqqi
Penerbit Asal : Dar Gharib
Kaherah, Edisi I, 1428H/2007M
Penterjemah : Muhammad Zuhri
Penyunting : Ust. Muhammad Sabri Sahrir
Tata Letak : Tim al-Hidayah

Cetakan Pertama ……. 2010

Diterbitkan Oleh: **AL-HIDAYAH PUBLICATION**
No. 27, Jalan DBP Dolomite Business Park 68100
Batu Caves, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-6185 3002, 61857006, 6185 4009 Fax: 03-6185 9008



Diedarkan Oleh: **AR-RISALAH PRODUCT SDN. BHD**
No. 27, Jalan DBP Dolomite Business Park 68100
Batu Caves, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-6185 3002, 61857006, 6185 4009
Fax: 03-6185 9008



Dicetak Oleh: **PERCETAKAN ZAFAR SDN. BHD**
Lot 18, Jalan 4/10B, Spring Crest Industrial Park
Batu Caves, 68100 Kuala Lumpur



KATA PENGANTAR PENERBIT

SEGALA puji bagi Allah Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam disampaikan kepada junjungan Nabi Muhammad SAW, keluarga serta sahabat-sahabat baginda.

Dalam usaha untuk menambahkan buku-buku bacaan di kalangan masyarakat masa kini, dengan syukur dipanjatkan kepada Allah SWT kerana kami dapat menerbitkan sebuah lagi buku yang bertajuk **MENOLAK BALA DENGAN SEDEKAH.**

Sebagai penerbit, besar harapan kami agar buku ini dapat bermanfaat kepada pembaca. Segala amalan yang baik ini semoga mendapat keredaan Allah SWT.

Segala kesilapan dan kekurangan adalah kelemahan daripada kami, oleh itu teguran membina amatlah dialu-alukan.

Sekian, Wabillahi Taufiq, Wassalamu'alaikum.

Penerbit,
Al-Hidayah Publication

ISI KANDUNGAN







Daripada Abu Hurairah (r.a), Rasulullah (s.a.w) bersabda:

مَا مِنْ يَوْمٍ يُصْبِحُ الْعِبَادُ فِيْهِ إِلاَّ وَمَلَكَانِ يَنْزِلاَنِ، فَيَقُوْلُ أَحَدُهُمَا: اللَّهُمَّ أَعْطِ مُنْفِقًا خَلَفًا، وَيَقُوْلُ الآخَرُ: اللَّهُمَّ أَعْطِ مُمْسِكًا تَلَفًا.

"*Tidaklah umat manusia itu bangun di awal pagi melainkan ada dua malaikat turun dari langit. Salah satunya berdoa: 'Ya Allah, berilah orang yang gemar berinfak itu gantian'. Satunya lagi berdoa: 'Ya Allah, berilah orang yang enggan berinfak itu kebinasaan*'."

PENDAHULUAN

Segala puji bagi-Mu ya Allah, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam semoga dilimpahkan ke atas Nabi Muhammad (s.a.w), ahli keluarga dan umatnya sehingga hari kiamat.

Di antara nikmat yang dianugerahkan Allah kepada kita adalah iman, petunjuk ke jalan yang lurus, Rasul yang terbaik, kitab-Nya yang mulia dan hidayah untuk menjalankan syariat-Nya. Segala puji, keutamaan, kurnia dan kebaikan hanyalah milik Allah semata.

Sejak manusia diciptakan, Allah sentiasa menurunkan ujian ke atas manusia, termasuk kepada para nabi dan rasul-Nya. Allah memakbulkan doa mereka dan menyelamatkan mereka dari segala kesempitan dan kesulitan hidup.

Dalam kehidupan di dunia, manusia sentiasa berada dalam satu daripada dua keadaan, iaitu kesempitan dan kelapangan. Oleh itu manusia diperintahkan menggunakan masa lapang untuk melakukan pelbagai kebaikan sebelum datang masa sempit. Rasulullah (s.a.w) bersabda:

اغْتَنِمْ خَمْسًا قَبْلَ خَمْسٍ: شَبَابَكَ قَبْلَ هَرَمِكَ، وَصِحَّتَكَ قَبْلَ سُقْمِكَ، وَغِنَاكَ قَبْلَ فَقْرِكَ، وَفَرَاغَكَ قَبْلَ شُغْلِكَ، وَحَيَاتَكَ قَبْلَ مَوْتِكَ.

"*Manfaatkanlah lima perkara sebelum datang lima perkara; masa muda sebelum datang masa tua; masa sihat sebelum datang sakit; masa kaya sebelum jatuh miskin; masa lapang sebelum datang masa sempit; dan masa hidupmu sebelum datang kematian*. (Diriwayatkan oleh al-Hakim)

Manusia bebas memilih satu daripada dua jalan, sama ada jalan kebaikan ataupun jalan kejahatan. Allah (s.w.t) berfirman:

فَمَن يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُۥ ﴿٧﴾ وَمَن يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُۥ ﴿٨﴾

"*Barangsiapa yang mengerjakan kebaikan meskipun hanya seberat zarah (biji sawi) nescaya dia akan melihat (balasan)nya; dan barangsiapa yang mengerjakan kejahatan meskipun hanya sebesar zarah (biji sawi) pun nescaya dia akan melihat (balasan)nya pula*. (Surah al-Zalzalah: 7 - 8)

Satu kebaikan yang dilakukan manusia akan dikurniakan dengan pahala oleh Allah sebanyak sepuluh kali ganda, bahkan boleh jadi lebih sehingga bilangan yang tidak terbatas jika Allah menghendaki. Sedangkan satu keburukan tetap dikira satu dan akan dihapuskan sekiranya yang melakukan dosa itu bertaubat.

Seorang ahli hikmah pernah berkata: "Janganlah kamu memandang rendah terhadap harta kerana ia adalah alat untuk mencapai kemuliaan, penolong dalam hidup, kekuatan bagi agama dan pengikat hubungan dengan ahli keluarga. Tanpa harta, seseorang itu akan dipandang rendah dan dibenci oleh masyarakat di sekelilingnya. Seseorang yang tidak disegani orang lain tentu dia orang paling hina."

Seorang yang mempunyai harta akan lebih mudah melakukan amal saleh. Di antaranya adalah membantu saudaranya sesama muslim yang dalam kesulitan dan kemiskinan semata-mata kerana Allah Ta'ala.

Apabila manusia mati maka harta bendanya akan menjadi milik ahli warisnya sedangkan harta yang dia belanjakan dalam kebaikan untuk mengharap redha Allah maka itu sahajalah yang menjadi miliknya sendiri. Dalam sebuah hadis disebutkan:

يَقُوْلُ ابْنُ آدَمَ: مَالِيْ، مَالِيْ، وَلَيْسَ لَكَ مِنْ مَالِكَ إِلاَّ مَا أَكَلْتَ فَأَفْنَيْتَ، أَوْ لَبِسْتَ فَأَبْلَيْتَ، أَوْ تَصَدَّقْتَ فَأَبْقَيْتَ.

"*Manusia berkata: 'Hartaku, hartaku!' Padahal hartanya itu hanya ada tiga jenis, iaitu apa yang dimakannya kemudian habis; apa yang dipakainya kemudian lusuh; dan apa yang disedekahkannya dan tersimpan untuk akhiratnya. Selain yang tiga itu semuanya akan lenyap.* (Diriwayatkan oleh Muslim)

Sedekah yang ikhlas kerana Allah akan kekal dan terus mengalir manfaatnya. Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda bahawa bersedekah di jalan Allah

secara sembunyi-sembunyi atau terang-terangan merupakan perniagaan yang tidak akan rugi. Malah ia akan mendatangkan keuntungan yang berterusan dan membawa keberkatan selama di dunia.

Allah (s.w.t) berfirman:

..... وَمَآ أَنفَقْتُم مِّن شَىْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُۥ ۖ وَهُوَ خَيْرُ ٱلرَّٰزِقِينَ ﴿٣٩﴾

"... *Apa sahaja yang kamu nafkahkan maka Allah akan menggantikannya. Dialah sebaik-baik Pemberi rezeki.*" (Surah Saba': 39)

Allah (s.w.t) juga berfirman:

إِنَّ ٱلَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَٰبَ ٱللَّهِ وَأَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَأَنفَقُوا۟ مِمَّا
رَزَقْنَٰهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تِجَٰرَةً لَّن تَبُورَ ﴿٢٩﴾ لِيُوَفِّيَهُمْ
أُجُورَهُمْ وَيَزِيدَهُم مِّن فَضْلِهِۦٓ ۚ إِنَّهُۥ غَفُورٌ شَكُورٌ ﴿٣٠﴾

"*Orang-orang yang selalu membaca kitab Allah, mendirikan solat, dan menafkahkan sebahagian daripada rezeki yang Kami anugerahkan kepada mereka dengan diam-diam dan terang-terangan, mereka itu mengharapkan perniagaan yang tidak akan rugi, supaya Allah menyempurnakan pahala mereka dan menambahkan kurnia-Nya. Allah Maha Pengampun lagi Maha Mensyukuri.*" (Surah Fathir: 29 - 30)

Berbahagialah mereka yang dermawan dan gemar bersedekah, yang tidak kedekut atas apa yang Allah kurniakan kepadanya. Mereka prihatin terhadap hak-hak anak yatim, fakir, miskin dan para janda. Orang

yang dermawan dekat dengan rahmat Allah, sedang yang bakhil pula jauh dari rahmat Allah (s.w.t).

Sedekah memiliki rahsia yang luar biasa untuk menolak bencana. Ibn al-Qayyim pernah berkata: "Allah menjadikan sedekah sebagai penolak bala. Perkara ini telah diketahui oleh semua orang kerana mereka pernah merasakannya."

Segala kebahagiaan berasal dari ketaatan kepada Allah (s.w.t). Demikian pula keuntungan yang didapati kerana selalu berinteraksi dengan-Nya. Sedang dugaan, cubaan dan bencana terjadi akibat melakukan maksiat kepada-Nya. Tidak ada yang lebih bermanfaat selain bersyukur dan bertaubat kepada-Nya. Dia-lah Zat Yang Maha Pengampun lagi Maha Bersyukur.

Allah menganugerahkan nikmat-Nya kepada semua makhluk-Nya. Apabila manusia taat kepada-Nya maka Allah akan membalas ketaatan itu. Manusia taat kepada-Nya disebabkan taufik dan hidayah dari Allah. Ketika manusia melakukan maksiat, Allah tetap bersikap baik kepadanya. Manusia berbuat maksiat disebabkan kezaliman dan kebodohannya sendiri.

Saya memohon kepada Allah supaya penulisan buku ini dikira sebagai amal saleh yang membawa berkat, manfaat, dan ikhlas kerana Allah Yang Maha Mulia. Dia-lah tempat memohon dan tempat berharap yang paling mulia. Cukuplah Allah sebagai penolong. Dia-lah pelindung yang paling baik dan Maha Kuasa atas segala sesuatu. Segala puji bagi-Mu wahai Tuhan sekalian alam.

Abu Rif'ah









APA ITU BALA'?

Dalam bahasa Arab, ujian atau cubaan disebut *al-Ibtila'*. Kata *al-Ibtila'* berasal dari kata *ibtala'* yang diambil dari kata bala yang bererti menguji. Allah (s.w.t) berfirman:

كُلُّ نَفْسٍ ذَآئِقَةُ ٱلْمَوْتِ ۗ وَنَبْلُوكُم بِٱلشَّرِّ وَٱلْخَيْرِ فِتْنَةً ۖ وَإِلَيْنَا تُرْجَعُونَ ﴿٣٥﴾

"*Setiap yang hidup pasti akan merasakan mati. Kami akan menguji kamu dengan keburukan dan kebaikan sebagai cubaan. Hanya kepada Kami-lah kamu dikembalikan.*" (Surah al-Anbiya': 35)

Dalam firman-Nya yang lain disebutkan:

۞ وَإِذِ ٱبْتَلَىٰٓ إِبْرَٰهِـۧمَ رَبُّهُۥ بِكَلِمَـٰتٍ ..... ﴿١٢٤﴾

"*(Ingatlah) ketika Ibrahim diuji Tuhannya dengan beberapa kalimat (perintah dan larangan)...*" (Surah al-Baqarah: 124)

Allah (s.w.t) juga berfirman:

.... إِنَّ ٱللَّهَ مُبْتَلِيكُم بِنَهَرٍ فَمَن شَرِبَ مِنْهُ فَلَيْسَ مِنِّى ... ﴿٢٤٩﴾

"*...Allah akan menguji kamu dengan suatu sungai. Barangsiapa di antara kamu yang meminum airnya maka dia tidak termasuk pengikutku...*" (Surah al-Baqarah: 249)

Ketahuilah bahawa segala musibah dan perkara dahsyat yang diturunkan Allah Yang Maha Esa adalah untuk melihat kesabaran hamba-Nya. Sebagaimana yang disebut dalam firman-Nya:

إِنَّ هَـٰذَا لَهُوَ ٱلْبَلَـٰٓؤُا۟ ٱلْمُبِينُ ﴿١٠٦﴾

"*Ini adalah suatu ujian yang sebenar-benar nyata.*" (Surah al-Shaffat: 106)

Ayat di atas mengisyaratkan perintah Allah (s.w.t) kepada Nabi Ibrahim (a.s) supaya menyembelih anaknya Ismail (a.s).

BALA' MENURUT ISTILAH SYARAK

Al-Ibtila' bermakna ujian, sama ada dalam perkara yang positif mahupun yang negatif. Ujian adalah salah satu sunnatullah yang terjadi sejak awal kewujudan manusia di muka bumi. Adakalanya manusia sukar menghadapi ujian yang diturunkan Allah kepadanya. Tetapi ingatlah bahawa dengan ujian itu Allah (s.w.t) mengangkat darjat para nabi dan menghapuskan kesalahan orang-orang saleh. Setiap orang yang beriman hendaknya sentiasa bermunajat kepada Allah untuk meminta pertolongan dari-Nya serta tidak menentang ujian Allah. Hendaklah dia berharap agar ujian tersebut membawa kebaikan dan rahmat Allah untuk dirinya.

Allah (s.w.t) berfirman:

وَلَنَبۡلُوَنَّكُم بِشَيۡءٖ مِّنَ ٱلۡخَوۡفِ وَٱلۡجُوعِ وَنَقۡصٖ مِّنَ ٱلۡأَمۡوَٰلِ
وَٱلۡأَنفُسِ وَٱلثَّمَرَٰتِۗ وَبَشِّرِ ٱلصَّٰبِرِينَ ١٥٥ ٱلَّذِينَ إِذَآ
أَصَٰبَتۡهُم مُّصِيبَةٞ قَالُوٓاْ إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّآ إِلَيۡهِ رَٰجِعُونَ ١٥٦ أُوْلَٰٓئِكَ

عَلَيۡهِمۡ صَلَوَٰتٞ مِّن رَّبِّهِمۡ وَرَحۡمَةٞۖ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُهۡتَدُونَ



"*Kami akan menurunkan cubaan ke atasmu dengan sedikit ketakutan, kelaparan dan kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. Sampaikanlah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar, (iaitu) orang-orang yang apabila ditimpa musibah mereka mengucapkan 'Inna lillahi wa inna ilaihi raji'un'. Mereka itulah yang mendapat berkat yang sempurna dan rahmat dari Tuhan mereka. Mereka itulah orang-orang yang mendapat petunjuk.*" (Surah al-Baqarah: 155-157)

Aisyah (r.a) meriwayatkan sabda Rasulullah (s.a.w):

مَا مِنْ مُصِيْبَةٍ تُصِيْبُ الْمُسْلِمَ إِلاَّ كَفَّرَ اللهُ عَنْهِ بِهَا، حَتَّى الشَّوْكَةَ يُشَاكُهَا.

"*Tidak ada musibah yang menimpa seorang muslim kecuali Allah akan menghapuskan dosanya walaupun itu berupa duri yang menusuk tubuhnya.*" (Muttafaq 'alaih)

Dalam hadis yang lain Abu Hurairah meriwayatkan sabda Rasulullah (s.a.w):

مَثَلُ الْمُؤْمِنِ كَمَثَلِ الزَّرْعِ لاَ تَزَالُ الرِّيَاحُ تُفِيْئُهُ، وَلاَ يَزَالُ الْمُؤْمِنُ يُصِيْبُهُ بَلاَءٌ، وَمَثَلُ الْمُنَافِقِ كَمَثَلِ شَجَرَةِ الْأَرُزِّ لاَ تَهْتَزُّ حَتَّى تُسْتَحْصَنَ.

"*Perumpamaan orang mukmin adalah seperti tanaman yang kukuh meskipun selalu dihembus angin dan badai. Sedangkan perumpamaan orang munafik, seperti padi yang bergoyang meskipun terus dijaga.*" (Diriwayatkan oleh Muslim dan al-Tirmidzi)

MAKNA SEDEKAH

Perkataan sedekah diambil dari bahasa Arab, iaitu *sadaqah*. Ertinya sesuatu yang disedekahkan kepada orang fakir. Al-Mutasaddaq adalah orang yang menerima sedekah. Ahmad ‘Athiyatullah berkata dalam bukunya *al-Qamus al-Islami*: “Sedekah adalah segala sesuatu yang diberikan dengan tujuan mendekatkan diri kepada Allah tanpa wujud perasaan kesal ataupun benci.” Di dalam al-Qur’an, perkataan shadaqah disebutkan sebanyak 17 kali.

Allah (s.w.t) berfirman:

۞ لَّا خَيْرَ فِي كَثِيرٍ مِّن نَّجْوَىٰهُمْ إِلَّا مَنْ أَمَرَ بِصَدَقَةٍ أَوْ مَعْرُوفٍ
أَوْ إِصْلَٰحٍ بَيْنَ ٱلنَّاسِ ۚ وَمَن يَفْعَلْ ذَٰلِكَ ٱبْتِغَآءَ مَرْضَاتِ
ٱللَّهِ فَسَوْفَ نُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿١١٤﴾

“*Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisikan mereka itu kecuali bisikan-bisikan dari orang yang menyuruh (manusia) untuk bersedekah atau melaksanakan yang makruf ataupun mewujudkan perdamaian di antara manusia. Siapa sahaja yang berbuat demikian kerana*

mencari redha Allah, kelak akan Kami berikan kepadanya pahala yang besar." (Surah al-Nisa': 114)

Sedekah berasal dari kata al-sidq, jujur dalam perkataan dan perbuatan. Oleh yang demikian, sedekah harus lahir dari hati yang dipenuhi keimanan dan keyakinan akan janji Allah, dilakukan dengan jiwa yang bersih serta mengikhlaskan niat hanya kerana Allah semata.[1]

Sedekah tidak sama dengan zakat dan hibah, melainkan jika diniatkan untuk mendekatkan diri kepada Allah (s.w.t). Dengan begitu seseorang yang mengeluarkan hartanya itu akan memperolehi ganjaran yang sama dengan memberi sedekah. Orang yang bersedekah tidak boleh mengharapkan balasan ataupun ganjaran kepada selain Allah di samping tidak mengharap pujian dari orang yang diberinya sedekah.

Allah (s.w.t) berfirman:

﴿ قَوْلٌ مَّعْرُوفٌ وَمَغْفِرَةٌ خَيْرٌ مِّن صَدَقَةٍ يَتْبَعُهَآ أَذًى ۗ وَٱللَّهُ غَنِىٌّ حَلِيمٌ ﴿٢٦٣﴾

"*Perkataan yang baik dan memberi maaf adalah lebih utama berbanding sedekah yang diiringi dengan sesuatu yang menyakitkan*." (Surah al-Baqarah: 263)

---

[1] Ibrahim bin Muhammad adh-Dhabi'i, *al-Sadaqat wa Atharuha 'ala al-Fard wa al-Mujtama'*, Bab *Makanatu al-Sadaqah fi at-Tasyri' al-Islami*, 1988, cet 1, hlm.1.

Allah (s.w.t) juga berfirman:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تُبْطِلُوا۟ صَدَقَـٰتِكُم بِٱلْمَنِّ وَٱلْأَذَىٰ كَٱلَّذِى يُنفِقُ مَالَهُۥ رِئَآءَ ٱلنَّاسِ ..... ﴿٢٦٤﴾

"*Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu menghilangkan (pahala) sedekahmu dengan menyebut-nyebutnya dan menyakiti (perasaan orang yang menerima sedekah itu) seperti orang yang menafkahkan hartanya kerana riya' kepada manusia.*" (Surah al-Baqarah: 264)

Perkara ini diperingatkan oleh Allah kerana ada di antara manusia itu yang mengeluarkan sedekah dengan mengharapkan sesuatu selain dari Allah (s.w.t). Dalam sebuah hadis disebutkan:

الكَلِمَةُ الطَّيِّبَةُ صَدَقَةٌ. وَإِنَّ مِنَ الْمَعْرُوْفِ أَنْ تَلْقَى أَخَاكَ بِوَجْهٍ طَلْقٍ.

"*Kata-kata yang baik merupakan sedekah, termasuk kebaikan ketika bertemu dengan saudaramu sambil menampakkan wajah yang berseri (tersenyum).*"

SEDEKAH MENURUT ISTILAH

Menurut istilah, sedekah bermaksud pemberian yang tujuannya adalah mengharapkan pahala dari Allah.[1] Sedekah adalah mengeluarkan sebahagian daripada harta untuk mendekatkan diri kepada Allah (s.w.t). Sedekah dapat menjadi penghalang daripada keburukan dan menolak bencana.

Al-Asfahani berkata: "Sedekah adalah harta yang dikeluarkan seseorang untuk mendekatkan diri kepada Allah. Memberi sedekah hukumnya sunat, sedangkan membayar zakat hukumnya wajib. Meskipun begitu, zakat yang dibayarkan kepada golongan yang berhak menerimanya juga dapat dikategorikan sebagai sedekah jika diniatkan dengan betul."[2]

Dalam surah al-Taubah ayat 60, Allah (s.w.t) menyebutkan lapan golongan yang berhak menerima zakat. Mereka adalah:

1) *Al-Fuqara'*. Iaitu orang-orang yang memiliki harta tetapi tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan

---

[1] Al-Jurjani, *at-Ta'rifat*, hlm. 173.

[2] Al-Ashfahani, *Mufradat Alfazh al-Qur'an*, hlm. 48

hidupnya atau mereka yang memiliki harta yang cukup tetapi mempunyai hutang.

2) *Al-Masakin*. Iaitu orang-orang yang tidak memiliki sesuatu dan tidak berkemampuan untuk mencukupkan keperluan hidupnya.
3) *Al-'Amilina 'alaiha*. Mereka adalah orang-orang yang bertugas mengumpulkan dan mengagih-agihkan zakat. Mereka berhak mendapat harta zakat sebagai ganjaran atas tugas yang telah dijalankannya, meskipun mereka itu kaya.
4) *Al-Mu'allafah Qulubuhum*. Mereka adalah orang-orang yang baru memeluk Islam. Zakat dan sedekah yang diberikan kepada mereka adalah untuk menguatkan hatinya kepada Islam.
5) *Ar-Riqab*. Mereka adalah hamba sahaya yang tidak mampu memerdekakan dirinya ataupun tawanan perang. Jadi harta zakat atau sedekah yang diberikan kepada mereka adalah untuk memerdekakan dirinya atau untuk melepaskan orang muslim yang ditawan oleh orang-orang kafir.
6) *Al-Gharimun*. Mereka ini adalah orang-orang yang berhutang dan tidak mampu membayarnya. Hutang mereka itu bukan untuk bermegah-megahan dan pembaziran.
7) *Sabilillah*. Iaitu harta untuk keperluan masyarakat awam yang ditentukan oleh negara (negara Islam). Di antaranya adalah membekalkan segala keperluan pasukan muslim yang berjihad di jalan Allah, mengubati orang sakit serta membiayai pendidikan orang-orang yang tidak berkemampuan.

8) *Ibnu as-Sabil*. Iaitu orang yang sedang dalam perjalanan dan tidak mempunyai tempat tinggal serta makanan, tetapi dia memiliki harta di daerah asalnya. Masyarakat yang tinggal di daerah yang disinggah oleh musafir ini wajib memberi bantuan kepadanya.

Allah (s.w.t) berfirman:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَنفِقُوا۟ مِن طَيِّبَـٰتِ مَا كَسَبْتُمْ ..... ﴿٢٦٧﴾

"*Wahai orang-orang yang beriman, sedekahkanlah sebahagian daripada hasil usaha kamu yang baik-baik…*" (Surah al-Baqarah: 267)

SEDEKAH DALAM PANDANGAN ALLAH

Allah (s.w.t) berfirman:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تُبْطِلُوا۟ صَدَقَـٰتِكُم بِٱلْمَنِّ وَٱلْأَذَىٰ
كَٱلَّذِى يُنفِقُ مَالَهُۥ رِئَآءَ ٱلنَّاسِ وَلَا يُؤْمِنُ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْـَٔاخِرِ ۖ
فَمَثَلُهُۥ كَمَثَلِ صَفْوَانٍ عَلَيْهِ تُرَابٌ فَأَصَابَهُۥ وَابِلٌ فَتَرَكَهُۥ
صَلْدًا ۖ لَّا يَقْدِرُونَ عَلَىٰ شَىْءٍ مِّمَّا كَسَبُوا۟ ۗ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى
ٱلْقَوْمَ ٱلْكَـٰفِرِينَ ﴿٢٦٤﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu rosakkan pahala sedekahmu dengan menyebut-nyebutnya dan menyakiti (perasaan yang menerima sedekah), seperti orang yang menginfakkan hartanya kerana riya' kepada manusia, dan dia tidak beriman kepada Allah dan Hari Akhir. Perumpamaan orang seperti itu bagaikan batu licin yang di atasnya terdapat debu, kemudian batu itu disirami hujan lebat, dan dengan izin Allah batu itu licin

semula. Mereka tidak memperolehi sesuatu dari apa yang mereka kerjakan. Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang kafir." (Surah al-Baqarah: 264)

Janganlah anda merosakkan sedekah anda dengan merendahkan orang yang anda berikan sedekah, atau mengucapkan kata-kata kesat. Jika anda melakukan itu maka pahala sedekah anda akan bertukar menjadi dosa. Beginilah perbuatan orang-orang munafik.

Termasuk golongan orang munafik adalah mereka yang riya' atas kebaikan yang dilakukannya. Mereka mengharapkan pujian dari manusia, tidak mengharapkan balasan pahala di akhirat dan tidak takut terhadap seksa Allah kerana yang dia tuju hanyalah dunia.

Perumpamaan orang seperti ini adalah bagaikan batu licin yang di atasnya terdapat sedikit debu. Hujan yang deras kemudian menyapu debu itu hingga tiada sisanya. Biasanya sikap riya' orang munafik ini nampak jelas dari tingkah lakunya.

Sikap riya' akan menghapuskan pahala, seperti air hujan yang menghapuskan debu di atas batu yang licin. Orang yang riya' akan terhalang dari kebaikan dan berpahala. Amalannya sama sekali tidak bermanfaat dan mendatangkan keberkatan. Orang munafik sama sekali tidak mendapatkan manfaat dari kebaikan yang dia lakukan dan harta yang dia dermakan. Perbuatannya sia-sia belaka kerana perbuatannya itu mengandungi sikap riya' terhadap orang lain.

Orang munafik adalah orang yang ingkar kepada Tuhannya. Jadi bagaimana mungkin Tuhan akan memberinya petunjuk ke jalan yang benar sedang pujian dari

manusia lebih dia harapkan daripada redha Tuhannya?

Allah (s.w.t) berfirman:

إِن تُبْدُوا۟ ٱلصَّدَقَٰتِ فَنِعِمَّا هِىَ ۖ وَإِن تُخْفُوهَا وَتُؤْتُوهَا ٱلْفُقَرَآءَ فَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ ۚ وَيُكَفِّرُ عَنكُم مِّن سَيِّـَٔاتِكُمْ ۗ وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿٢٧١﴾

"*Jika kamu menampakkan sedekahmu (dengan tujuan dicontohi oleh orang selainmu, bukan tujuan riya'), maka itu adalah baik. Demikian juga jika kamu menyembunyikan dan memberikannya kepada orang-orang fakir, maka itu lebih baik bagimu. Allah akan menghapuskan daripada sebahagian kesalahan-kesalahanmu. Allah Maha mengetahui atas apa yang kamu kerjakan*." (Surah al-Baqarah: 271)

Apabila anda melakukan perbuatan yang baik di hadapan orang ramai tanpa bermaksud untuk riya' atau berbangga diri, maka ia baik dilakukan kerana boleh jadi orang lain akan tersentuh hatinya untuk mengikuti perbuatan baik yang anda lakukan itu. Tetapi jika anda bersedekah secara sembunyi-sembunyi, maka itu adalah lebih baik kerana akan menghindarkan diri anda dari sifat riya'.

Allah (s.w.t) akan menghapuskan dosa anda disebabkan sedekah yang anda keluarkan kerana sedekah dapat menghapuskan kesalahan. Allah (s.w.t) Maha Mengetahui segala rahsia dan niat hamba-Nya, sama ada yang disembunyikan mahupun yang dinampakkan

secara zahir.[1]

Allah (s.w.t) berfirman:

يَمۡحَقُ ٱللَّهُ ٱلرِّبَوٰاْ وَيُرۡبِي ٱلصَّدَقَٰتِۗ وَٱللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ كَفَّارٍ أَثِيمٍ ٢٧٦

"*Allah menghapuskan riba dan mengembangkan (pahala) segala sedekah. Allah tidak menyukai orang-orang kafir dan orang yang banyak berbuat dosa.*" (Surah al-Baqarah: 276)



[1] A'idh al-Qarni, *at-Tafsîr al-Muyasar*, Obeikan, Riyadh, 2006, hlm. 75

ALLAH MENGHALALKAN JUAL BELI DAN MENGHARAMKAN RIBA

Allah (s.w.t) mencabut keberkatan riba dan menjadikannya sebagai punca kerugian harta dan jiwa kerana ia dibina di atas asas yang haram. Sebagai gantinya, Allah (s.w.t) mengurniakan manfaat dalam sedekah dan memberikannya keberkatan.

Secara zahirnya amalan riba membuatkan harta menjadi semakin banyak, tetapi pada hakikatnya ia mengurangkan harta itu. Sedangkan sedekah secara zahirnya nampak mengurangkan harta, tetapi pada hakikatnya menambahkannya dan mengembangkannya.

Allah (s.w.t) membenci orang yang menentang syariat-Nya dengan melakukan perkara-perkara yang diharamkan Allah (s.w.t), iaitu orang-orang yang suka membantah dan enggan melakukan amal saleh. Orang kafir adalah orang yang meninggalkan ketaatan dan menentang perintah. Sementara orang berdosa adalah orang yang jatuh dalam maksiat dan melanggar larangan Allah (s.w.t).

Allah (s.w.t) berfirman:

وَإِن كَانَ ذُو عُسْرَةٍ فَنَظِرَةٌ إِلَىٰ مَيْسَرَةٍ ۚ وَأَن تَصَدَّقُوا۟ خَيْرٌ لَّكُمْ ۖ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٨٠﴾

"*Jika dia dalam keadaan sulit, maka tangguhkanlah (tempohnya) sampai tiba masa kelapangannya. Jika kamu menyedekahkan harta itu maka itu lebih baik bagi kamu jika kamu mengetahui.*" (Surah al-Baqarah: 280)

Apabila orang yang berhutang itu berada dalam kesulitan (belum mampu menjelaskan hutangnya), maka tangguhkanlah memintanya sehingga Allah (s.w.t) memberinya kemudahan untuk membayar. Jika anda mengurangkan hak anda atas orang yang berhutang, sesungguhnya itu adalah lebih baik bagi anda. Allah (s.w.t) akan membalas orang yang berbuat baik dan menghapuskan dosanya, sebagaimana anda menghapuskan beban hutang orang yang sedang dalam kesulitan.

Allah (s.w.t) berfirman:

۞ لَّا خَيْرَ فِى كَثِيرٍ مِّن نَّجْوَىٰهُمْ إِلَّا مَنْ أَمَرَ بِصَدَقَةٍ أَوْ مَعْرُوفٍ أَوْ إِصْلَـٰحٍۭ بَيْنَ ٱلنَّاسِ ۚ وَمَن يَفْعَلْ ذَٰلِكَ ٱبْتِغَآءَ مَرْضَاتِ ٱللَّهِ فَسَوْفَ نُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿١١٤﴾

"*Tidak ada kebaikan pada sebahagian besar perkataan mereka, kecuali orang yang memerintahkan supaya*

bersedekah, berbuat baik atau mendamaikan masyarakat. Barangsiapa yang melakukan itu kerana mengharap redha Allah, maka Kami akan memberikannya pahala yang besar." (Surah al-Nisa': 114)

Kebanyakan manusia tidak mendapat kebaikan dalam percakapan mereka. Tetapi tidak bagi mereka yang mengajak orang lain kepada kebaikan, atau berkata-kata dengan kata-kata yang baik dan bermanfaat bagi dirinya dan orang lain, atau mendamaikan dua orang muslim yang bersengketa, dan dia melakukan itu semata-mata mengharapkan redha Allah (s.w.t), maka Allah akan memberikannya pahala yang besar.

Allah (s.w.t) berfirman:

أَلَمْ يَعْلَمُوٓاْ أَنَّ ٱللَّهَ هُوَ يَقْبَلُ ٱلتَّوْبَةَ عَنْ عِبَادِهِۦ وَيَأْخُذُ ٱلصَّدَقَٰتِ وَأَنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلتَّوَّابُ ٱلرَّحِيمُ ﴿١٠٤﴾

"*Apakah mereka tidak tahu bahawa Allah menerima taubat dari hamba-hamba-Nya; dan Dia mengambil berbagai sedekah. Allah Maha Menerima taubat dan Maha Penyayang*." (Surah al-Taubah: 104)

Allah (s.w.t) menerima taubat dan menyayangi hamba-Nya, mengampunkan kesalahan dan membalas sedekah dengan rezeki yang mengandung berkat; menerima taubat mereka yang menyesali maksiat yang telah dilakukannya, kemudian dia mendekatkan diri kepada Allah melalui ibadah dan ketaatan.

Allah (s.w.t) berfirman:

مَّن ذَا ٱلَّذِى يُقْرِضُ ٱللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضَٰعِفَهُۥ لَهُۥٓ أَضْعَافًا كَثِيرَةً ۚ وَٱللَّهُ يَقْبِضُ وَيَبْصُۜطُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢٤٥﴾

"*Barangsiapa yang memberikan hutang (pinjaman) kepada Allah dengan baik, maka Allah akan melipatgandakan (pahala) baginya. Allah menahan dan melepaskan (rezeki). Hanya kepada-Nyalah kamu akan kembali*." (Surah al-Baqarah: 245)

Barangsiapa yang mendermakan hartanya kerana mengharap redha Allah (s.w.t) dan menolong agama-Nya, maka hartanya tidak akan berkurangan. Bahkan harta itu menjadi piutang yang berganda-ganda di sisi Allah dan menjadi kebaikan yang melimpah ruah. Allah membalasnya dengan sepuluh kali ganda, tujuh ratus kali ganda, bahkan sehingga bilangan yang tidak terbatas jika Allah menghendaki.

Ketahuilah bahawa harta berasal dari Allah (s.w.t). Allah memberikan rezeki yang sedikit kepada sesiapa sahaja yang Dia kehendaki, dan memberi rezeki yang banyak kepada sesiapa sahaja yang Dia kehendaki pula sesuai dengan hikmah yang Dia rencanakan dan aturkan.

Orang yang sedikit rezekinya tetap dikehendaki bersedekah sesuai dengan kemampuannya, manakala mereka yang rezekinya banyak hendaklah bersedekah sesuai dengan kadar rezeki yang dimilikinya. Orang yang bersedekah akan mendapatkan pahala yang melimpah di

sisi Allah pada hari Kiamat sedang mereka yang bakhil dan suka menghimpun hartanya akan diseksa.

Allah (s.w.t) berfirman:

إِنَّ ٱلْمُصَّدِّقِينَ وَٱلْمُصَّدِّقَٰتِ وَأَقْرَضُوا۟ ٱللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا يُضَٰعَفُ لَهُمْ وَلَهُمْ أَجْرٌ كَرِيمٌ ﴿١٨﴾

"*Kaum lelaki dan kaum perempuan yang bersedekah dan memberikan pinjaman (hutang) kepada Allah dengan baik, maka Dia akan melipatgandakan (pahala) bagi mereka. Bagi mereka adalah pahala yang besar*." (Surah al-Hadid: 18)

Lelaki atau perempuan yang menyedekahkan hartanya di jalan Allah dengan cara yang baik, iaitu untuk mencari pahala dari Allah tanpa membangkit-bangkitkannya atau mengeluarkan kata-kata yang menyakitkan, Allah akan memberinya pahala yang berlipat ganda. Allah akan memuliakan mereka dengan syurga dan segala kenikmatan yang terdapat di dalamnya.

Allah (s.w.t) berfirman:

..... وَمَا تُقَدِّمُوا۟ لِأَنفُسِكُم مِّنْ خَيْرٍ تَجِدُوهُ عِندَ ٱللَّهِ هُوَ خَيْرًا وَأَعْظَمَ أَجْرًا ۚ وَٱسْتَغْفِرُوا۟ ٱللَّهَ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌۢ ﴿٢٠﴾

"*Apapun kebaikan yang kamu dermakan untuk diri kamu, akan kamu temui di sisi Allah berupa kebaikan dan pahala yang besar. Mohonlah keampunan kepada*

Allah. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang." (Surah al-Muzzammil: 20)

Segala kebaikan yang anda lakukan demi mengharap redha Allah akan anda temui catatannya pada Hari Kiamat. Tentunya ia lebih berharga daripada segala kesenangan dunia. Itulah pahala yang sangat besar. Pohonlah keampunan kepada Allah dan mintalah rahmat-Nya. Dia Maha Pengampun lagi Maha Penyayang terhadap hamba-Nya yang bertaubat. Dia menghapuskan segala kesalahan orang yang kembali kepada-nya dengan bersungguh-sungguh.



SEDEKAH DI MATA RASULULLAH (S.A.W)

Abu Hurairah (r.a) meriwayatkan sabda Rasulullah (s.a.w):

مَنْ تَصَدَّقَ بِعِدْلِ تَمْرَةٍ مِنْ كَسْبٍ طَيِّبٍ - وَلاَ يَقْبَلُ اللهُ إِلاَّ الطَّيِّبَ - فَإِنَّ اللهَ يَتَقَبَّلُهَا بِيَمِيْنِهِ، ثُمَّ يُرَبِّيهَا لِصَاحِبِهَا كَمَا يُرَبِّي أَحَدُكُمْ فُلوَّةً حَتَّى تَكُوْنَ مِثْلَ الْجَبَلِ.

"*Barangsiapa yang bersedekah dengan segenggam kurma yang didapatinya dengan cara yang baik—Allah hanya menerima yang baik–Allah menerimanya dengan "tangan kanan"-Nya. Kemudian Dia mengembangkan (pahala sedekah itu) untuk pemiliknya, sebagaimana kamu mengembangkan harta sehingga menjadi seperti gunung*." (Muttafaq 'alaih)

Abu Hurairah (r.a) pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda:

سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لاَ ظِلَّ إِلاَّ ظِلُّهُ (وَذَكَرَ فِيْهِ): وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ بِصَدَقَةٍ فَأَخْفَاهَا حَتَّى لاَ تَعْلَمَ شِمَالُهُ مَا تُنْفِقُ

يَمِيْنُهُ...

"*Ada tujuh golongan manusia yang akan dinaungi Allah pada hari yang tidak ada naungan di dalamnya (baginda menyebutkan tujuh golongan itu sampai pada)….orang yang bersedekah, kemudian menyembunyikan sedekah itu sehingga tangan kirinya tidak mengetahui apa yang disedekahkan oleh tangan kanannya*." (Muttafaq 'alaih)

'Adi bin Hatim (r.a) pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda:

مَا مِنْكُمْ مِنْ أَحَدٍ إِلاَّ سَيُكَلِّمُهُ اللهُ لَيْسَ بَيْنَهُ وَبَيْنَهُ تُرْجُمَانٌ، فَيَنْظُرُ أَيْمَنَ مِنْهُ فَلاَ يَرَى إِلاَّ مَا قَدَّمَ، وَيَنْظُرُ أَشْأَمَ مِنْهُ فَلاَ يَرَى إِلاَّ مَا قَدَّمَ، وَيَنْظُرُ بَيْنَ يَدَيْهِ فَلاَ يَرَى إِلاَّ النَّارَ تِلْقَاءَ وَجْهِهِ، فَاتَّقُوا النَّارَ وَلَوْ بِشِقِّ تَمْرَةٍ.

"*Setiap kamu pasti akan diajak berbicara oleh Allah tanpa perantara. Ketika kamu melihat ke sebelah kanan, akan nampak oleh kamu segala perbuatan yang pernah kamu lakukan. Ketika kamu melihat ke sebelah kiri, kamu juga akan melihat perbuatan yang pernah kamu lakukan. Ketika kamu melihat ke hadapan, yang kamu lihat adalah api neraka yang hampir menyambar wajah kamu. Hindarilah api neraka dengan cara bersedekah meskipun dengan setengah biji kurma*!" (Muttafaq 'alaih)

Abu Hurairah (r.a) meriwayatkan bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda:

الْيَدُ الْعُلْيَا خَيْرٌ مِنَ الْيَدِ السُّفْلَى، وَابْدَأْ بِمَنْ تَعُوْلُ، وَخَيْرُ الصَّدَقَةِ مَا كَانَ عَنْ ظَهْرِ غِنًى، وَمَنْ يَسْتَعْفِفْ يُعِفَّهُ اللّٰهُ، وَمَنْ يَسْتَغْنِ يُغْنِهِ اللّٰهُ.

"*Tangan yang di atas (pemberi sedekah) adalah lebih baik daripada tangan yang di bawah (penerima sedekah). (Dalam bersedekah) utamakanlah orang yang masih ada hubungan kerabat. Sedekah yang paling baik adalah yang dikeluarkan setelah mencukupi keperluan ahli keluarga.*[4] *Orang yang menjaga diri dari sikap meminta-minta, Allah akan menjaga kehormatannya; dan orang yang merasa cukup, Allah akan mencukupkan keperluannya.*" (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Abu Hurairah (r.a) meriwayatkan bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda:

أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ اللهَ طَيِّبٌ لاَ يَقْبَلُ إِلاَّ طَيِّبًا، وَإِنَّ اللهَ أَمَرَ الْمُؤْمِنِيْنَ بِمَا أَمَرَ بِهِ الْمُرْسَلِيْنَ، فَقَالَ تَعَالَى: "يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُواْ كُلُواْ مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ"، ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلَ، يُطِيْلَ السَّفَرَ أَشْعَثَ أَغْبَرَ يَمُدُّ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ: يَا رَبِّ، يَا رَبِّ،

[1] Sedekah yang paling baik adalah yang dikeluarkan oleh seseorang yang telah mencukupi keperluan isteri dan ahli keluarganya yang lain.

وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ، وَمَشْرَبُهُ حَرَامٌ، وَملْبَسُهُ حَرَامٌ، وغُذِّيَ بِالْحَرَامِ، فَأَنَّى يُسْتَجَابُ لِذَلِكَ.

"*Wahai manusia, ketahuilah Allah itu baik, dan tidak menerima kecuali yang baik-baik sahaja. Allah memerintahkan sesuatu kepada orang mukmin sebagaimana yang Dia perintahkan kepada para rasul-Nya.*"

Allah (s.w.t) berfirman:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُلُوا۟ مِن طَيِّبَـٰتِ مَا رَزَقْنَـٰكُمْ ..... ﴿١٧٢﴾

"*Wahai orang-orang beriman! Makanlah dari rezeki yang telah Kami berikan kepada kamu.*" (Surah al-Baqarah: 172)

Rasulullah (s.a.w) pernah bercerita tentang seorang lelaki yang penampilannya lusuh, longlai dan tidak bersemangat. Lelaki itu mengangkat tangannya ke langit seraya berdoa: 'Wahai Tuhanku, wahai Tuhanku….!' Sedangkan makanan, minuman, pakaiannya diperoleh dari sesuatu yang haram. Bagaimanakah mungkin doanya itu akan dikabulkan Allah?" (Diriwayatkan oleh Muslim)

Anas bin Malik (r.a) meriwayatkan sabda Rasulullah (s.a.w):

إِنَّ الصَّدَقَةَ لَتُطْفِئُ غَضَبَ الرَّبِّ، وَتَدْفَعُ مِيتَةَ السُّوْءِ.

"*Sedekah itu akan memadamkan murka Allah; dan akan menyelamatkan (orang yang bersedekah) dari kematian*

yang buruk (su'ul khatimah)." (Diriwayatkan oleh al-Tirmidzi)

Sebagaimana sedekah yang dapat memadamkan kemurkaan Allah, ia juga dapat menghapuskan dosa dan kesalahan bagaikan air yang memadamkan api.

Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda:

مَا نَقَصَتْ صَدَقَةٌ مِنْ مَالٍ، وَمَا زَادَ اللهُ عَبْدًا بِعَفْوٍ إِلاَّ عِزًّا، وَمَا تَوَاضَعَ أَحَدٌ لِلّٰهِ إِلاَّ رَفَعَهُ، سَبَقَ دِرْهَمٌ مِائَةَ أَلْفٍ، قَالُوْا: يَا رَسُوْلَ اللهِ وَكَيْفَ؟ قَالَ: رَجُلٌ لَهُ دِرْهَمَانِ فَأَخَذَ أَحَدَهُمَا فَتَصَدَّقَ بِهِ، وَرَجُلٌ لَهُ مَالٌ كَثِيْرٌ فَأَخَذَ مِنْ عُرْضِ مَالِهِ مِائَةَ أَلْفٍ فَتَصَدَّقَ بِهَا.

"*Sedekah tidak akan mengurangkan harta. Setiap hamba yang diampunkan oleh Allah akan bertambah kemuliaannya. Setiap orang yang merendahkan diri kepada Allah, Allah akan mengangkat darjatnya. 1 (satu) dirham adalah lebih banyak berbanding 100,000 (seratus ribu) dirham." Para sahabat bertanya: "Wahai Rasulullah, kenapakah demikian?" Baginda menjawab: "Ia adalah perbandingan antara seseorang yang memiliki 2 (dua) dirham, kemudian yang 1 (satu) dirham dia sedekahkan; manakala ada seseorang yang memiliki harta yang banyak, kemudian dia keluarkan 100.000 (seratus ribu) dirham dari hartanya untuk bersedekah.*"[1]

[1] Satu dirham yang disedekahkan oleh orang pertama adalah

Ummu Salamah (r.a) meriwayatkan bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

صَنَائِعُ الْمَعْرُوفِ تَقِي مَصَارِعَ السُّوْءِ. وَالصَّدَقَةُ خَفِيًّا تُطْفِئُ غَضَبَ الرَّبِّ. وَصِلَةُ الرَّحِمِ تَزِيْدُ فِي الْعُمْرِ. وَكُلُّ مَعْرُوفٍ صَدَقَةٌ، وَأَهْلُ الْمَعْرُوفِ فِي الدُّنْيَا هُمْ أَهْلُ الْمَعْرُوفِ فِي الْآخِرَةِ. وَأَهْلُ الْمُنْكَرِ فِي الدُّنْيَا هُمْ أَهْلُ الْمُنْكَرِ فِي الْآخِرَةِ. وَأَوَّلُ مَنْ يَدْخُلُ الْجَنَّةَ أَهْلُ الْمَعْرُوْفِ.

"*Segala perbuatan baik akan menutup jalan bagi segala perbuatan buruk. Bersedekah secara sembunyi-sembunyi akan memadamkan murka Allah. Silaturahim akan memanjangkan umur. Setiap perbuatan baik adalah sedekah. Orang yang sering berbuat baik di dunia adalah ahli kebaikan di akhirat. Orang yang sering melakukan kemungkaran di dunia adalah ahli kemungkaran di akhirat. Orang pertama yang akan masuk syurga adalah orang yang sering melakukan kebaikan*." (Diriwayatkan oleh al-Tabarani)

Anas bin Malik (r.a) meriwayatkan bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda:

---

separuh daripada keseluruhan harta miliknya. Sedangkan 100,000 dirham yang disedekahkan oleh orang kaya itu hanya sebahagian kecil daripada keseluruhan hartanya.

رَأَيْتُ لَيْلَةَ أُسْرِيَ بِي عَلَى بَابِ الْجَنَّةِ مَكْتُوبًا: الصَّدَقَةُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا وَالْقَرْضُ بِثَمَانِي عَشَرَةَ.

"*Pada malam ketika aku diisra'kan,*[1] *aku melihat tulisan di pintu syurga, 'Sedekah akan dibalas dengan sepuluh kali ganda, dan meminjamkan (memberikan hutang) harta akan dibalas dengan lapan belas kali ganda*'." (Diriwayatkan oleh Ibn Majah dan al-Baihaqi)

Hudzaifah (r.a) pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda:

إِنَّ رَجُلاً مِمَّنْ كَانَ قَبْلَكُمْ أَتَاهُ الْمَلَكُ لِيَقْبِضَ رَوْحَهُ فَقَالَ: هَلْ عَمِلْتَ مِنْ خَيْرٍ؟ قَالَ: مَا أَعْلَمُ. قِيْلَ لَهُ: انْظُرْ، قَالَ: مَا أَعْلَمُ شَيْئًا غَيْرَ أَنِّي كُنْتُ أُبَايِعُ النَّاسَ فِي الدُّنْيَا فَأُنْظِرَ الْمُوْسِرَ وَأَتَجَاوَزُ عَنِ الْمُعْسِرِ. فَأَدْخَلَهُ اللهُ الْجَنَّةَ.

"*Ada seseorang sebelum kamu yang didatangi oleh malaikat untuk mencabut nyawanya. Malaikat itu berkata, 'Apakah kamu pernah melakukan kebaikan?' Orang itu menjawab, 'Saya tidak tahu.' Dikatakan kepada orang itu, 'Lihatlah!' Dia berkata, 'Saya tidak tahu sedikit pun. Hanya sahaja ketika bergaul dengan manusia di dunia, saya memudahkan (dalam menagih hak) terhadap orang yang berada dalam*

[1] Ketika baginda melakukan perjalanan Israk dan Mikraj.



kesulitan.' Malaikat tersebut kemudian memasukkannya ke dalam syurga." (Muttafaq 'alaih)

Abu Hurairah (r.a) meriwayatkan bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

مَا مِنْ يَوْمٍ يُصْبِحُ الْعِبَادُ فِيْهِ إِلاَّ مَلَكَانِ يَنْزِلاَنِ فَيَقُوْلُ أَحَدُهُمَا: اللَّهُمَّ أَعْطِ مُنْفِقًا خَلَفًا وَيَقُوْلُ الآخَرُ: اللَّهُمَّ أَعْطِ مُمْسِكًا تَلَفًا.

"*Setiap kali manusia terjaga dari tidurnya di pagi hari, datanglah dua orang malaikat. Salah satu dari keduanya kemudian berdoa, 'Ya Allah, berikanlah (harta) pengganti kepada orang yang menderma!' dan malaikat yang lain pula berdoa, 'Berikanlah kerugian kepada orang yang kedekut dalam mengumpulkan (harta)*'." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim)

'Abdullah bin al-'Ala' bin Zabr (r.a) pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda:

إِنَّ اللهَ عَزَّ وَجَلَّ يَقُوْلُ: يَا ابْنَ آدَمَ، إِنْ تُعْطِ لِفَضْلٍ فَهُوَ خَيْرٌ لَكَ، وَإِنْ تُمْسِكْهُ فَهُوَ شَرٌّ لَكَ، وَابْدَأْ بِمَنْ تَعُوْلُ، وَلاَ يَلُومُ اللهُ عَلَى الْكَفَافِ، وَالْيَدُ الْعُلْيَا خَيْرٌ مِنَ الْيَدِ السُّفْلَى.

"*Allah berfirman: 'Wahai Bani Adam (manusia), jika kamu memberi kerana kelebihan (rezeki), maka itu baik bagimu. Tetapi jika kamu menahan kelebihan, maka itu buruk bagimu. (Dalam bersedekah) utamakanlah orang yang masih ada hubungan kerabat. Jangan mencela Allah*



kerana orang yang bakhil. Tangan yang di atas adalah lebih baik daripada tangan yang di bawah."[8] (Diriwayatkan oleh al-Thabarani)



[1] 'Umar 'Ali 'Abdullah Muhammad, al-Ahadits al-Qudsiyyah, Jil. i, hlm. 325.

ORANG YANG MIMPI BERSEDEKAH

Mimpi bersedekah membawa maksud menghindarkan diri dari bencana dan menghapuskan kejahatan. Sedekah adalah tasbih (penyucian diri) dan perbuatan-perbuatan baik.[1]

Apabila orang alim mimpi bersedekah maka dia akan mendapatkan keuntungan dari ilmunya; apabila yang bermimpi itu seorang ahli korporat maka jawatannya akan dinaikkan; jika yang bermimpi itu seorang pedagang maka keuntungan yang diperolehinya akan bertambah banyak; jika yang bermimpi itu sedang sakit maka dia akan sembuh; jika yang bermimpi itu sedang dalam keadaan gelisah maka kegelisahannya akan hilang; jika yang bermimpi itu berada di dalam penjara maka dia akan segera dibebaskan; jika yang bermimpi itu seorang yang suka melakukan maksiat maka dia akan bertaubat; jika yang bermimpi itu seorang musyrik maka dia akan memeluk Islam; dan jika yang bermimpi itu seorang mempunyai kemahiran, maka orang lain akan meniru hasil kemahiran yang ada pada dirinya.

---

[1] Abu Tahir al-Muqidasi al-Hanbali, *Ta'bir al-Ahlam*, Maktabah Ibnu al-Jauzi, al-Dammam (Saudi Arabia), cet. 1, hlm. 498.

Sebahagian pentakwil mimpi berkata bahawa mimpi bersedekah menunjukkan rasa aman dari perkara-perkara yang mengejutkan dan selamat dari segala bencana.[1]



[1] Asy-Syaikh Abu Bakar Muhammad bin 'Umar al-Mala al-Ihisa'i, Kata pengantar oleh Ibrahim bin 'Abdullah al-Hazimi, *Tanbihul-Ifham bi ta'wilil-Ahlam*, Maktabah asy-Syarif, Riyadh, cet. 1, hlm. 130.

PETUNJUK NABI (S.A.W) DALAM BERSEDEKAH [1]

Ibn al-Qayyim (r.h) menerangkan tentang sedekah berdasarkan petunjuk dari Rasulullah (s.a.w). Baginda adalah seorang yang paling banyak bersedekah. Baginda tidak peduli sama ada harta yang ada di sisinya ketika itu banyak ataupun sedikit, tetapi baginda tetap bersedekah. Baginda tidak pernah berasa khuatir akan jatuh miskin apabila memberi sedekah kepada orang lain.

Memberi derma dan bersedekah adalah antara perbuatan yang paling disukai oleh Rasulullah (s.a.w). Kebahagiaan baginda dalam bersedekah jauh lebih besar daripada kebahagiaan orang yang menerima sedekah itu. Baginda adalah seorang yang paling bermurah hati. Tangan kanannya umpama angin yang berhembus. Apabila baginda berjumpa dengan orang yang sedang dalam kesempitan maka baginda akan mengutamakan orang itu lebih daripada dirinya sendiri.

Sedekah yang dikeluarkan Rasulullah (s.a.w) adakalanya berbentuk makanan, hadiah ataupun dengan

---

[1] Hasan bin Ahmad Hamam, *Tadawi bi al-Sadaqah*, Maktabah al-Hadharah, Riyadh, cet. 1, hlm. 17

membeli sesuatu barang dari seorang peniaga lalu baginda membayar harga barang itu, tetapi kemudian barang itu dikembalikan semula kepada si peniaga. Adakalanya pula baginda berhutang sesuatu kemudian memulangkannya dengan sesuatu yang lebih baik dan lebih banyak. Tidak jarang pula baginda membeli sesuatu barang dan membayarnya dengan harga yang lebih tinggi dari harga sebenar barang itu. Apabila menerima hadiah, baginda akan membalasnya dengan hadiah yang lebih banyak dan lebih baik sebagai ungkapan kasih sayangnya. Baginda tidak pernah memaksakan diri dalam bersedekah. Segala yang dilakukannya seperti yang dijelaskan di atas adalah sesuai dengan yang termampu oleh baginda.

Rasulullah (s.a.w) memerintahkan umatnya bersedekah dengan cara memberikan contoh secara langsung. Apabila berjumpa dengan orang yang bakhil, baginda akan mengajaknya supaya bersedekah. Siapa sahaja yang bergaul dengan Rasulullah (s.a.w) dan memperhatikan sikap dan tingkah laku baginda pasti tahu bahawa tiada seorang pun yang memiliki peribadi semulia Rasulullah (s.a.w). Rasulullah (s.a.w) adalah orang yang hatinya paling lapang dan paling baik jiwanya.

Sedekah merupakan amal saleh yang membawa kesan luar biasa ke atas orang yang mengamalkannya. Sesungguhnya di dalam diri Rasulullah (s.a.w) terdapat tauladan yang baik. Mengenai sedekah ini baginda pernah menceritakan tentang tiga orang yang masuk syurga hanya kerana makanan yang sedikit. Abu

Hurairah meriwayatkan sabda Rasulullah (s.a.w):

إِنَّ اللهَ عَزَّ وَجَلَّ لَيُدْخِلُ بِلُقْمَةِ الْخُبْزِ، وَقَبْضَةِ التَّمْرِ، وَمِثْلِهِ مِمَّا يَنْتَفِعُ بِهِ الْمِسْكِينُ ثَلاثَةً الْجَنَّةَ: رَبَّ الْبَيْتِ الآمِرَ بِهِ، وَالزَّوْجَةَ تُصْلِحُهُ، وَالْخَادِمَ الَّذِي يُنَاوِلُ الْمِسْكِينَ"، فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي لَمْ يَنْسَ خَدَمَنَا.

"*Allah akan memasukkan tiga orang ke dalam syurga disebabkan sepotong roti, segenggam kurma atau seukuran itu yang bermanfaat bagi orang miskin. Ketua keluarga yang bertanggung jawab, isteri yang baik, dan pembantu yang perihatin kepada orang miskin." Rasulullah (s.a.w) kemudian bersabda: "Segala puji bagi Allah yang tidak melupakan pembantu kita.*" (Diriwayatkan oleh al-Hakim dan al-Tabarani)

Dalam al-Shahihain disebutkan sabda Rasulullah (s.a.w):

إِذَا أَمَرْتُكُمْ بِأَمْرٍ فَأْتُوا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ وَمَا نَهَيْتُكُمْ عَنْهُ فَاجْتَنِبُوهُ.

"*Jika aku perintahkan kamu akan sesuatu, maka lakukanlah sebahagian dari sesuatu itu semampu kamu. Akan tetapi jika aku melarang kamu dari sesuatu, maka tinggalkanlah sesuatu itu seluruhnya (secara total).*"

Dari hadis yang disebutkan sebelumnya jelaslah bahawa kebaikan itu dilakukan sesuai dengan kemampuan. Demikian pula dalam bersedekah. Allah tidak membebankan seseorang dengan sesuatu, kecuali sesuai dengan kadar kemampuannya.



KEMURAHAN HATI RASULULLAH (S.A.W)

Ibn ‘Abbas (r.a) berkata: “Rasulullah (s.a.w) adalah seorang yang paling murah hatinya. Baginda akan semakin murah hati ketika tiba bulan Ramadan. Ketika Jibril (a.s) menemuinya untuk mengajarinya al-Qur’an pada setiap malam Ramadan, kebaikan Rasulullah (s.a.w) kian mengalir dan berlimpah-limpah bagaikan angin yang berhembus kencang. (Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim)

Sahal bin Sa’ad (r.a) berkata: “Seorang wanita datang kepada Rasulullah (s.a.w) dengan membawa selembar kain yang tebal.”

Sahal berkata: “Wahai Rasulullah, itu adalah kain yang ditepinya terdapat sulaman.”

Wanita itu lalu berkata, “Wahai Rasulullah, saya hadiahkan kain tebal ini untuk engkau.”

Rasulullah (s.a.w) mengambil kain tebal itu dan memakainya kerana baginda memang memerlukannya. Tiba-tiba datang seorang sahabat yang melihat kain tebal yang dipakai Rasulullah (s.a.w), dia lalu berkata: “Wahai Rasulullah, alangkah indahnya kain ini. Bolehkah engkau berikan kepada saya?”

Baginda menjawab: "Boleh."

Ketika Rasulullah (s.a.w) berdiri, para sahabat mencela sahabat yang meminta kain itu. Mereka berkata: "Elok sungguh perbuatanmu itu. Apakah kamu tak melihat bahawa Rasulullah (s.a.w) memerlukan kain itu, tetapi kamu pula memintanya. Kamu pun tahu bahawa Rasulullah (s.a.w) tidak pernah menolak permintaan sesiapa sahaja yang meminta kepadanya?"

Sahabat itu berkata: "Demi Allah, aku tidak memintanya melainkan sekadar mengharap keberkatan kerana kain ini telah dipakai oleh Rasulullah. Aku berharap akan dikafankan dengan kain ini apabila aku mati."

Anas bin Malik (r.a) berkata: "Jika Rasulullah (s.a.w) diminta sesuatu demi kepentingan Islam, maka baginda pasti memberikannya. Baginda pernah memberikan kambing yang berada di antara dua bukit kepada seseorang yang meminta. Orang itu kemudian kembali kepada kaumnya dan berkata, "Wahai kaumku, peluklah Islam. Sesungguhnya Muhammad memberikan sesuatu tanpa berasa khuatir akan jatuh miskin." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Rasulullah (s.a.w) adalah orang yang sangat pemurah dan suka menolong. Baginda akan memberikan apa sahaja kepada yang memerlukan tanpa pernah merasa takut akan menjadi miskin. Rasulullah (s.a.w) pernah berkata kepada pembantunya, Bîlâl: "Bersedekahlah wahai Bilal! Jangan takut kekurangan dari pemilik 'Arsy!" (Diriwayatkan oleh al-Bazzar dan al-Thabarani)

Rasulullah (s.a.w) juga pernah bersabda:

أَنْفِقْ يُنْفِقُ اللهُ عَلَيْكَ.

"*Bersedekahlah, maka Allah akan bersedekah kepadamu*." (Diriwayatkan oleh al-Thabarani)

Kemurahan hati adalah antara sifat-sifat Allah (s.w.t). Allah memuji orang mukmin yang menyedekahkan harta yang telah Allah kurniakan kepadanya. Allah (s.w.t) berfirman:

ٱلَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِٱلْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَمِمَّا رَزَقْنَـٰهُمْ يُنفِقُونَ ﴿٣﴾

"*Iaitu orang-orang yang beriman kepada yang ghaib, mendirikan solat, dan mendermakan sebahagian daripada harta yang Kami berikan kepada mereka*." (Surah al-Baqarah: 3)

Jadi orang yang suka bersedekah itu memiliki sifat seperti sifat Allah (s.w.t), Rasulullah (s.a.w), dan orang-orang mukmin.

Sedekah adalah membiasakan diri untuk selalu berbuat baik dan melatih diri untuk selalu memberi dan berkorban. Sedekah juga mengajarkan kita supaya tidak bersikap mementingkan diri (ego). Rasulullah (s.a.w) adalah orang yang paling baik, murah hati, berani, penyayang, rendah hati, adil, penyabar, ramah, pemaaf, dan istiqamah dalam kebenaran.

..... وَمَآ أَنفَقْتُم مِّن شَىْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُۥ ..... ﴿٣٩﴾

"… *Dan apapun yang kamu sedekahkan, Allah akan menggantikannya...*" (Surah Saba': 39)



SEDEKAH SUNAT

Mengeluarkan sedekah sunat sangat digalakkan pada setiap waktu,[1] seperti yang difirmankan Allah (s.w.t) di dalam al-Qur'an:

مَّن ذَا ٱلَّذِى يُقْرِضُ ٱللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضَٰعِفَهُۥ لَهُۥٓ أَضْعَافًا كَثِيرَةً ..... ﴿٢٤٥﴾

"*Barangsiapa yang meminjamkan kepada Allah pinjaman yang baik, maka Dia akan melipatgandakan ganjaran baginya dengan bilangan yang banyak...*" (Surah al-Baqarah: 245)

Allah (s.w.t) juga memerintahkan dan menggalakkan manusia bersedekah di dalam kitab-Nya. Abu Hurairah (r.a) meriwayatkan bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

---

[1] Ibn Qudamah, *al-Mughni*, tahqiq 'Abdullah bin 'Abdul Muhsin at-Turki dan 'Abdul Fattah Muhammad al Hulwi, hlm. 318.

مَنْ تَصَدَّقَ بِعِدْلِ تَمْرَةٍ مِنْ كَسْبٍ طَيِّبٍ ـ وَلاَ يَصْعُدُ إِلَى اللهِ إِلاَّ الطَّيِّبَ ـ فَإِنَّ اللهَ تَعَالَى يَقْبَلُهَا بِيَمِيْنِهِ. ثُمَّ يُرَبِّيهَا لِصَاحِبِهَا كَمَا يُرَبِّي أَحَدُكُمْ فُلُوَّةً حَتَّى تَكُوْنَ مِثْلَ الْجَبَلِ.

"*Barangsiapa yang bersedekah dengan segenggam kurma yang didapati dari jalan yang baik—hanya yang baik yang sampai kepada Allah—Allah akan menerimanya dengan "tangan kanan"-Nya, kemudian Dia mengembangkannya (ganjaran sedekah itu) kepada pemiliknya.*" (Muttafaq 'alaih)

Sedekah yang disembunyikan lebih baik daripada sedekah yang dinampakkan secara zahir. Seperti yang disebut dalam firman Allah (s.w.t):

إِن تُبْدُوا۟ ٱلصَّدَقَٰتِ فَنِعِمَّا هِىَ ۖ وَإِن تُخْفُوهَا وَتُؤْتُوهَا ٱلْفُقَرَآءَ فَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ ۚ وَيُكَفِّرُ عَنكُم مِّن سَيِّـَٔاتِكُمْ ۗ .....

﴿٢٧١﴾

"*Jika kamu menampakkan sedekahmu, maka itu baik. Jika kamu menyembunyikannya dan memberikannya kepada para fakir, maka itu jauh lebih baik bagi kamu. Allah akan menghapuskan segala kesalahanmu...*" (Surah al-Baqarah: 271)

Setiap muslim yang memberikan pakaian kepada orang fakir akan diberi pakaian oleh Allah dari kein-

dahan syurga. Setiap muslim yang memberikan makanan kepada orang yang lapar, maka Allah akan memberikannya makanan dari syurga. Setiap muslim yang memberi minum kepada orang yang haus, maka Allah akan memberinya minuman dari al-rahiq al-makhtum (minuman di syurga).

Rasulullah (s.a.w) bersabda:

الْيَدُ الْعُلْيَا خَيْرٌ مِنَ الْيَدِ السُّفْلَى، وَابْدَأْ بِمَنْ تَعُولُ، وَخَيْرُ الصَّدَقَةِ مَا كَانَ عَنْ ظَهْرِ غِنًى، وَمَنْ يَسْتَعْفِفْ يُعِفَّهُ اللهُ، وَمَنْ يَسْتَغْنِ يُغْنِهِ اللهُ.

"*Tangan yang di atas (pemberi sedekah) lebih baik daripada tangan yang di bawah (penerima sedekah). (Dalam bersedekah) utamakanlah orang yang masih ada hubungan kerabat. Sedekah yang paling baik adalah sedekah yang dikeluarkan setelah kecukupan. Orang yang menjaga diri dari sikap meminta-minta, Allah akan menjaga kehormatannya; dan orang yang merasa cukup, Allah akan mencukupkan keperluannya.*" (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Rasulullah (s.a.w) pernah ditanya: "Wahai Rasulullah, sedekah apakah yang paling utama?"

Baginda menjawab: "Sedekah yang dikeluarkan dengan ikhlas oleh orang yang kemampuannya terbatas. Utamakanlah orang yang masih ada hubungan kerabat dan bersedekahlah!"

Seorang sahabat berkata: "Wahai Rasulullah, saya hanya mempunyai wang dua dinar."

Baginda menjawab: "Bersedekahlah kepada isteri-mu!"

Sahabat itu berkata lagi: "Saya masih memiliki harta yang lain."

Baginda berkata: "Bersedekahlah kepada pembantu-mu!"

Sahabat itu berkata lagi: "Saya juga masih memiliki harta yang lain."

Baginda menjawab: "Kamu lebih tahu kepada siapa kamu mesti bersedekah."

Apabila seorang isteri menyedekahkan makanan yang ada di rumahnya, maka sedekah itu tidak akan membuat ekonomi keluarganya menjadi kekurangan. Malah dia akan mendapatkan pahala, begitu pula suaminya kerana suamilah yang bekerja untuk mencari nafkah dan memenuhi keperluan rumah tangganya.

Sedekah adalah pelindung dari panasnya hari kiamat. 'Uqbah bin Âmir (r.a) meriwayatkan bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda:

الْيَدُ الْعُلْيَا خَيْرٌ مِنَ الْيَدِ السُّفْلَى، وَابْدَأْ بِمَنْ تَعُولُ، وَخَيْرُ الصَّدَقَةِ مَا كَانَ عَنْ ظَهْرِ غِنًى، وَمَنْ يَسْتَعْفِفْ يُعِفَّهُ اللهُ، وَمَنْ يَسْتَغْنِ يُغْنِهِ اللهُ.

"*Setiap orang akan berada di bawah naungan sedekahnya sehingga masing-masing akan dipisahkan atau diadili.*"

Dalam riwayat yang lain dikatakan:

كُلُّ امْرِئٍ فِي ظِلِّ صَدَقَتِهِ حَتَّى يَفْصِلَ بَيْنَ النَّاسِ أَوْ قَالَ: يَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ.

"*Naungan orang mukmin pada hari kiamat adalah sedekah.*"

'Uqbah bin Amir (r.a) setiap hari selalu bersedekah meskipun hanya dengan sekeping roti, satu ulas bawang dan sebagainya.

Perbuatan yang sunat tidak boleh diutamakan daripada perbuatan yang wajib. Sekiranya ada seseorang yang hidup bersendirian ataupun bersama orang lain yang perlu dia beri nafkah, kemudian dia ingin menyedekahkan seluruh hartanya dan dia mampu bersabar atas kekurangannya, maka perbuatannya menyedekahkan seluruh hartanya adalah baik selama itu tidak membuatkannya mengemis kepada orang lain.

Seorang mukmin dibolehkan bersedekah sunat sesuka hatinya asalkan tidak menyusahkan dirinya akibat sedekah itu. Dia boleh bersedekah dalam jumlah yang banyak ataupun sedikit, sesuai dengan kemampuannya. Allah (s.w.t) tidak akan menyia-nyiakan kebaikan yang dikerjakan seorang mukmin meskipun sedikit. Perbuatannya itu tetap dikira pahala meskipun orang munafik selalu memusuhi dan meragukan niat orang yang berbuat baik itu. Orang munafik sememangnya selalu mencela sama ada orang mukmin itu menyedekahkan hartanya banyak ataupun sedikit. Apa yang penting segala perbuatan akan tercatat dalam timbangan amalan

manusia.

Allah (s.w.t) telah menyinggung sifat orang munafik ini di dalam al-Qur'an:

ٱلَّذِينَ يَلۡمِزُونَ ٱلۡمُطَّوِّعِينَ مِنَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ فِي ٱلصَّدَقَٰتِ وَٱلَّذِينَ لَا يَجِدُونَ إِلَّا جُهۡدَهُمۡ فَيَسۡخَرُونَ مِنۡهُمۡ سَخِرَ ٱللَّهُ مِنۡهُمۡ وَلَهُمۡ عَذَابٌ أَلِيمٌ ٧٩

"*Orang munafik adalah mereka yang mencela orang-orang beriman yang memberi sedekah dengan ikhlas, dan (mencela) orang-orang yang hanya bersedekah sekadar yang termampu. Orang munafik menghina orang-orang yang bersedekah itu. Allah akan membalas penghinaan mereka; dan mereka akan mendapatkan azab yang pedih.*" (Surah al-Taubah: 79)

Sebab turunnya ayat di atas adalah ketika Rasulullah (s.a.w) ingin menyerang Bani al-Asfar (bangsa Rom). Baginda menghadap ke arah Tabuk dan memerintahkan kepada para sahabat agar bersedekah sebagai persediaan untuk tentera Islam menghadapi peperangan. 'Abdurrahman bin 'Auf (r.a) kemudian menyedekahkan separuh hartanya. Melihat itu, orang-orang munafik lantas berkata: "'Abdurrahman benar-benar seorang yang riya'."

Adapun ayat selanjutnya yang berbunyi: "*Dan (mencela) orang-orang yang hanya bersedekah sekadar yang termampu*," ia diturunkan berkenaan dengan seorang miskin yang digelar sebagai Abu 'Aqil. Dia

datang kepada Rasulullah (s.a.w) sambil membawa satu bekas kurma. Dia berkata: “Wahai Rasulullah, saya hanya mampu bersedekah dengan satu liter kurma ini.” Orang-orang munafilk lantas berkata: “Sesungguhnya Allah dan Rasul-Nya tidak memerlukan sedekah seperti itu!” Rasulullah (s.a.w) kemudian menerima sedekah orang miskin itu dan memerintahkannya menggabungkan sedekahnya dengan sedekah dari orang-orang sebelumnya.[1]



[1] Muhammad Munir al-Janbaz, *al-Muflihun*, Maktabah al-Amani, Riyadh, 1988, cet.1, hlm. 85-86.

JENIS SEDEKAH

Banyak benda yang boleh dikategorikan sebagai sedekah. Rasulullah (s.a.w) bersabda:

كُلُّ سُلاَمَى مِنَ النَّاسِ عَلَيْهِ صَدَقَةٌ، كُلَّ يَوْمٍ تَطْلُعُ فِيْهِ الشَّمْسُ تَعْدِلُ بَيْنَ الاِثْنَيْنِ صَدَقَةٌ، وَتُعِيْنُ الرَّجُلَ عَلَى دَابَّتِهِ فَتَحْمِلَهُ عَلَيْهَا أَوْ تَرْفَعُ لَهُ عَلَيْهَا مَتَاعَهُ صَدَقَةٌ، وَالْكَلِمَةُ الطَّيِّبَةُ صَدَقَةٌ، وَبِكُلِّ خَطْوَةٍ تَمْشِيهَا إِلَى الصَّلاَةِ صَدَقَةٌ، وَتُمِيْطُ الأَذَى عَنِ الطَّرِيْقِ صَدَقَةٌ.

"*Setiap manusia mempunyai peluang untuk bersedekah. Tatkala matahari terbit di pagi hari, mereka yang bersikap adil di antara dua pihak dikira bersedekah. Orang yang menolong haiwan tunggangannya yang membawa barang-barang adalah sedekah. Kata-kata yang baik adalah sedekah. Setiap langkah yang diayunkan untuk mendirikan solat adalah sedekah.*" (Muttafaq 'alaih)

Sedekah yang paling besar adalah bersedekah berdasarkan kedudukan yang dimiliki seseorang, memberi tempat untuk orang lain, memenuhi keperluan masyarakat dan bersikap santun kepada mereka,

terutamanya di zaman yang semakin sukar sekarang ini. Rasulullah (s.a.w) bersabda:

إِنَّ لِلّٰهِ خَلْقًا خَلَقَهُمْ لِحَوَائِجِ النَّاسِ، وَيَفْزَعُ النَّاسُ إِلَيْهِمْ فِي حَوَائِجِهِمْ، أُوْلٰئِكَ الْآمِنُوْنَ مِنْ عَذَابِ اللهِ.

"*Allah memiliki makhluk yang diciptakan untuk memenuhi keperluan manusia. Manusia selalu berlindung kepada mereka untuk memenuhi keperluannya. Mereka itulah orang-orang yang selamat dari azab Allah.*" (Diriwayatkan oleh al-Thabarani)

Apabila seorang miskin yang tidak suka meminta-minta diberi sedekah tanpa hinaan dan sikap merendahkan dari yang memberi, maka sedekah itu menjadi hak orang miskin. Dia berhak menerimanya dengan ikhlas, berterima kasih kepada yang memberi di samping bersyukur kepada Allah (s.w.t) yang telah menundukkan hati orang yang memberi sedekah itu. Dia hendaklah menggunakan sedekah itu untuk keperluan yang penting supaya ekonominya terus meningkat, sehingga dia tetap dapat menjaga maruah dirinya.

Orang miskin wajib menerima sedekah jika itu dapat memudahkan dirinya melakukan ketaatan kepada Allah (s.w.t) di samping mempereratkan hubungan dengan saudara seagama yang memberinya sedekah, kerana Allah (s.w.t) pasti menolongnya.

Kemiskinan bukanlah aib kerana orang miskin tidak pernah memilih menjadi miskin. Sekiranya dia mampu bekerja atau mempunyai modal untuk berusaha tentu dia mampu memenuhi keperluannya sendiri.

ETIKA BERSEDEKAH

Orang yang bersedekah hendaknya memperhatikan etika dan syarat bersedekah supaya dikurniakan pahala oleh Allah (s.w.t). Bersedekah tanpa memenuhi syarat atau etika yang digariskan agama akan membuat pahala sedekah berkurangan ataupun boleh jadi tidak mendatangkan pahala sama sekali.

Etika pertama, sedekah harus berasal dari harta yang didapati dengan jalan yang halal. Sebab Allah (s.w.t) itu baik dan hanya menerima yang baik-baik sahaja. Allah (s.w.t) berfirman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَنفِقُواْ مِن طَيِّبَٰتِ مَا كَسَبْتُمْ ..... ﴿٢٦٧﴾

"*Wahai orang-orang yang beriman, dermakanlah sebahagian daripada harta yang baik yang kamu dapatkan*." (Surah al-Baqarah: 267)

Sedekah tidak boleh dengan barang yang haram meskipun didapati dengan jalan yang halal, seperti minuman keras dan peralatan muzik. Sedekah juga tidak boleh diserahkan kepada orang yang menggunakannya untuk sesuatu yang haram, seperti sedekah ke tempat-tempat memproses minuman keras ataupun gereja.

Bersedekah dengan barang yang haram adalah dilarang. Sebagaimana sabda Rasulullah (s.a.w):

مَنِ اكْتَسَبَ مَالاً مِنْ مَأْثَمٍ فَوَصَلَ بِهِ رَحِمَهُ، أَوْ تَصَدَّقَ بِهِ، أَوْ أَنْفَقَهُ فِيْ سَبِيْلِ اللهِ، جَمَعَهُ ذَلِكَ كُلِّهِ فَقُذِفَ بِهِ فِي جَهَنَّمَ.

"*Barangsiapa mencari harta dengan cara yang haram, kemudian dia gunakan harta itu untuk silaturahim, sedekah, dan sedekah di jalan Allah, semua itu akan dikumpulkan untuk memukulnya di neraka Jahanam.*" (Diriwayatkan oleh Abu Dawud)

Etika kedua, sedekah haruslah dari harta yang paling baik. Allah (s.w.t) berfirman:

لَن تَنَالُوا۟ ٱلْبِرَّ حَتَّىٰ تُنفِقُوا۟ مِمَّا تُحِبُّونَ ..... ﴿٩٢﴾

"*Kamu tidak akan memperolehi kebaikan sehinggalah kamu mengeluarkan sebahagian daripada apa yang kamu cintai.*" (Surah Ali 'Imran: 92)

Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda tentang seseorang yang bersedekah dengan jenis kurma yang berkualiti rendah:

لَوْ شَاءَ رَبُّ هَذِهِ الصَّدَقَةِ تَصَدَّقَ بِأَطْيَبَ مِنْ هَذَا، إِنَّ رَبَّ هَذِهِ الصَّدَقَةِ يَأْكُلُ حَشَفًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

"*Jika pemilik barang sedekah ini hendak bersedekah, hendaklah dia memberikan yang lebih baik daripada ini. Pemilik barang sedekah ini sesungguhnya akan makan kurma yang rendah kualitinya pada Hari Kiamat.*"

(Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Nasa'i).

Etika ketiga, sedekah harus dilakukan dengan ikhlas, mengharap keredhaan Allah (s.w.t) dan tidak dicemari sifat riya' ataupun 'ujub. Niatnya hendaklah ditujukan kepada Allah semata, kerana Rasulullah (s.a.w) bersabda:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى.

"*Setiap perbuatan itu ditentukan oleh niat. Setiap orang akan mendapatkan sesuai dengan apa yang diniatkannya.*" (Muttafaq 'alaih)

Jika seseorang itu bersedekah dengan niat mencari redha Allah, maka Allah akan menerima sedekahnya. Jika seseorang itu bersedekah dengan niat mendapatkan pujian manusia, maka dia tidak akan mendapatkan pahala sedikit pun.

Etika keempat, menyembunyikan sedekah jika itu lebih baik dilakukan, ataupun menampakkannya jika itu yang lebih baik dilakukan.

Etika kelima, jangan menganggap sedekah anda sebagai sesuatu yang hebat. Allah (s.w.t) berfirman:

وَلَا تَمْنُن تَسْتَكْثِرُ ﴿٦﴾

"*Janganlah kamu membangkit-bangkitkan dan jangan menganggapnya sebagai besar!*" (Surah al-Muddatstsir: 6)

Sekiranya sedekah yang dikeluarkan itu besar jumlahnya, ingatlah bahawa ia sudah dibelanjakan di jalan Allah. Orang yang bersedekah akan melihat

ganjarannya pada hari ketika dia lebih memerlukan harta itu.

Orang yang bersedekah hendaklah menjauhkan diri dari sesuatu yang membuatkannya berasa bangga dengan sedekahnya. Hendaklah dia memohon ampun kepada Allah setelah menunaikan sedekahnya, kerana boleh jadi di dalam hatinya terdapat sedikit perasaan 'ujub ketika bersedekah.

Etika keenam, sedekah harus diserahkan dengan wajah yang ceria dan jiwa yang ramah. Rasulullah (s.a.w) bersabda:

لاَ تَحْتَقِرَنَّ مِنَ الْمَعْرُوْفِ شَيْئًا، وَلَوْ أَنْ تَلْقَى أَخَاكَ بِوَجْهٍ طَلْقٍ.

"*Jangan kamu anggap mudah perbuatan baik, meskipun itu sekadar memberi senyuman ketika bertemu dengan saudaramu*." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Sedekah yang sedikit tetapi disertai dengan wajah yang berseri adalah lebih baik bagi si miskin daripada sedekah yang banyak tetapi disertai dengan wajah yang tidak ramah. Dikatakan dalam sebuah athar:

إِنَّ تَبَسُّمَكَ فِي وَجْهِ أَخِيْكَ صَدَقَةٌ.

"*Senyumanmu kepada saudaramu adalah sedekah*."

Etika ketujuh, sedekah harus diserahkan kepada pihak yang sangat memerlukan. Jika ada kerabat yang sangat memerlukan, maka menyerahkan sedekah kepadanya adalah lebih baik berbanding kepada orang

selainnya. Rasulullah (s.a.w) bersabda:

الصَّدَقَةُ عَلَى الْمِسْكِيْنِ صَدَقَةٌ، وَهِيَ إِذَا كَانَتْ عَلَى ذِي الرَّحِمِ ثِنْتَانِ، صَدَقَةٌ وَصِلَةٌ.

"*Sedekah kepada orang miskin mendapat satu pahala, iaitu pahala sedekah. Tetapi jika sedekah itu diserahkan kepada ahli keluarga, maka ia menjadi dua pahala, iaitu pahala sedekah dan pahala silaturahim*." (Diriwayatkan oleh Ahmad dan al-Tirmidzi)

Etika kelapan, orang yang ingin bersedekah wajib segera menunaikan sedekahnya selagi dia masih hidup. Rasulullah (s.a.w) pernah ditanya tentang sedekah yang paling utama. Baginda menjawab: "Hendaklah kamu bersedekah ketika kamu dalam keadaan sihat dan merasa berat menunaikannya; ketika kamu masih mengharapkan kekayaan dan takut akan kemiskinan. Janganlah kamu menunda bersedekah sehingga nyawamu sampai di tenggorokan kemudian kamu berkata: 'Untuk fulan sekian, untuk fulan yang lain sekian…' kerana ketika itu semuanya sudah menjadi milik si fulan." (Muttafaq 'alayh)

Etika kesembilan, menjauhkan diri dari sikap membangkit-bangkitkan sedekah yang diberikan dan menyakiti hati orang yang menerima sedekah. Allah (s.w.t) berfirman:

۞ قَوْلٌ مَّعْرُوفٌ وَمَغْفِرَةٌ خَيْرٌ مِّن صَدَقَةٍ يَتْبَعُهَآ أَذًى ۗ وَٱللَّهُ غَنِيٌّ حَلِيمٌ ﴿٢٦٣﴾

"*Perkataan yang baik dan pemberian maaf adalah lebih baik daripada sedekah yang disertai dengan sikap menyakitkan hati (penerimanya). Allah Maha Kaya dan Maha Penyayang.*" (Surah al-Baqarah:263)

Allah (s.w.t) juga berfirman:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تُبْطِلُوا۟ صَدَقَـٰتِكُم بِٱلْمَنِّ وَٱلْأَذَىٰ .....



"*Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu rosakkan sedekah-sedekah kamu dengan sikap membangkit-bangkitkan tentang sedekah itu dan kata-kata yang menyakiti (hati penerimanya).*" (Surah al-Baqarah: 264)

Dalam ayat di atas terdapat perkataan *al-manni* dan *al-adza*. *Al-manni* adalah menganggap diri telah berbuat baik dan menuntut ucapan terimakasih dari orang yang menerima sedekah ataupun menuntut penghormatan dari penerima sedekah. Sedangkan kata *al-adza* bererti menyakiti hati orang miskin dengan kata-kata, atau anda mendedahkan kepada orang lain bahawa anda telah memberi sedekah kepadanya.

Jika tujuan orang yang bersedekah adalah mencari keredhaan Allah dan pahala yang berlimpah, maka dia harus menunaikannya dengan hati yang ikhlas, tidak dipengaruhi oleh sifat riya' dan tidak diiringi dengan kata-kata yang menyakitkan. Dia juga tidak boleh mengharapkan balasan duniawi atas sedekah yang dikeluarkannya, seperti balasan yang lebih baik, lebih banyak, pujian, penghormatan, dan populariti di tengah-tengah masyarakat.

APAKAH SEDEKAH YANG PALING UTAMA?

Rasulullah (s.a.w) pernah ditanya tentang sedekah yang paling utama. Baginda menjawab: "Sedekah untuk orang miskin yang disembunyikan, dan sedekah yang dilakukan oleh orang yang kemampuannya terbatas. Allah memuji orang yang bersedekah dengan secara sembunyi-sembunyi."

Di dalam sabdanya yang lain Rasulullah (s.a.w) mengatakan: "Ketika Allah (s.w.t) menciptakan bumi, ia bergoncang. Allah kemudian menciptakan gunung-ganang di atas bumi supaya bumi menjadi tenang. Para malaikat takjub melihat gunung-ganang itu. Mereka bertanya: 'Wahai Tuhan, adakah makhluk-Mu yang lebih kuat daripada gunung?' Tuhan menjawab: 'Ada, iaitu besi.' Mereka bertanya lagi: 'Wahai Tuhan, adakah makhluk-Mu yang lebih kuat daripada besi?' Tuhan menjawab: 'Ada, iaitu api.' Mereka bertanya lagi: 'Wahai Tuhan, adakah makhluk-Mu yang lebih kuat daripada api?' Tuhan menjawab: 'Ada, iaitu angin.' Mereka bertanya lagi: 'Wahai Tuhan, adakah makhluk-Mu yang lebih kuat daripada angin?' Tuhan menjawab: 'Ada, Bani Adam yang bersedekah dengan tangan kanannya, dan sedekah itu dia sembunyikan dari tangan kirinya'."

(Diriwayatkan oleh Ahmad dan al-Tirmidzi)

Barangsiapa yang bersedekah di jalan Allah untuk kebaikan, maka ia akan dibalas dengan sepuluh kali kebaikan sehingga mencapai tujuh ratus kali ganda. Jadi, orang yang bersedekah kerana Allah sama dengan orang yang menanam satu biji, kemudian tumbuh dari biji itu tujuh cabang. Setiap cabang mempunyai seratus biji-bijian. Jadi, satu biji berkembang menjadi tujuh ratus biji. Bahkan bagi orang yang bersedekah itu akan Allah gandakan pahalanya sehingga bilangan yang tak terhingga.

Allah (s.w.t) memberi pahala sedekah bergantung kepada keadaan orang yang bersedekah itu, iaitu kadar cintanya terhadap pahala di sisi Allah dan niatnya.[1] Allah (s.w.t) berfirman:

مَّثَلُ ٱلَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَٰلَهُمْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنۢبَتَتْ
سَبْعَ سَنَابِلَ فِى كُلِّ سُنۢبُلَةٍ مِّا۟ئَةُ حَبَّةٍ ۗ وَٱللَّهُ يُضَٰعِفُ لِمَن يَشَآءُ ۗ
وَٱللَّهُ وَٰسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٦١﴾

"*Perumpamaan orang-orang yang menginfakkan harta-harta mereka di jalan Allah, (adalah) seperti satu biji yang tumbuh menjadi tujuh batang. Di setiap batang terdapat seratus biji-bijian. Allah melipatgandakan (ganjaran) untuk orang yang Dia kehendaki. Allah Maha Luas lagi*

---

[1] Ibrahim bin Muhammad adh-Dhabi'i, Op.cit, hlm. 3.

Maha Mengetahui." (Surah al-Baqarah: 261)

Ketahuilah bahawa muslim yang baik adalah muslim yang kuat imannya. Hartanya yang dia gunakan untuk menegakkan kebenaran dan membantu sesiapa sahaja yang memerlukan.

Seseorang yang memiliki akhlak yang terpuji akan sentiasa bersyukur atas rezeki yang Allah kurniakan kepadanya. Rasa syukur itu akan terlihat jelas dari sikap dan tingkah lakunya, iaitu bersifat pemurah dan suka menolong. Kedua-dua sifat ini termasuk sifat-sifat Allah.

Kewajipan seorang muslim adalah bersyukur kepada Allah atas nikmat-Nya. Ada tiga cara untuk mensyukuri nikmat. Pertama, syukur di dalam hati sambil membayangkan semua nikmat yang Allah berikan. Kedua, syukur melalui lisan dengan banyak memuji Allah dan menceritakan nikmat yang diterima. Ketiga, syukur dengan perbuatan, iaitu melakukan apa yang semestinya dilakukan dengan nikmat itu.

Mukmin sejati adalah mukmin yang sentiasa berbuat baik dan bersemangat dalam bersedekah. Al-Faqih Abu al-Laith al-Samarqandi berkata: "Kamu wajib bersedekah, sedikit ataupun banyak. Sebab di dalam sedekah terdapat sepuluh keutamaan yang terpuji. Lima di antaranya dapat kamu rasakan kesannya di dunia manakala lima lainnya akan kamu rasakan di akhirat nanti."[1]

---

[1] 'Abdul Malik al-Qasim, *Aina Nahnu min Ha'ula*', Dar al-Qasim lin-Nasyr wat-Tauzi', 2003, jil. 4, hlm. 198

Lima keutamaan yang dapat dirasakan di dunia adalah: Pertama, menyucikan harta. Rasulullah (s.a.w) bersabda:

يَا مَعْشَرَ التُّجَّارِ، إِنَّ هَذَا الْبَيْعَ يَحْضُرُهُ الْحَقُّ وَالْكِذْبُ، فَشُوْبُوهُ بِالصَّدَقَةِ.

"*Wahai para peniaga, sesungguhnya kegiatan jual-beli ini seringkali kebenaran dan pembohongan dicampuradukkan. Oleh itu, bersihkanlah ia dengan sedekah.*" (Diriwayatkan oleh al-Nasa'i)

Kedua, menyucikan diri dari dosa, sebagaimana firman Allah (s.w.t):

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِم بِهَا ..... ﴿١٠٣﴾

"*Ambillah sebahagian harta-harta mereka sebagai sedekah, yang sedekah itu akan menyucikan dan membersihkan mereka...*" (Surah al-Taubah: 103)

Ketiga, menolak kejahatan dan penyakit. Rasulullah (s.a.w) bersabda:

دَاوُوا مَرْضَاكُمْ بِالصَّدَقَةِ، وَحَصِّنُوْا أَمْوَالَكُمْ بِالزَّكَاةِ وَأَعِدُّو لِلْبَلَاءِ الدُّعَاءَ.

"*Ubatilah penyakit kamu dengan sedekah; lindungilah harta kamu dengan zakat; dan tolaklah bencana dengan doa.*" (Diriwayatkan oleh al-Baihaqi)

Keempat, membahagiakan hati orang miskin. Membahagiakan hati orang mukmin termasuk amal

saleh.

Kelima, mendatangkan keberkatan harta dan keluasan rezeki. Sebagaimana firman Allah (s.w.t) di dalam al-Qur'an:

..... وَمَآ أَنفَقْتُم مِّن شَىْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُۥ ..... ﴿٣٩﴾

"...*Dan apapun yang kamu dermakan nescaya Allah akan menggantikannya*..." (Surah Saba': 39)

Sedangkan lima keutamaan yang akan dirasakan di akhirat adalah:

Pertama, sedekah akan menjadi pelindung bagi mereka yang suka melakukannya dari udara yang sangat panas di Padang Mahsyar.

Kedua, sedekah akan meringankan hisab (perhitungan amalan).

Ketiga, sedekah akan menambahkan berat timbangan kebaikan.

Keempat, sedekah menyelamatkan mereka yang suka melakukannya ketika berjalan di atas jambatan (sirat).

Kelima, memperoleh darjat yang tinggi di syurga.

Jika keutamaan bersedekah hanya diperoleh menerusi doa orang miskin, maka orang yang berakal sihat pun tetap gembira melakukannya. Apalagi sedekah itu mendatangkan redha Allah, pendinding dari godaan syaitan dan perbuatan mengikuti jalan orang-orang saleh.

Rasulullah (s.a.w) bersabda:

مَا مِنْكُمْ مِنْ أَحَدٍ إِلاَّ سَيُكَلِّمُهُ اللهُ لَيْسَ بَيْنَهُ وَبَيْنَهُ تُرْجُمَانٌ فَيَنْظُرُ أَيْمَنَ مِنْهُ فَلاَ يَرَى إِلاَّ مَا قَدَّمَ فَيَنْظُرُ أَشْأَمَ مِنْهُ فَلاَ يَرَى إِلاَّ مَا قَدَّمَ فَيَنْظُرُ بَيْنَ يَدَيْهِ فَلاَ يَرَى إِلاَّ النَّارَ تِلْقَاءَ وَجْهِهِ فَاتَّقُوا النَّارَ وَلَوْ بِشِقِّ تَمْرَةٍ.

"*Setiap kamu pasti akan diajak berbicara oleh Allah tanpa perantara. Ketika kamu melihat ke sebelah kanan, akan nampak oleh kamu segala perbuatan yang pernah kamu lakukan. Ketika kamu melihat ke sebelah kiri, kamu juga akan melihat perbuatan yang pernah kamu lakukan. Ketika kamu melihat ke hadapan, yang kamu lihat adalah api neraka yang hampir menyambar wajah kamu. Hindarilah api neraka dengan cara bersedekah meskipun dengan setengah biji kurma*!" (Muttafaq 'alaih)

Hadis di atas menjelaskan salah satu yang menyebabkan seorang hamba masuk syurga iaitu bersedekah, meskipun dia hanya menyedekahkan separuh kurmanya.

Selain itu, berbuat baik kepada orang miskin, memakan harta yang halal, dan menafkahi keluarga[1] akan mendatangkan berkah dari Allah ke dalam harta di samping mendapatkan pahala yang besar.

[1] *Syarah an-Nawawi li Shahih Muslim*, jil. 18, hlm. 325.

Abu Hurairah (r.a) meriwayatkan sabda Rasulullah (s.a.w):

مَا مِنْ يَوْمٍ يُصْبِحُ الْعِبَادُ فِيْهِ إِلاَّ مَلَكَانِ يَنْزِلاَنِ، فَيَقُوْلُ أَحَدُهُمَا: اللَّهُمَّ أَعْطِ مُنْفِقًا خَلَفًا وَيَقُوْلُ الْآخَرُ: اللَّهُمَّ أَعْطِ مُمْسِكًا تَلَفًا.

"*Setiap kali manusia terjaga dari tidurnya di pagi hari, datanglah dua orang malaikat. Salah satu dari keduanya kemudian berdoa, 'Ya Allah, berikanlah (harta) pengganti kepada orang yang menderma!' dan malaikat yang lain pula berdoa, 'Berikanlah kerugian kepada orang yang mengumpulkan (harta)*'." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim)

Salah satu sedekah yang paling utama adalah mengalirkan air untuk kepentingan masyarakat awam.

Sa'ad bin 'Ubadah (r.a) bertanya kepada Rasulullah (s.a.w): "Wahai Rasulullah, ibuku telah wafat. Bolehkah saya bersedekah untuknya?"

Rasulullah (s.a.w) menjawab: "Ya."

Sa'ad bertanya lagi: "Apakah sedekah yang paling baik?"

Rasulullah menjawab: "Mengalirkan air (untuk kepentingan awam)."

Sa'ad kemudian membuat saluran air di kota Madinah. Dalam riwayat yang lain, Abu Dawud menyebutkan bahawa Sa'ad menggali sumur sebagai

sedekah untuk ibunya.[1]

Orang yang bersedekah hendaklah memerhatikan keperluan semasa masyarakat pada zamannya sehingga sedekah yang dia keluarkan nampak manfaatnya bagi masyarakat.

Allah (s.w.t) berfirman:

..... مِّن قَبۡلِ أَن يَأۡتِيَ يَوۡمٞ لَّا بَيۡعٞ فِيهِ وَلَا خِلَٰلٌ ﴿٣١﴾

"... *sebelum datang hari di mana tidak ada lagi jual-beli dan persahabatan*." (Surah Ibrahim: 31)

Ayat di atas menjelaskan bahawa pada hari kiamat segala sesuatu tidak akan berguna lagi manakala manusia tidak mungkin kembali ke dunia untuk melakukan kebaikan. Pada hari itu tidak ada kegiatan tawar menawar seperti yang biasa dilakukan dalam kegiatan jual-beli dan tiada lagi jalinan persaudaraan kerana setiap orang sibuk dengan urusannya masing-masing.

Bersegeralah melakukan kebaikan! Persiapkan bekalan untuk akhirat dan bertaubatlah atas kesalahan yang pernah anda lakukan sebelum datang Hari Pengadilan.

Dalam ayat lain, Allah (s.w.t) berfirman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَنفِقُواْ مِمَّا رَزَقۡنَٰكُم مِّن قَبۡلِ أَن يَأۡتِيَ يَوۡمٞ
لَّا بَيۡعٞ فِيهِ وَلَا خُلَّةٞ وَلَا شَفَٰعَةٞۗ وَٱلۡكَٰفِرُونَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٢٥٤﴾

[1] Sa'id bin 'Ali Wahf al-Qahthani, *Shadaqah al-Tathawwu' fi al-Islam*, hlm. 28.

"*Wahai orang-orang yang beriman, dermakanlah sebahagian harta yang telah Kami berikan kepada kamu sebelum datang hari di mana tidak ada lagi jual-beli, persahabatan dan pertolongan. Orang-orang kafir adalah orang-orang yang zalim*." (Surah al-Baqarah: 254)

Ayat di atas menunjukkan kasih sayang Allah ke atas hamba-Nya, iaitu dengan mengingatkan manusia agar menyedekahkan sebahagian daripada rezekinya. Tujuannya adalah supaya sedekah itu menjadi simpanan pahala bagi mereka di hari Kiamat nanti ketika mereka sangat memerlukannya. Pada hari itu tidak ada lagi jual-beli. Jika seseorang berusaha menebus dirinya dengan emas sebesar bumi supaya terlepas dari seksa maka usahanya sia-sia belaka. Di hari itu, tidak ada lagi persahabatan, perhatian dan pertolongan di antara sesama manusia.

UNTUK SIAPAKAH SEDEKAH ITU?

Seorang muslim hendaklah mampu menjaga diri dari meminta-minta kepada orang lain, melainkan dalam keadaan terdesak. Qabishah bin Mukhariq al-Hilali menceritakan bahawa:

تَحَمَّلْتُ حَمَالَةً فَأَتَيْتُ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَسْأَلُهُ فِيْهَا، فَقَالَ: أَقِمْ حَتَّى تَأْتِيَنَا الصَّدَقَةُ فَآمُرَ لَكَ بِهَا، ثُمَّ قَالَ: يَا قَبِيْصَةُ إِنَّ الْمَسْأَلَةَ لَا تَحِلُّ إِلاَّ لِأَحَدِ ثَلاَثَةٍ: رَجُلٌ تَحَمَّلَ حَمَالَةً لَهُ فَحَلَّتِ الْمَسْأَلَةُ حَتَّى يُصِيْبَهَا ثُمَّ يُمْسِكُ، أَوْ رَجُلٌ أَصَابَتْهُ جَائِحَةٌ اجْتَاحَتْ مَالَهُ فَحَلَّتْ لَهُ الْمَسْأَلَةُ حَتَّى يُصِيْبَ قِوَامًا مِنْ عَيْشٍ، أَوْ قَالَ سَدَادًا مِنْ عَيْشٍ وَرَجُلٌ أَصَابَتْهُ فَاقَةٌ حَتَّى يَقُوْمَ ثَلاَثَةٌ مِنْ ذَوِي الْحِجَا مِنْ قَوْمِهِ، يَقُوْلُوْنَ: لَقَدْ أَصَابَتْ فُلَانًا فَاقَةٌ فَحَلَّتْ لَهُ الْمَسْأَلَةُ حَتَّى يُصِيبَ قِوَامًا مِنْ عَيْشٍ أَوْ قَالَ: سَدَادًا مِنْ عَيْشٍ فَمَا سِوَاهُنَّ مِنَ الْمَسْأَلَةِ يَا قَبِيْصَةُ سُحْتٌ يَأْكُلُهَا صَاحِبُهَا

سُحْتًا.

"*Dia pernah menanggung beban yang cukup berat untuk memenuhi keperluan keluarganya. Dia kemudian mendatangi Rasulullah (s.a.w) dan mengadukan tentang halnya. Rasulullah (s.a.w) kemudian berkata: "Tunggulah, sampai datang sedekah kepada kita. Aku akan memerintahkan supaya sedekah itu diberikan kepadamu." Rasulullah (s.a.w) kemudian melanjutkan sabdanya: "Wahai Qabishah, sesungguhnya meminta itu tidak halal kecuali untuk salah satu daripada tiga orang; orang yang menanggung beban ekonomi dan halal baginya meminta sekadar untuk keperluannya sahaja; orang yang ditimpa bencana sehingga hartanya habis dan halal baginya meminta untuk bertahan hidup; serta orang yang jatuh bankrap dan halal baginya meminta sekadar untuk bertahan hidup. Ketahuilah wahai Qabishah, apabila ada selain tiga orang itu yang meminta-minta, maka sesungguhnya dia itu memakan bangkai.*"

Al-Zubair bin al-'Awwam (r.a) meriwayatkan bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

لَأَنْ يَأْخُذَ أَحَدُكُمْ حَبْلَهُ فَيَأْتِي بِحَزْمَةِ حَطَبٍ عَلَى ظَهْرِهِ فَيَبِيْعُهَا يَكُفُّ اللهُ بِهَا وَجْهَهُ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ النَّاسَ؛ أَعْطُوْهُ أَوْ مَنَعُوْهُ.

"*Ada seseorang yang membawa tali untuk mengikat kayu lalu memikulnya untuk dijual di pasar. Dengan perbuatannya itu, Allah akan menjaga harga dirinya.*

Ketahuilah bahawa itu lebih baik baginya daripada meminta-minta kepada orang lain, sama ada diberi mahupun tidak."

Setiap orang yang sihat akal fikirannya akan berusaha sedaya upaya untuk mencari rezeki. Dia tidak akan menjadi pemalas dan suka membuang-buang masa.

Adapun orang-orang yang boleh menerima sedekah adalah amil (pengelola yang menerima dan mengagihkan sedekah), orang yang sedang menebus dirinya dari status hamba, orang yang dibelenggu hutang, mereka yang berjuang di jalan Allah, dan orang miskin.

Perlu diketahui bahawa pemberian yang diberikan kepada orang lain, baik untuk mendapatkan redha Allah maupun untuk menyemai kasih sayang, lebih luas daripada sekadar zakat, sedekah, dan hibah.

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, sedekah yang lebih utama adalah kepada kaum kerabat, jiran tetangga dan mereka yang sedang menuntut ilmu. Sedekah kepada kerabat adalah lebih baik berbanding kepada orang lain, terutamanya kerabat yang memusuhi dirinya. Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda:

الصَّدَقَةُ عَلَى الْمِسْكِيْنِ صَدَقَةٌ، وَعَلَى ذِي الرَّحِمِ ثِنْتَانِ: صَدَقَةٌ وَصِلَةٌ.

"*Sedekah kepada orang miskin mendapat pahala sedekah, sedangkan sedekah kepada kerabat mendapat pahala sedekah dan pahala silaturahim.*"

Di dalam hadis lain Rasulullah (s.a.w) pernah berkata kepada Abu Talhah (r.a) yang ingin menyedekahkan hartanya. Rasulullah (s.a.w) berkata: "Menurut pendapatku, lebih baik kamu serahkan sedekah itu kepada kaum kerabatmu."

Abu Talhah (r.a) menjawab: "Saya akan menuruti perintahmu, wahai Rasulullah."

Beliau kemudian membahagikan sedekah itu kepada kaum kerabatnya dan anak-anak bapa saudaranya.

Ummu Kultsum (r.a) meriwayatkan bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda tentang keutamaan sedekah kepada kaum kerabat yang memusuhi:

أَفْضَلُ الصَّدَقَةِ عَلَى ذِي الرَّحِمِ الْكَاشِحِ.

"*Sebaik-baik sedekah adalah sedekah kepada kerabat yang memusuhi.*" (Diriwayatkan oleh al-Tabarani)

Sedekah kepada jiran tetangga juga lebih utama berbanding kepada orang lain, ini seperti yang difirmankan Allah (s.w.t):

..... وَٱلْجَارِ ذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْجَارِ ٱلْجُنُبِ ..... ﴿٣٦﴾

"*...dan tetangga yang memiliki hubungan kerabat, dan tetangga yang tidak ada hubungan kerabat...*" (Surah al-Nisa': 36)

Ibn 'Umar (r.a) dan 'Aisyah (r.a) meriwayatkan bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

مَا زَالَ جِبْرِيْلُ يُوْصِيْنِي بِالْجَارِ حَتَّى ظَنَنْتُ أَنَّهُ سَيُوَرِّثُهُ.

"*Jibril terus mengingatkanku mengenai tetangga sehingga aku menyangka bahawa dia akan menetapkan hak waris ke atas mereka.*"

Abu Syuraih al-Khuza'i (r.a) juga meriwayatkan bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللهِ وَالْيَوْمِ الآخِرِ فَلْيُحْسِنْ إِلَى جَارِهِ.

"*Siapa yang beriman kepada Allah dan hari Akhir, hendaknya dia berbuat baik kepada tetangganya.*"

Sedekah yang dikeluarkan oleh seseorang itu hendaknya diserahkan kepada orang yang memang sangat memerlukannya. Allah (s.w.t) berfirman:

أَوْ مِسْكِينًا ذَا مَتْرَبَةٍ ﴿١٦﴾

"*dan orang miskin yang dalam kesulitan.*" (Surah al-Balad: 16)

Jika anda bersedekah kepada orang miskin yang alim, maka itu lebih baik. Sekurang-kurangnya sedekah itu dapat membantunya mengembangkan ilmu pengetahuan dan agamanya. Jika anda bersedekah kepada orang miskin yang alim dan yang mempunyai hutang, maka itu jauh lebih baik. Begitu pula bila sedekah itu diberikan kepada orang miskin yang mempunyai anak dan isteri. Ia jauh lebih baik daripada memberikannya kepada orang miskin yang tidak mempunyai anak dan isteri.[1]

---

[1] Al-Syaikh 'Abdul 'Aziz Muhammad as-Salman, *Mawarid azh-Zham'an li Durus az-Zaman*, cet. 26, jil.1, hlm. 321-322.

..... وَمَن يُوقَ شُحَّ نَفْسِهِۦ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿١٦﴾

"...*Siapa yang dilindungi dari sifat bakhil, maka merekalah orang-orang yang beruntung*." (Surah al-Taghabun: 16)



SEDEKAH JARIAH

Sedekah jariah adalah sedekah yang tetap mengalir pahalanya untuk orang yang melakukannya meskipun dia sudah meninggal dunia. Rasulullah (s.a.w) bersabda:

إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلاَّ مِنْ ثَلاَثٍ: صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُوْ لَهُ.

"*Jika anak Âdam meninggal dunia, maka terputuslah segala amal perbuatannya kecuali tiga perkara: sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak saleh yang mendoakan kedua ibu bapanya*." (Diriwayatkan oleh Muslim, Ahmad, Abu Dawud dan al-Tirmidzi)

Al-Suyuthi berkata: "Jika seorang anak Adam meninggal dunia, maka tidak ada pahala perbuatan yang mengalir kecuali sepuluh; ilmu yang disebarkan, doa yang dipanjatkan, kebun kurma (atau apa sahaja yang bermanfaat untuk orang yang ditinggalkan), sedekah jariah, warisan al-Qu'ran, bangunan yang dijadikan sebagai tempat menuntut ilmu, sumur ataupun aliran air, rumah tempat persinggahan bagi para musafir, bangunan yang dijadikan tempat berzikir atau untuk

mempelajari al-Qur'an."

لَن تَنَالُوا۟ ٱلْبِرَّ حَتَّىٰ تُنفِقُوا۟ مِمَّا تُحِبُّونَ ۚ ..... ﴿٩٢﴾

"*Kamu tidak akan memperolehi kebaikan sehingga kamu menyedekahkan sebahagian daripada apa yang kamu cintai...*" (Surah Ali 'Imran: 92)



SEDEKAH TANPA HARTA

Banyak cara yang dapat dilakukan untuk mendapat redha Allah. Rasulullah (s.a.w) menegaskan kepada umatnya supaya tidak menganggap mudah perbuatan yang dikerjakan di jalan Allah meskipun ia ringan. Rasulullah (s.a.w) bersabda:

لاَ تَحْقِرَنَّ مِنَ الْمَعْرُوْفِ شَيْئًا وَلَوْ أَنْ تَلْقَى أَخَاكَ بِوَجْهٍ طَلْقٍ.

"*Jangan kamu remehkan sedikit pun dari perbuatan baik meskipun itu berupa senyuman yang kamu berikan ketika bertemu saudaramu.*" (Diriwayatkan oleh Muslim)

Sedekah bukan sahaja berbentuk harta benda. Di antara perbuatan yang dapat dikategorikan sedekah adalah membuang duri di tengah jalan, menyemai amal kebaikan kepada orang lain, menegakkan keadilan, bermusyawarah, perkataan yang baik dan bijaksana, menolong orang yang lemah, menulis buku yang bermanfaat sebagai sedekah jariah, bijaksana dalam mengatur urusan anak-anak, menolong orang miskin, berzikir, mengajak kepada kebaikan dan melarang perbuatan mungkar, mempergauli isteri, tersenyum ketika bertemu dengan orang lain, mencegah bahaya dari kaum muslimin, mengucapkan salam, bersikap adil di

antara dua orang yang bertikai, melangkah untuk solat, mendamaikan masyarakat, adil dalam menyayangi anak-anak, mengajarkan ilmu pengetahuan, menasihati kaum muslimin, menemani orang sakit dan lain sebagainya.

أَنْفِقْ يُنْفِقُ اللهُ عَلَيْكَ.

"*Bersedekahlah, maka Allah akan bersedekah kepada anda*!" (Diriwayatkan oleh al-Tabarani)



SEDEKAH ADALAH KELUASAN HATI[1]

Sedekah merupakan perbuatan yang mendatangkan kebahagiaan, menghilangkan kesedihan dan sarana yang paling efektif untuk melapangkan hati.

Allah (s.w.t) berfirman:

..... ءَامَنُوٓاْ أَنفِقُواْ مِمَّا رَزَقۡنَٰكُم ..... ﴿٢٥٤﴾

"… *dermakanlah sebahagian dari apa yang Kami berikan kepada kamu*!..." (Surah al-Baqarah: 254)

Allah (s.w.t) juga berfirman:

..... وَٱلۡمُتَصَدِّقِينَ وَٱلۡمُتَصَدِّقَٰتِ..... ﴿٣٥﴾

"…*Orang-orang yang bersedekah, sama ada lelaki mahupun perempuan*…"

Rasulullah (s.a.w) menggambarkan orang yang bakhil dan orang yang dermawan bagaikan dua orang yang masing-masing memiliki jubah. Orang dermawan yang selalu memberi jubahnya akan semakin besar dari hari ke hari. Sedangkan orang bakhil yang selalu

[1] A'idh al-Qarni, *La Tahzan*, Maktabah al-Obeikan, hlm. 251.

menahan hartanya akan merasakan jubahnya semakin sempit bahkan membuat lehernya tercekik.

Allah (s.w.t) berfirman:

وَمَثَلُ ٱلَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَٰلَهُمُ ٱبْتِغَآءَ مَرْضَاتِ ٱللَّهِ وَتَثْبِيتًا مِّنْ أَنفُسِهِمْ كَمَثَلِ جَنَّةٍۭ بِرَبْوَةٍ أَصَابَهَا وَابِلٌ فَـَٔاتَتْ أُكُلَهَا ضِعْفَيْنِ فَإِن لَّمْ يُصِبْهَا وَابِلٌ فَطَلٌّ ۗ وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ



"*Perumpamaan orang yang mendermakan hartanya untuk mencari redha Allah dan meneguhkan jiwa mereka seperti sebuah kebun yang terletak di dataran tinggi, yang disirami oleh hujan lebat, maka kebun itu menghasilkan buah-buahan dua kali ganda banyaknya. Jika hujan lebat tidak menyiraminya, maka embun pun sudah memadai. Allah Maha Melihat atas apa yang kamu kerjakan*." (Surah al-Baqarah: 265)

Allah (s.w.t) juga berfirman:

وَلَا تَجْعَلْ يَدَكَ مَغْلُولَةً إِلَىٰ عُنُقِكَ..... ٣٩

"*Jangan jadikan tanganmu membelenggu lehermu!...*" (Surah al-Isra': 29)



BELENGGU JIWA MERUPAKAN BAHAGIAN DARIPADA BELENGGU DI TANGAN

Ketahuilah bahawa orang yang bakhil adalah orang yang paling sempit hati dan buruk akhlaknya. Mereka bakhil terhadap nikmat Allah. Sekiranya mereka sedar bahawa sedekah akan mendatangkan kebahagiaan, maka mereka pasti segera melakukannya. Tetapi sayangnya mereka tidak menyedarinya.

Allah (s.w.t) berfirman:

إِن تُقْرِضُوا۟ ٱللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا يُضَٰعِفْهُ لَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ۚ وَٱللَّهُ شَكُورٌ حَلِيمٌ ﴿١٧﴾

"Jika kamu meminjamkan pinjaman yang baik kepada Allah, maka Dia akan melipatgandakan ganjaran dan mengampuni kamu. Allah Maha Berterimakasih dan Maha Penyayang…" (Surah al-Taghabun:17)

Allah (s.w.t) juga berfirman:

..... وَمَن يُوقَ شُحَّ نَفْسِهِۦ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿١٦﴾

"...*Barangsiapa yang dilindungi dari sifat bakhil, maka merekalah orang-orang yang beruntung*." (Surah at-Taghabun:16)

Seorang penyair berkata:

Allah telah memberimu, maka dermakanlah pemberian itu!

Harta itu tidak ada manfaatnya selagi tidak dalam kebaikan

Harta ibarat air, jika kamu biarkan ia akan menjadi keruh

Jika diagihkan, ia menjadi air yang jernih dan menyegarkan.

Hatim berkata:

Demi Zat yang mengetahui perkara yang ghaib

Yang menghidupkan tulang-belulang yang berserakan

Aku tidak mengenyangkan perutku,

walaupun makanan yang tersedia sangat lazat

Kerana takut akan satu hari yang dahsyat.

Suatu hari Hatim memerintahkan isterinya mengundang beberapa orang makan di rumahnya. Dia berkata kepada isterinya: "Jika kamu membuat makanan, maka undanglah orang lain untuk turut memakannya. Aku tidak akan memakannya bersendirian."

Hatim lalu menjelaskan buktinya: "Tunjukkanlah kepadaku, dermawan yang telah meninggal kerana kedermawanannya sebelum ajal, maka hatiku akan puas atau orang bakhil yang hidup kekal kerana kebakhilannya. Apakah mengumpulkan harta akan dapat memanjangkan umur? Apakah sedekah akan



mengurangkan umur seseorang? Tentu tidak!”

اتَّقُوا النَّارَ وَلَوْ بِشِقِّ تَمْرَةٍ.

“*Hindarilah api neraka walau hanya bersedekah dengan separuh sebiji kurma*!” (Muttafaq ‘alayh)





PERBUATAN YANG MENDATANGKAN PAHALA SEDEKAH[1]

Beberapa perkara yang dapat mendatangkan pahala sedekah adalah:

1. Mengeluarkan sedekah dari harta yang halal.
2. Tetap bersedekah meskipun memiliki harta yang sedikit.
3. Sedekah itu sudah dirancang sebelumnya supaya terhindar dari sifat bakhil.
4. Memberikannya secara sembunyi-sembunyi supaya terhindar dari sifat riya'.
5. Menjauhkan sikap membangkit-bangkit supaya pahala sedekah tidak rosak.
6. Menghindari ucapan yang menyakiti hati orang yang menerima sedekah supaya terhindar dari dosa.
7. Bersegera mengeluarkan sedekah supaya tidak kehilangan kesempatan.

ِنَّ الصَّدَقَةَ تُطْفِئُ غَضَبَ الرَّبِ وَتَدْفَعُ مِيْتَةَ السُّوْءِ.

---

[1] Abdurrahman, al-Musthafawi, *Mursyid al-Khathib wa Dalil al-Bahits*, hlm. 267.

"*Sedekah itu akan memadamkan murka Allah; dan akan menyelamatkan dari kematian yang buruk.*" (Diriwayatkan oleh al-Tirmidzi)

GANJARAN SEDEKAH PADA BULAN RAMADAN DAN DI HARAMAIN

Memberi sedekah pada bulan Ramadan adalah lebih utama berbanding pada bulan-bulan lainnya. Ibn ‘Abbas (r.a) berkata: “Rasulullah (s.a.w) adalah orang yang paling bermurah hati. Baginda akan lebih bermurah hati di bulan Ramadan ketika Jibrîl menjumpainya. Jibril datang kepadanya setiap malam di bulan Ramadan untuk mengajarkan al-Quran. Kemurahan hatinya lebih hebat daripada angin yang bertiup.”

Sedekah di bulan Ramadan bererti membantu orang yang sedang menjalankan puasa. Jadi sedekah tatkala orang lain sangat memerlukannya adalah lebih baik berbanding waktu-waktu yang lain. Allah (s.w.t) berfirman:

أَوْ إِطْعَٰمٌ فِى يَوْمٍ ذِى مَسْغَبَةٍ ﴿١٤﴾ يَتِيمًا ذَا مَقْرَبَةٍ ﴿١٥﴾ أَوْ مِسْكِينًا ذَا مَتْرَبَةٍ ﴿١٦﴾

“*Atau memberikan makan pada hari yang sulit kepada anak yatim yang masih kerabat atau kepada orang miskin yang menderita*.” (Surah al-Balad: 14-16)

Perlu diketahui bahawa sedekah pada sepuluh hari yang terakhir di bulan Ramadan adalah lebih utama berbanding hari-hari lainnya. Ibn ‘Abbas (r.a) meriwayatkan bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

مَا مِنْ أَيَّامِ الْعَمَلِ فِيْهِنَّ أَحَبُّ إِلَى اللهِ مِنْ هَذِهِ الْأَيَّامِ، يَعْنِي أَيَّامَ الْعَشْرِ، قَالُوْا: يَا رَسُوْلَ اللهِ وَلاَ الْجِهَادُ فِيْ سَبِيْلِ اللهِ؟ قَالَ: وَلاَ الْجِهَادُ فِيْ سَبِيْلِ اللهِ، إِلاَّ رَجُلٌ خَرَجَ بِنَفْسِهِ وَمَالِهِ فَلَمْ يَرْجِعْ مِنْ ذَلِكَ بِشَيْءٍ.

“*Tidak ada hari yang perbuatan baik lebih dicintai Allah kecuali pada hari-hari ini (sepuluh hari terakhir di bulan Ramadan). Para sahabat bertanya: “Wahai Rasulullah, bagaimana dengan jihad di jalan Allah?” Baginda menjawab: “Tidak juga jihad, kecuali seseorang yang berjihad dengan harta dan jiwanya kemudian dia tidak kembali lagi.*”

Sedekah di Haramain (Mekkah dan Madinah) juga lebih utama daripada sedekah di tempat lain, kerana Allah melipatgandakan pahala kebaikan di tempat-tempat yang mulia.

Abu Hurairah (r.a) meriwayatkan sabda Rasulullah (s.a.w):

صَلاَةٌ فِيْ مَسْجِدِيْ هَذَا أَفْضَلُ مِنْ أَلْفِ صَلاَةٍ فِيْمَا سِوَاهُ إِلاَّ الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ.

"*Solat di masjidku ini lebih utama daripada seribu kali solat di tempat lain, kecuali Masjidil Haram.*"

Dalam riwayat yang lain disebutkan:

فَإِنِّي خَيْرُ الْأَنْبِيَاءِ وَإِنَّ مَسْجِدِيْ خَيْرُ الْمَسَاجِدِ.

"*Aku adalah Nabi yang terbaik; dan masjidku adalah masjid yang terbaik.*"

Beliau kemudian menambahkan:

صَلاَةٌ فِي الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ أَفْضَلُ مِنْ مِائَةِ أَلْفِ صَلاَةٍ فِيْمَا سِوَاهُ.

"*Solat di Masjidil Haram lebih utama daripada solat seratus ribu kali di tempat lain.*"[1]



[1] Syaikh'Abdul'Aziz as-Salman, Op. cit., hlm. 320.

MANFAAT SEDEKAH

Sedekah adalah mengeluarkan harta dengan tujuan mendekatkan diri taqarrub) kepada Allah (s.w.t). Sedekah dapat menghindarkan kesulitan dalam memperolehi rezeki, bencana besar, kejahatan, dan mati dengan cara yang tidak baik. Sedekah juga dapat menutup tujuh puluh pintu bencana, kemiskinan, dan penyakit. Sebagaimana sabda Rasulullah (s.a.w):

الصَّدَقَةُ تَسُدُّ سَبْعِيْنَ بَابًا مِنَ السُّوْءِ.

"*Sedekah dapat menutup tujuh puluh pintu kejahatan.*" (Diriwayatkan oleh al-Thabarani)

Berikut ini adalah antara beberapa manfaat sedekah:[1]

1. Mengutamakan redha Allah daripada harta.
2. Sebagai bukti keimanan. Nabi (s.a.w):

الصَّدَقَةُ بُرْهَانٌ.

"*Sedekah adalah bukti keimanan yang tulus.*"

---

[1] Musthafa Haqqi, *al-Muntaqa min al-Fawa'id al-Imaniyah*, Dar Thuwaiq, Riyadh, 1424 H., cet. 1, hlml. 200.

3. Membiasakan diri berakhlak terpuji.
4. Menghilangkan sikap dengki, iri hati, dan emosi.
5. Sedekah adalah ubat berbagai macam penyakit, sebagaimana hadis Nabi (s.a.w):

   دَاوُوا مَرْضَاكُمْ بِالصَّدَقَةِ.

   "*Ubatilah penyakit kamu dengan sedekah.*"
6. Menghiasi diri dengan sifat-sifat orang yang pemurah.
7. Menghindarkan diri dari musibah dan kejahatan.
8. Melatih diri untuk bersikap dermawan.
9. Menanamkan rasa cinta di antara sesama muslim, kerana jiwa manusia diciptakan dengan karakter mencintai orang yang berbuat baik kepadanya.
10. Mencapai sesuatu yang diharapkan dan terhindar dari sesuatu yang ditakuti. Allah (s.w.t) berfirman:

    ..... وَمَن يُوقَ شُحَّ نَفْسِهِۦ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿١٦﴾

    "*Siapa yang dilindungi dari sifat bakhil, maka merekalah orang-orang yang beruntung.*" (Surah al-Taghabun: 16)
11. Menghindarkan diri dari mati secara buruk, sebagaimana hadis Nabi (s.a.w):

    إِنَّ الصَّدَقَةَ تُطْفِئُ غَضَبَ الرَّبِّ وَتَدْفَعُ مِيْتَةَ السُّوْءِ.

    "*Sedekah dapat memadamkan murka Allah dan menghindarkan pelakunya dari kematian yang buruk.*"

12. Mendapat perlindungan Allah (s.w.t) pada hari Kiamat. Nabi (s.a.w) bersabda:

سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللهُ فِي ظِلِّهِ، وَذَكَرَ مِنْهُمْ: رَجُلٌ تَصَدَّقَ بِصَدَقَةٍ فَأَخْفَاهَا حَتَّى لاَ تَعْلَمَ شِمَالُهُ مَا تُنْفِقُ يَمِيْنُهُ.

"*Ada tujuh golongan manusia yang dilindungi Allah dalam naungan-Nya. Di antaranya adalah orang yang bersedekah secara sembunyi-sembunyi sehingga tangan kirinya tidak mengetahui apa yang disedekahkan oleh tangan kanannya.*"

13. Mendapat pujian dari Allah.
14. Mendekatkan diri kepada rahmat Allah. Allah (s.w.t) berfirman:

..... إِنَّ رَحْمَتَ ٱللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٥٦﴾

"*Rahmat Allah dekat dengan orang-orang yang berbuat baik.*" (Surah al-A'raf: 56)

15. Mendapatkan ganti dari sedekah yang dikeluarkan-nya. Nabi (s.a.w) pernah berdoa:

اللَّهُمَّ أَعْطِ مُنْفِقًا خَلَفًا.

"*Ya, Allah, berikanlah ganti kepada orang-orang yang bersedekah.*"

16. Mendapatkan pahala berlipat ganda. Dari sepuluh sehingga tujuh puluh kali ganda, bahkan sehingga kelipatan yang Allah kehendaki

Allah (s.w.t) berfirman:

إِنَّ ٱلْمُصَّدِّقِينَ وَٱلْمُصَّدِّقَٰتِ وَأَقْرَضُوا۟ ٱللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا يُضَٰعَفُ لَهُمْ وَلَهُمْ أَجْرٌ كَرِيمٌ ﴿١٨﴾

"*Orang-orang yang bersedekah, lelaki mahupun perempuan, dan memberikan pinjaman kepada Allah dengan pinjaman yang baik, maka Allah akan memberikan pahala berlipat ganda bagi mereka, dan mereka mendapatkan ganjaran yang besar*." (Surah al-Hadid: 18)

Ketika Aisyah (r.a) hendak menyedekahkan wang dirhamnya, beliau menyapu dirham itu dengan minyak kasturi. Sebahagian orang bertanya: "Kenapa engkau menyapu dirham itu dengan minyak kasturi, wahai Ummul Mukminin?"

'Aisyah (r.a) menjawab: "Kerana aku akan melipatgandakannya di tangan Allah sebelum aku meletakkannya di tangan orang miskin." Aisyah (r.a) selalu berusaha agar sedekahnya itu benar-benar ikhlas kerana Allah.

Sedekah juga memiliki banyak manfaat bagi masyarakat, di antaranya adalah:[1]

1. Sebagai salah satu penyelesaian dalam menangani masalah kemiskinan.

---

[1] Ibrahim Muhammad al-Dhabi'i, Op. cit., hlm. 14.

2. Menghilangkan dendam orang-orang miskin yang merasa haknya dirampas oleh orang-orang kaya. Sebagaimana hadis Nabi (s.a.w):

كَادَ الْفَقْرُ أَنْ يَكُوْنَ كُفْرًا.

"*Kemiskinan itu hampir-hampir menjadi kekufuran*."

3. Menghilangkan perasaan dengki orang miskin terhadap orang orang kaya.
4. Menghindari perbuatan jenayah. Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda:

اتَّقُوا الشُّحَّ فَإِنَّهُ أَهْلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ.

"*Hindarilah sifat kedekut, kerana ia telah menghancurkan orang-orang sebelum kamu*." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Hadis di atas menjelaskan bahawa sifat bakhil orang-orang kaya akan menimbulkan kemarahan orang-orang miskin. Sehingga mereka akan terdorong melakukan jenayah terhadap orang-orang kaya untuk mendapatkan harta. Jadi sedekah dapat melindungi masyarakat dari jenayah dan sifat dendam. Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda:

إِنَّ الرَّجُلَ إِذَا غَرِمَ حَدَّثَ فَكَذَبَ وَوَعَدَ فَأَخْلَفَ.

"*Apabila seseorang berhutang (kerana dibelit kemiskinan), dan dia berjanji akan melunasinya, maka dia akan berdusta. Jika dia berjanji, maka dia akan mengingkarinya*." (Diriwayatkan oleh al- Bukhari dan Muslim)

JIKA ANDA INGIN BERSEDEKAH

Imam al-Baghawi berkata: "Jika seseorang hendak bersedekah atau memberi hadiah kepada tetangganya, maka dahulukanlah tetangga yang pintu rumahnya lebih dekat dan seterusnya. Jika salah satu tetangganya masih termasuk kerabat, maka utamakanlah dia, walaupun rumahnya lebih jauh dari tetangga yang lain kerana kedekatan hubungan kerabat lebih utama daripada yang berhampiran rumah jiran tetangga." Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Sedekah dapat menutup tujuh puluh pintu keburukan*." (Diriwayatkan oleh al-Thabarani)

SOALAN BERKAITAN SEDEKAH DAN KEBAIKAN[1]

Soalan: "Mengapa Allah menyebut sedekah untuk dirinya dengan kata qardhun? Dalam firman-Nya disebutkan:

مَّن ذَا ٱلَّذِى يُقْرِضُ ٱللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا ..... ﴿٢٤٥﴾

"*Siapa sahaja yang meminjamkan pinjaman yang baik kepada Allah*…" (Surah al-Baqarah: 245)

Jawapan: "Perkataan qardhun digunakan untuk menunjukkan keperluan. Allah (s.w.t) memberitahukan bahawa Dia seakan-akan memerlukan sedekah anda untuk menyempurnakan cinta-Nya (mahabbah). Itulah yang dikatakan oleh al-Naisaburi. Beliau berkata bahawa maksud penggunaan kata qardhun adalah agar orang yang bersedekah tidak menganggap dirinya telah memberi sesuatu yang berharga kepada orang miskin sehingga dirinya tidak merasa berjasa terhadap si miskin

[1] Al'Allamah Syihabuddin Ahmad bin 'Imad al-Aqfasi, *Kasyfu al-Asrar'an Ma Khafiya min alAfkar*, Beirut, edisi 2005, hlm. 218.

yang menerima sedekahnya."

Soalan: "Mengapa ganjaran sedekah lebih baik daripada kebaikan yang lain?"

Jawapan: "Sebab mengeluarkan harta untuk sedekah itu berat dilakukan berbanding perbuatan baik yang lain. Apabila anda menyedekahkan harta yang anda sukai maka pahalanya pun akan semakin besar. Perhatikanlah solat yang dikerjakan oleh orang yang sakit atau orang yang sudah tua. Semakin berat usaha yang mereka lakukan untuk kebaikan maka pahalanya pun semakin besar. Orang miskin akan merasa sangat gembira kerana mendapat sedekah. Tidak ada kebaikan yang lebih utama daripada menyenangkan hati seorang mukmin."

Soalan: "Apakah hikmah di sebalik melipatganda-kan pahala kebaikan?"

Jawaban: "Supaya seorang hamba tidak mengalami kerugian di akhirat nanti ketika dituntut oleh orang lain. Orang yang menuntutnya akan mendapatkan satu pahala, sedangkan dia tetap mendapatkan sembilan pahala.

Di akhirat kelak, seseorang yang berbuat zalim kepada orang lain mesti membayar dengan pahala kebaikannya, bukan dengan lipatan ganda amal itu, kerana itu merupakan anugerah dari Allah (s.w.t).

Imam al-Baihaqi menyebutkan dalam bukunya *al-Ba'tsu wan-Nutsur*, bahawa berlipat gandanya pahala itu merupakan anugerah dari Allah (s.w.t), dan ia tidak ada hubungannya dengan manusia. Allah akan memberi

kepada hamba-Nya ketika Dia memasukkannya ke dalam syurga."

Soalan: "Apakah maksud sabda Rasulullah (s.a.w):

وَيْلٌ لِمَنْ غَلَبَ آحَادُهُ أَعْشَارَهُ.

"*Celakalah orang yang satunya (ahad) mengalahkan sepuluhnya (a'syar)*?"

Jawapan: "Apa yang dimaksudkan dengan "satunya" (ahad) adalah kejahatan, kerana semua kejahatan bernilai satu. Sementara yang dimaksudkan dengan "sepuluhnya" (a'syar) adalah kebaikan dan kelipatannya, kerana satu kebaikan akan dibalas dengan sepuluh kali ganda."

Soalan:[1] "Apakah mengemis itu dapat digolongkan sebagai satu pekerjaan? Bolehkah bersedekah kepada orang yang menganggapnya sebagai pekerjaan?"

Jawapan: "Pada dasarnya sedekah merupakan perbuatan yang baik, namun ia akan berubah menjadi haram jika tidak sesuai pada tempatnya. Perlu diketahui bahawa tidak semua pengemis itu tergolong orang yang sangat memerlukan. Bahkan di antara mereka ada yang kaya dan mampu. Oleh itu, jika anda melihat di antara pengemis itu yang masih sihat dan kuat, maka janganlah anda bersedekah kepadanya, kerana sebenarnya mereka masih mampu bekerja. Anda harus berusaha mendidik mereka dengan berbagai cara supaya mahu bekerja dan

---

[1] Syaikh Sa'ad bin 'Abdullah al-Barik, Fatawa 'Ulama al-Balad al-Haram, edisi 1999M, hlm. 1260.

berjuang membanteras kemiskinan." Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Ubatilah penyakit kamu dengan sedekah; lindungilah harta kamu dengan zakat; dan tolaklah bencana dengan doa!" (Diriwayatkan oleh al-Baihaqi)



SEDEKAH DI MATA ORANG SALAF

'Ali bin Abu Talib (r.a) berkata: "Barangsiapa di antara kamu yang diberikan harta oleh Allah, maka jalinlah hubungan kekerabatan dengan harta itu, bersikaplah baik dalam menyambut tamu, bebaskanlah tawanan, bantulah orang yang sedang dalam perjalanan (ibnu sabil), orang miskin, dan para pejuang. Pergunakanlah harta itu umpama barang amanah dari Allah. Dengan demikian, anda akan memperolehi kemuliaan di dunia dan akhirat."[1]

'Umar bin al-Khattab (r.a) berkata: "Semua perbuatan baik akan saling membanggakan diri; lalu sedekah berkata: 'Akulah yang paling utama di antara kamu semua'."

Abû Hâtim berkata, "Bakhil adalah sebatang pohon di neraka yang cabang-cabangnya berada di dunia. Sesiapa yang bergantung pada salah satu cabangnya, maka dia akan diheret ke neraka. Sedangkan sifat murah hati adalah sebatang pohon di syurga yang cabang-

---

[1] Abu Hatim al-Sabti, *Raudhah al-'Uqala' wa Nuzhah al-Fudhala'*.

cabangnya juga berada di dunia. Siapa yang bergantung pada salah satu cabangnya, maka ia akan membawanya ke syurga. Syurga adalah rumah bagi orang-orang yang murah hati."

Al-Fudhail bin 'Iyadh berkata tentang orang-orang yang menerima sedekah: "Mereka membawakan bekalan kami ke akhirat tanpa bayaran, sehingga mereka meletakkannya dalam timbangan di hadapan Allah (s.w.t)."

Yahya bin Mu'adz berkata: "Pahala satu kali bersedekah adalah sama beratnya dengan gunung yang ada di dunia."

'Ali bin Abu Talib (r.a) berkata: "Hiasilah imanmu dengan sedekah, lindungilah hartamu dengan zakat, dan hindarilah bencana dengan doa!"[1]

'Umar bin 'Abdul 'Aziz (r.a) berkata: "Solat akan menghantarmu menempuhi setengah perjalanan, puasa menghantarmu ke pintu Allah; dan sedekah memasukkanmu ke dalam syurga."

Salman al-Farisi (r.a) berkata: "Jika seorang yang murah hati meninggal dunia, maka bumi dan para malaikat akan berkata: 'Ya Allah, ampunilah hamba-Mu ini kerana kemurahan hatinya.' Jika orang yang kedekut meninggal dunia, maka mereka akan berkata: 'Ya Allah, halangilah dia dari syurga sebagaimana dia menghalang orang lain dari apa yang ada di tangannya'."

---

[1] Musthafa Haqqi, *Nafa'is al-Kalam min Afwahi as-Salaf al-Kiram*, Dar al-Syarif, Riyadh, hlm. 35.

Ada sebuah kisah tentang orang Quraisy yang datang dari perjalanan yang jauh. Dia melewati satu jalan lalu berjumpa dengan seorang Badwi yang sedang duduk di pinggir jalan.

Orang Badwi itu sedang sakit dan berkata: “Tolonglah aku mengatasi penderitaan ini!”

Orang Quraisy itu lantas berkata kepada pembantunya: “Berikan kepadanya apa yang masih ada padamu!”

Pembantunya kemudian memberikan wang sebanyak 400,000 (empat ratus ribu) dirham ke kantung milik orang Badwi itu. Orang Badwi itu terpinga-pinga melihat wang yang banyak itu. Dia berusaha untuk berdiri tetapi tidak mampu kerana sakit yang dideritanya, maka dia pun menangis.

Orang Quraisy itu berkata: “Mengapa kamu menangis? Apakah pemberianku itu kurang?”

Orang Badwi itu menjawab: “Tidak, aku menangis kerana kemurahan hatimu.”[1]

‘Usman bin ‘Affan (r.a) pernah berkata: “Berniagalah dengan Allah melalui sedekah, pasti kamu akan beruntung.”

Suatu ketika, Ibn ‘Umar (r.a) menyedekahkan gula. Lalu ada yang berkata kepadanya: “Seandainya sahaja engkau bersedekah dengan wang senilai dengan gula itu, maka itu akan lebih bermanfaat bagi mereka.”

---

[1] Ahmad Mu’adz Haqqi, *Arba’un Haditsan fî al-Akhlaq*, Dar Thuwaiq, Riyadh, hlm. 44.

Ibn 'Umar (r.a) menjawab: "Aku tahu. Hanya sahaja aku mendengar firman Allah (s.w.t) yang berbunyi:

لَن تَنَالُواْ ٱلْبِرَّ حَتَّىٰ تُنفِقُواْ مِمَّا تُحِبُّونَ ..... ﴿٩٢﴾

"*Kamu tidak akan mendapatkan kebaikan sehingga kamu mendermakan sebahagian daripada apa yang kamu cintai*." (Surah Ali 'Imran: 29). Sementara aku sangat mencintai gula."

'Abdullah bin al-Mubarak (r.a) berkata: "Barangsiapa yang melakukan solat (sunat) dua belas rakaat setiap hari maka dia telah menunaikan hak solat. Sesiapa yang berpuasa tiga hari, maka dia telah menunaikan hak puasa. Sesiapa yang membaca al-Quran dua ratus ayat setiap hari, maka dia telah menunaikan hak al-Quran. Sesiapa yang bersedekah satu dirham setiap Jumaat, maka dia telah menunaikan hak sedekah."

Laith bin Sa'ad berkata: "Barangsiapa yang menerima sedekah dariku maka haknya terhadapku adalah lebih besar daripada hakku terhadapnya, kerana dia telah menerima qurban yang aku persembahkan kepada Allah (s.w.t)."[1]

Salah satu sikap orang saleh adalah apabila datang orang miskin kepadanya meminta sedekah, maka dia akan berkata: "Selamat datang wahai orang yang akan membawa bekalanku kepada Tuhanku." Bekalan tersebut adalah kebaikan (sedekah) dan perbuatan yang

[1] Hasan Ahmad Hasan Hamam, *al-Tadawi bi ash-Shadaqah*, Dar al-Hadharah li an-Nasyr wa at-Tauzi', Riyadh, hlm. 8.

akan mendekatkannya kepada redha Allah (s.w.t).

Yahya bin Mu'adz berkata: "Pahala satu kali bersedekah adalah sama beratnya dengan gunung yang ada di dunia."

Luqman al-Hakim berkata kepada anaknya: "Jika kamu melakukan satu kesalahan, maka bersedekahlah!"

Salah satu dari orang-orang saleh pernah berkata: "Naungan orang beriman di akhirat adalah sedekahnya."

Imam al-Baihaqi berkata: "Mintalah rezeki dengan bersedekah."

Al-Hasan al-Bashri (r.h) juga pernah berkata: "Sahabat yang paling baik adalah dinar dan dirham yang kamu sedekahkan."

Al-Zuhri berkata: "Perbanyaklah melakukan sesuatu yang menyebabkan kamu tidak disentuh api neraka." Ditanyakan kepadanya: "Apakah sesuatu itu?" Beliau menjawab: "Berbuat baik (al-ma'ruf)."[1]

Mujahid berkata: "Meskipun seseorang itu menyedekahkan hartanya sebesar gunung Uhud semata-mata kerana Allah, dia pasti tidak akan menyesal."

Setiap hari di bulan Ramadan, Hammad bin Abu Salman memberikan makanan untuk berbuka puasa kepada lima puluh orang. Jika datang malam hari raya Aidil Fitri, dia memberikan kepada masing-masing daripada mereka sehelai pakaian.

---

[1] Zakariyya bin Ghulam al-Pakistani, *Min Akhbar as-Salaf*, Maktabah ar-Rusyd, hlm. 70.

'Abdullah bin Ja'far berkata: "Orang yang murah hati adalah yang memberi tanpa diminta. Dia memberikan sesuatu kepadamu kerana kemahuannya sendiri. Sesungguhnya kesedaran untuk memberi sedekah adalah lebih berat berbanding memberi sedekah kepada seseorang yang meminta."[1]

Al-Sya'bi berkata: "Barangsiapa yang tidak menyedari bahawa dirinya lebih memerlukan pahala sedekah berbanding orang miskin yang memerlukan sedekahnya, maka sedekahnya itu sia-sia belaka, dan wajahnya akan dipukul dengan sedekah itu pada hari Kiamat nanti."[2]

Ibn Mas'ud (r.a) berkata: "Satu dirham yang kamu sedekahkan dalam keadaan sihat dan kuat adalah lebih baik berbanding seratus dirham yang kamu wasiatkan menjelang kematianmu." Beliau juga berkata: "Setiap kali ada kerabatku yang meninggal dunia dan meninggalkan hutang, aku pasti akan menjelaskannya."

Zainal 'Abidin (r.a) berkata: "Sedekah pada malam hari akan memadamkan murka Allah."

Ahmad al-Rifa'i berkata: "Selawat kepada Rasulullah (s.a.w) akan mempermudah jalan di atas sirat dan membuatkan doa dikabulkan. Begitu juga sedekah yang akan memadamkan kemurkaan Allah." "Sebaik-baik sedekah adalah sedekah kepada kerabat yang memusuhi." (Diriwayatkan oleh al-Thabarani)

---

[1] Ibn Abu al-Dunya, *Qadha' al-Hawa'*, hlm. 42.

[2] 'Abdurrahman al-Musthafawi, Op. cit., hlm. 267.

NASIHAT DALAM BERSEDEKAH

Diceritakan bahawa sebahagian ulama pernah mendengar seseorang membaca ayat:

..... وَمَآ أَنفَقْتُم مِّن شَىْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُۥ ۖ وَهُوَ خَيْرُ ٱلرَّٰزِقِينَ ﴿٣٩﴾

"*Segala sesuatu yang kamu sedekahkan akan diganti oleh Allah dan Dia lah jua sebaik-baik pemberi rezeki...*" (Surah Saba':39)

Orang yang membaca ayat itu kemudian jatuh tersungkur dan pengsan. Setelah tersedar dia berucap: "Orang yang dicintai Allah adalah orang yang memberikan harta tanpa mengharap ganti."

Allah (s.w.t) berfirman dalam hadis qudsi: "*Redha-Ku ada pada keredhaan orang-orang miskin. Oleh kerana itu, penuhilah perut mereka dengan makanan dan minuman, dan penuhilah timbanganmu dengan pahala*."

Seorang ulama berkata: "Perbuatan yang paling baik adalah melaparkan perut yang kenyang dengan berpuasa, dan mengenyangkan perut orang lain yang lapar dengan makanan. Keduanya adalah pendinding dari api neraka."

Ulama yang lain berkata: "Allah membatasi balasan kebaikan dengan sepuluh kali ganda, sedangkan sedekah dilipatgandakan dengan bilangan yang banyak. Sebagaimana dalam firman-Nya:

مَّن ذَا ٱلَّذِى يُقْرِضُ ٱللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضَٰعِفَهُۥ لَهُۥٓ أَضْعَافًا كَثِيرَةً ۚ وَٱللَّهُ يَقْبِضُ وَيَبْصُۜطُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢٤٥﴾

"*Barangsiapa yang meminjamkan pinjaman yang baik kepada Allah, maka Dia akan melipatgandakan dengan gandaan yang banyak (katsrah) baginya. Allah menahan dan meluaskan (rezeki). Hanya kepada-Nya-lah kamu akan kembali.*" (Surah al-Baqarah: 245)

Pada ayat itu, kata "banyak" (katsrah) bererti kelipatan yang tidak terbatas.

Ketahuilah, harta yang berada di tangan anda suatu ketika pasti akan lenyap. Akan tetapi, jika anda menyedekahkannya maka ia akan kekal.

Allah (s.w.t) berfirman:

..... وَمَا تُقَدِّمُوا۟ لِأَنفُسِكُم مِّنْ خَيْرٍ تَجِدُوهُ عِندَ ٱللَّهِ ۗ ..... ﴿١١٠﴾

"…. *segala kebaikan yang kamu dermakan adalah untuk diri kamu sendiri, kamu akan menemuinya di sisi Allah….*" (Surah al-Baqarah: 110)

Allah (s.w.t) juga berfirman:

مَا عِندَكُمْ يَنفَدُ ۖ وَمَا عِندَ ٱللَّهِ بَاقٍ ۗ ..... ﴿٩٦﴾



"*Apa yang ada di sisi kamu akan sirna, dan apa yang ada di sisi Allah adalah kekal...*" (Surah al-Nahl: 96)

Harta yang anda sedekahkan akan berkembang dan menjadi banyak manakala harta yang berada di tangan anda bilangannya tetap, malah semakin lama semakin berkurangan. Sebagaimana firman Allah (s.w.t),

..... قُلْ مَتَـٰعُ ٱلدُّنْيَا قَلِيلٌ ..... ﴿٧٧﴾

"*.... katakanlah, kenikmatan dunia itu sedikit....*" (Surah al-Nisa': 77)

Diriwayatkan dari Nabi 'Isa (a.s): "Barangsiapa yang menolak pengemis dari pintu rumahnya secara kasar, maka para malaikat tidak akan memasuki rumahnya selama tujuh hari. Siapa yang meninggal dunia dalam keadaan miskin dan dia rela kepada Allah akan kemiskinannya, maka di syurga nanti tidak ada orang yang lebih kaya daripada dirinya. Siapa yang meninggal dan tidak memiliki kain kafan untuk jenazahnya, Allah (s.w.t) akan berkata kepada Jibril (a.s): 'Wahai Jibril, kafanilah hamba-Ku ini dengan kafan dari syurga Firdaus dan solatkanlah dia.' Jibril (a.s) lalu bersolat ke atasnya bersama tujuh ribu malaikat yang lain, lalu dikatakan kepada orang itu: 'Inilah ganjaran ke atas orang miskin yang tidak pernah meminta sedekah kepada orang lain'."

Pada hakikatnya, harta adalah milik Allah dan manusia hanyalah penjaga dan pengelola harta dari Allah (s.w.t). Allah selalu menyeru hamba-Nya dengan kata-kata yang indah supaya mendermakan hartanya.



Kata-kata indah itu tergambar dalam sebuah ayat yang mengatakan bahawa Allah akan membeli harta orang mukmin untuk diganti dengan sesuatu yang lebih besar dan lebih berharga iaitu syurga.

Allah (s.w.t) berfirman:

۞ إِنَّ ٱللَّهَ ٱشْتَرَىٰ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَٰلَهُم
بِأَنَّ لَهُمُ ٱلْجَنَّةَ ..... ﴿١١١﴾

"*Sesungguhnya Allah telah membeli harta dan jiwa kaum mukminin dengan ganjaran berupa syurga…*" (Surah al-Taubah: 111)

Di dalam firman-Nya yang lain disebutkan:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ هَلْ أَدُلُّكُمْ عَلَىٰ تِجَٰرَةٍ تُنجِيكُم مِّنْ عَذَابٍ
أَلِيمٍ ﴿١٠﴾ تُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَتُجَٰهِدُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ
بِأَمْوَٰلِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ ۚ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١١﴾

"*Wahai orang-orang yang beriman, apakah kamu mahu Aku tunjukkan satu perniagaan yang akan menyelamatkan kamu dari azab yang pedih? Berimanlah kepada Allah dan rasul-Nya dan berjuanglah di jalan Allah dengan harta dan jiwa kamu. Itulah yang baik bagi kamu jika kamu mengetahui.*" (Surah al-Shaff: 10-11)

Dalam sebuah hadis qudsi, Allah (s.w.t) berfirman:

يَا ابْنَ آدَمَ، أَفْرِغْ مِنْ كَنْزِكَ عِنْدِي، وَلاَ حَرَقَ وَلاَ غَرَقَ، وَلاَ سَرَقَ أُوَفِّيْكَهُ أَحْوَجَ مَا تَكُوْنَ إِلَيْهِ.

"*Wahai anak Adam, kosongkanlah gudangmu untuk memenuhi apa yang ada di sisi-Ku. Engkau akan selamat dari kebakaran, banjir, kecurian dan kejahatan. Aku pasti memenuhi segala apa yang engkau perlukan.*" (Diriwayatkan oleh al-Thabarani dan al-Baihaqi)

Orang yang memiliki sifat murah hati akan terbiasa bersedekah meskipun dia dalam keadaan miskin. Dia rela mengeluarkan hartanya untuk bersedekah meskipun dia sendiri dan keluarganya masih memerlukan. Dia selalu mengutamakan kepentingan orang lain berbanding dirinya sendiri.[1]

Syaikh Ibrahim Haqqi berkata: "Janganlah kamu melupakan hak agamamu dalam segala perkara. Kamu tidak akan tahu bila maut akan menjemputmu. Maka, berhati-hatilah terhadap sesuatu yang pasti akan terjadi."



[1] Muhammad Khair Ramadhan Yusuf, *Hakadza Qultu*, Dar Ibn Hamz, Beirut, edisi 2005, hlm. 34.

SYAIR-SYAIR TENTANG SEDEKAH

Seorang penyair berkata:

Bersedekalah! Jangan takut miskin!

Aku telah membahagikan rezeki untuk para hamba

Dari satu generasi kepada generasi berikutnya.

Kebatilan tidak akan mendatangkan kasih sayang di dunia.

Bersedekah tidak akan mengurangkan harta yang anda miliki!

Abu Al-Fath al-Busti berkata:

Bertambahnya rezeki duniawi hakikatnya adalah berkurangan.

Keuntungan tanpa kebaikan adalah kerugian.

Berbuat baiklah kepada manusia, maka hati mereka akan tunduk.

Ketika manusia tunduk, maka itulah kebaikan.

Penyair yang lain pula berkata:

Orang menangis kerana kehilangan harta.

Pada hal sesungguhnya, yang hilang adalah sesuatu yang kekal

Al-Ahnaf bin Qais berkata:

Kamu adalah milik hartamu ketika kamu menahannya.

Harta akan menjadi milikmu bila kamu sedekahkan.

Penyair lain berkata:

Lepaskanlah dunia, maka kamu akan mendapat keampunan.

Bukankah kehidupan dunia menuju kekurangan?

Duniamu tidak lain adalah bayang-bayang,

Dia menaungimu sementara waktu dan kemudian menghilang.

Penyair lain berkata:

Kemurahan hati akan menyelamatkan kita dari bahaya.

Ketahuilah, tidak ada pujian dan harta yang abadi.

Penyair lain berkata:

Jika dunia bermurah hati kepadamu

maka bermurah hatilah kepada dunia.

Sesungguhnya dunia mudah berubah terhadap manusia.

Kemurahan hati tidak akan menghilangkan dunia ketika ia berubah.

Kebakhilan tidak akan mengekalkan dunia ketika ia lenyap.

Penyair lain berkata:

Orang bakhil menghabiskan waktu untuk mengumpulkan harta.

Pada hal harta berpindah ke tangan pewaris dan tiada sisa untuknya.

Seperti rayap yang menghancurkan bangunan yang kamu bina.

Jika kamu dermakan hartamu, maka ia akan berguna.



PELBAGAI KISAH TENTANG SEDEKAH DAN KEBAIKAN

Islam menyuruh manusia menggunakan akal dengan sebaik-baiknya supaya umatnya mampu mengambil pengajaran dari kisah-kisah umat terdahulu sehingga terhindar dari perbuatan yang melanggar syariat Islam.

Manusia yang bertakwa dan bermurah hati akan memperoleh kebaikan dan kebahagiaan, sedang manusia yang bakhil hidupnya akan terseksa di dunia dan mendapat azab di akhirat. Manusia diberi kebebasan untuk memilih salah satu dari dua jalan itu, sama ada ingin hidup bahagia ataupun celaka di dunia dan akhirat.

Berikut ini adalah kisah-kisah hikmah sebagai bahan renungan dan pengajaran bagi kita.



RINGANKAN DUNIA DARI HATIKU!

Ibrahim bin Bisyr pernah mengisahkan: “Suatu hari aku melintasi kota Tarablus (sebuah kota di Maghrib) bersama Ibrahim bin Adham. Kami hanya membawa bekalan dua keping roti. Tiba-tiba datang seorang pengemis meminta kepada kami. Ibrâhîm bin Adham lalu berkata kepadaku: ‘Berikanlah kepadanya roti itu!’ Tetapi aku diam sahaja. Ibrahim bin Adham lalu menegurku: ‘Kenapa kamu diam sahaja? Berikanlah roti itu kepadanya!’ Maka akhirnya aku menyerahkan dua keping roti itu kepada si pengemis sementara di dalam hatiku terselit rasa kecewa terhadap sikap Ibrahim kerana menyuruhku memberikan bekalan makanan kami.

Ibrahim kemudian berkata kepadaku: ‘Wahai Abu Ishaq, satu hari nanti kamu pasti akan menemukan apa yang belum tentu ditemui oleh pengemis itu. Kamu akan menemui apa yang sudah kamu sedekahkan dan tidak akan menemui apa yang kamu simpan. Persiapkanlah dirimu! Kamu tidak akan pernah tahu bila keputusan Tuhan datang menjemputmu’.” Ibrahim bin Basyar lalu berkata: “Ucapannya itu membuatkanku menangis dan menjadikan dunia ini terasa ringan di hatiku.”

AKU SISAKAN ALLAH DAN RASULNYA UNTUK MEREKA

'Umar bin al-Khattab (r.a) berkata: "Rasulullah (s.a.w) pernah memerintahkan kami supaya bersedekah, dan kebetulan pada masa itu aku memiliki harta yang cukup lumayan. Maka aku bermaksud menyaingi Abu Bakar (r.a)[1] dengan cara menyerahkan separuh hartaku.

Rasulullah (s.a.w) bertanya kepadaku: 'Apa yang kamu tinggalkan untuk keluargamu?'

Aku jawab: 'Saya tinggalkan untuk mereka sebanyak yang saya sedekahkan ini, wahai Rasulullah.'

Lalu Abu Bakar datang untuk menyerahkan hartanya. Rasulullah bertanya kepadanya: 'Apa yang kamu tinggalkan untuk keluargamu?' Abu Bakar menjawab: 'Allah dan Rasul-Nya.'

Aku lalu berkata kepada Abu Bakar: 'Sesungguhnya aku tidak pernah mampu mendahuluimu'." (Diriwayat-kan oleh Abu Dawud, al-Tirmidzi dan al-Darimi)

---

[1] Setiap kali akan melakukan kebaikan, Umar (r.a) selalu didahului oleh Abu Bakar (r.a).

Itulah kisah tentang keistimewaan Abu Bakar (r.a) yang memiliki keyakinan dan iman yang sempurna. Abu Bakar (r.a) adalah sahabat Rasulullah yang berani menanggung berbagai bebanan.[1] Dia taat beragama. Beliau mendermakan seluruh harta dan rela mengorbankan kedudukannya demi agama. Disebabkan keyakinan dan imannya yang kuat terhadap Allah (s.w.t) dan Rasulullah (s.a.w) maka beliau diberi gelaran al-Siddiq.

Di antara sahabat Rasul yang gemar bersedekah adalah 'Uthman bin 'Affan (r.a). Beliau tidak pernah berasa khuatir akan menjadi miskin disebabkan sedekahnya itu. Pada suatu hari Rasulullah (s.a.w) berkhutbah di hadapan tentera muslimin dan menyeru mereka supaya bersedekah. 'Uthman kemudian berkata: "Saya sedekahkan seratus unta lengkap dengan peralatannya."

Setelah turun dari mimbar, Rasulullah (s.a.w) kembali menyeru kaum muslimin supaya bersedekah. 'Uthman (r.a) lalu berkata: "Saya sedekahkan seratus unta lagi, lengkap dengan peralatannya." Rasulullah (s.a.w) kemudian berkata lagi sambil menggerakkan tangan sebagai tanda kagum: "Alangkah baiknya 'Uthman. Tiada seorangpun yang melakukan seperti yang dia lakukan."

---

[1] Aidh al-Qarni, *Hatta Takuna As'adan-Nas*, Maktabah al-Obeikan, 1426 H., hlm. 56.

Al-Baihaqi meriwayatkan bahawa 'Uthman (r.a) menyatakan akan menyedekahkan seratus ekor unta sebanyak tiga kali, jadi jumlah keseluruhannya adalah sebanyak tiga ratus ekor lengkap dengan peralatan-nya.[1]

Pada zaman Rasulullah (s.a.w), kaum perempuan juga turut membiasakan diri bersedekah. Sebelum wafat, Rasulullah (s.a.w) pernah berkata kepada isteri-isterinya bahawa yang pertama kali akan menyusul baginda menghadap Allah adalah isterinya yang memiliki tangan yang lebih panjang.

Al-Bukhari dan Muslim meriwayatkan daripada Aisyah (r.a): "Maka kami sibuk mengukur tangan kami untuk mengetahui tangan siapa yang paling panjang. Tetapi ternyata kami salah faham. Zainab mendahului kami semua menghadap Allah (s.w.t) kerana dia rajin bersedekah. Zainab mencari rezeki dengan tangannya sendiri kemudian hasil dari pekerjaannya itu dia sedekahkan."

Dalam riwayat yang lain Aisyah (r.a) berkata, "Setelah Rasulullah (s.a.w) wafat, kami berkumpul di rumah salah seorang dari kami dan mengukur tangan kami di dinding. Kami sering melakukannya sehinggalah Zainab binti Jahsyi wafat. Zainab bukanlah wanita yang tinggi tubuhnya dan tidak pula panjang tangannya di antara kami. Tetapi akhirnya kami menyedari bahawa

---

[1] Muhammad Munir al-Janbaz, *al-Muflihun*, Dar al-Amani, hlm. 87-88.

yang dimaksud dengan 'tangan yang panjang' oleh Rasulullah (s.a.w) adalah sedekah, bukan tangan yang panjang secara fizikal."

Suatu hari, Zainab (r.a) menenun kain dan memberikannya kepada para tentera muslimin untuk dipakai di medan perang. Ia adalah sedekah Zainab untuk tentera Islam.

Ummu Sinan al-Islamiyah menceritakan tentang sedekah kaum wanita untuk tentera yang berperang: "Aku pernah melihat selembar kain di hadapan Rasulullah (s.a.w) di rumah Aisyah (r.a). Di atas kain itu terdapat anting-anting, gelang, rantai dan cincin yang disedekahkan kaum wanita untuk keperluan pasukan muslimin."

LELAKI YANG MEMBELI SYURGA

Pada suatu ketika Madinah dilanda musim kemarau. Di tengah-tengah masyarakat tersiar khabar tentang kedatangan kafilah milik ‘Abdurrahman bin ‘Auf (r.a) yang membawa barang-barang berupa makanan, buah-buahan dan pakaian. Para peniaga kota Madinah berpusu-pusu mendatangi kafilah itu untuk membeli barang-barang.

Mereka kemudian bertanya kepada ‘Abdurrahman bin ‘Auf: “Apakah engkau akan menjual semua ini?”

‘Abdurrahman menjawab: “Ya.”

Mereka berkata: “Juallah barang-barangmu kepada kami dan kami akan memberimu keuntungan dua kali ganda. Setiap satu dirham akan kami bayar dua dirham.”

‘Abdurrahman berkata: “Maaf, aku telah menemui orang yang berani membayar lebih besar dari jumlah yang kamu tawarkan.”

Mereka berkata: “Baiklah, kami akan membayar tiga kali lebih besar.”

‘Abdurrahman menjawab: “Maaf, aku telah menemui orang yang berani membayar lebih besar dari jumlah yang kamu tawarkan itu.”

Mereka berkata lagi: “Kami akan membayar empat kali lebih besar.”

‘Abdurrahman menjawab: “Maaf, aku telah menemui orang yang berani membayar lebih besar dari kamu.”

Para peniaga Madinah itu berasa putus asa dan mereka berkata: “Kami ini adalah peniaga Madinah dan tidak ada orang yang mampu membayar lebih besar daripada kami.”

‘Abdurrahman berkata: “Sesungguhnya Allah telah memberikan bayaran yang lebih besar kepadaku dari atas langit. Sepertimana yang difirmankan Allah (s.w.t):

مَّثَلُ ٱلَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَٰلَهُمْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنۢبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ فِى كُلِّ سُنۢبُلَةٍ مِّا۟ئَةُ حَبَّةٍ ۗ وَٱللَّهُ يُضَٰعِفُ لِمَن يَشَآءُ ۗ وَٱللَّهُ وَٰسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٦١﴾

“*Perumpamaan orang-orang yang membelanjakan harta mereka di jalan Allah adalah seperti sebuah biji yang darinya tumbuh tujuh cabang. Di setiap satu cabang tumbuh seratus biji-bijian. Allah melipatgandakan (pahala) orang yang Dia kehendaki. Allah Maha Luas dan Maha Mengetahui.*” (Surah al-Baqarah: 261)

‘Abdurrahman lalu berkata: “Allah akan membayar kepadaku lebih dari tujuh ratus kali ganda bahkan sehingga gandaan yang tak terhingga. Aku bersaksi di hadapan kamu semua, di hadapan Allah, dan para

malaikat-Nya bahawa semua barang ini aku sedekahkan di jalan Allah. Aku tidak akan menerima satu dirham atau satu dinar pun dari barang-barang ini."

Para peniaga itu pun beredar meninggalkan 'Abdurrahmân. Beliau kemudian menyedekahkan semua barang dagangannya kepada orang-orang miskin.



SATU KEBAIKAN DIBALAS SEPULUH KALI GANDA

Dalam satu riwayat diceritakan bahawa ada seorang pengemis datang ke pintu rumah ‘Ali bin Abu Thalib (r.a). ‘Ali lalu berkata kepada puteranya Hasan: “Pergilah kepada ibumu, katakan bahawa aku telah menyerahkan wang sebanyak enam dirham kepadanya dan mintalah satu dirham darinya.”

Hasan pun pergi menjumpai ibunya dan menyampaikan pesan ayahnya. Hasan kemudian mendatangi ‘Ali dan berkata: “Ibu mengatakan bahawa wang sebanyak enam dirham itu akan digunakan untuk membeli tepung.”

‘Ali lantas berkata: “Iman seseorang tidak akan pernah ikhlas sehingga dia lebih mempercayai apa yang ada di tangan Allah daripada apa yang ada di tangannya. Katakanlah kepada ibumu agar dia menyerahkan kembali enam dirham yang tadi kuberi padanya.” Maka Fatimah (r.a) menyerahkan enam dirham itu kepada ‘Ali yang terus menyerahkan semuanya kepada si pengemis.

Tak berapa lama setelah pengemis itu pergi, seorang lelaki lewat di hadapan ‘Ali sambil membawa unta untuk

dijual. ‘Ali bertanya kepadanya: “Berapa kamu menjual unta itu?”

Orang itu menjawab: “140 dirham.”

“Juallah unta itu kepadaku. Aku harap dapat membayarnya dalam lapan hari ke depan,” kata ‘Ali. Orang itu setuju dan ‘Ali pun mengikat unta itu di depan rumahnya.

Tiba-tiba seorang lelaki datang dan bertanya: “Siapakah pemilik unta ini?”

‘Ali menjawab: “Unta ini milikku!”

Orang itu bertanya: “Apakah kamu akan menjualnya?”

‘Ali menjawab: “Benar!”

“Berapa harganya?” tanya lelaki itu.

“200,” jawab ‘Ali.

“Kalau begitu, aku beli unta ini darimu.” Lelaki itu lalu mengambil unta itu dan menyerahkan wang 200 dirham kepada ‘Ali.

Dengan wang hasil penjualan itu ‘Alî dapat membayar 140 dirham kepada orang yang menjual unta itu kepadanya. Setelah itu ‘Ali menyerahkan 60 dirham kepada Fatimah. ‘Ali berkata: “Inilah janji Allah melalui lisan Nabi-Nya (s.a.w): “Siapa yang melakukan satu kebaikan, baginya sepuluh kali kebaikan yang sama.”

JADIKAN SEBAGAI PENGAJARAN!

Diriwayatkan daripada Aisyah (r.a) bahawa ketika beliau sedang duduk datanglah seorang perempuan yang menyembunyikan kedua tangannya di kantung baju. Aisyah (r.a) berkata kepadanya: “Mengapa kamu sembunyikan tanganmu?”

Perempuan itu menjawab: “Jangan bertanya kepadaku wahai Ummul Mukminin!”

‘Âisyah berkata lagi: “Kamu harus memberitahuku!”

Perempuan itu berkata: “Sesungguhnya ayah dan ibuku telah meninggal dunia. Semasa hidupnya ayahku adalah seorang yang suka bersedekah, sedangkan ibuku tidak. Aku tidak pernah melihat ibuku bersedekah kecuali dengan sehelai baju. Ketika keduanya meninggal dunia, aku bermimpi kiamat. Aku melihat ibuku berdiri di tengah-tengah makhluk yang aneh. Lehernya dililit rantai sementara di tangannya terdapat baju yang dia jilati sambil menjerit, ‘Aku haus, haus…!’ Di tempat yang lain, aku melihat ayahku berdiri di pinggir sebuah telaga sambil membahagikan air. Dia paling suka bersedekah dengan mengalirkan air untuk orang lain. Aku kemudian

mengambil semangkok air dan memberikannya kepada ibuku. Tiba-tiba terdengar suara dari atas, 'Sila ambil perhatian! Sesiapa yang memberinya air, maka tangannya akan melecur!' Tiba-tiba sahaja aku terjaga dari tidurku dan aku dapati tanganku benar-benar melecur."



PERBUATAN BAIK MENUTUP JALAN KEJAHATAN[1]

Seorang lelaki bernama Ibn Jad'ân pernah bercerita: "Suatu hari di musim semi, aku lihat unta peliharaanku menjadi gemuk dan susu yang dihasilkannya pun banyak. Setiap kali anak-anak unta mendekati induknya, susunya mengalir dengan deras. Susunya pun banyak mengalir. Aku kemudian melihat unta-untaku yang lain. Tiba-tiba sahaja aku teringat kepada jiran tetanggaku yang memiliki tujuh orang anak perempuan. Mereka hidup dalam keadaan miskin. Aku bersumpah untuk menyedekahkan untaku beserta anak-anaknya kepada mereka kerana aku teringat akan firman Allah (s.w.t):

لَن تَنَالُوا۟ ٱلْبِرَّ حَتَّىٰ تُنفِقُوا۟ مِمَّا تُحِبُّونَ ۚ ..... ﴿٩٢﴾

"*Kamu tidak akan memperoleh kebaikan sehingga kamu sedekahkan sebahagian daripada apa yang kamu cintai…*" (Surah Ali 'Imran [3]: 92) Unta yang kusedekahkan itu adalah unta yang paling aku sayangi.

---

[1] Nur 'ala Nur, hlm. 64.

Lalu aku mendatangi tetanggaku yang miskin sambil membawa unta beserta anak-anaknya. Setelah dia membuka pintu rumahnya, aku katakan: 'Ambillah unta ini sebagai hadiah dariku!' Rasa bahagia terpancar dari wajah mereka sehingga mereka tidak mampu mengeluarkan kata-kata.

Pada hari-hari selanjutnya mereka meminum susu dari unta yang aku beri dan mencari kayu dengan menaiki unta itu sedangkan anak-anak unta yang semakin membesar mereka jual. Mereka memperolehi banyak manfaat dari unta yang kuberi itu.

Ketika musim bunga berlalu, musim gugur pun datang. Bumi menjadi kering sehingga orang-orang sibuk mencari air di sumur-sumur. Tiga orang anakku menunggu di tepi sumur tetapi aku tidak dapat keluar. Anak-anakku menunggu dari hari ke hari sehingga akhirnya mereka merasa putus asa. Mereka menyangka aku sudah mati kerana digigit ular ataupun kepenatan kerana tidak dapat keluar dari sumur itu.

Rupa-rupanya anak-anakku memang menunggu-nunggu saat kematianku kerana ingin menguasai hartaku. Mereka lalu pulang ke rumah dan sibuk mengagih-agihkan harta di antara sesama mereka. Mereka teringat bahawa aku pernah menghadiahkan unta kepada tetanggaku yang miskin. Maka mereka mendatangi tetangga itu dan memintanya agar mengembalikan unta itu dan menggantinya dengan seekor anak unta. Mereka juga mengugut tetanggaku sekiranya dia tidak mengembalikan unta itu mereka akan mengambilnya secara paksa dan tidak akan menggantinya dengan

sesuatu apapun.

Tetanggaku itu lalu berkata: ‘Aku akan memberitahukan perkara ini kepada ayah kamu.’ Mereka berkata: ‘Buatlah sesukamu, sesungguhnya dia sudah mati.’

‘Mati? Bagaimanakah dia mati? Mengapakah kami tidak tahu?’ tanya tetanggaku itu. Anak-anakku menjawab: ‘Dia terjatuh ke dalam sumur di padang pasir dan tidak keluar lagi.’ Tetanggaku berkata: ‘Sungguh kamu ini anak yang tidak berbudi! Bawalah kami ke sumur itu. Ambillah unta itu dan lakukan apa sahaja yang kamu mahu. Kami tidak mahukannya!’

Anak-anakku lalu menghantarkan tetanggaku menuju sumur tempat aku terjatuh. Tetanggaku kemudian mengambil tali, menyalakan obor lalu mengikatkan tubuhnya dengan tali. Lalu pelan-pelan dia turun ke dasar sumur yang cukup dalam. Ketika sampai di permukaan air, dia mendengar suara rintihanku. Dia mencari-cari di dalam gelap dan tangannya dia hulurkan ke dalam lumpur sehingga menyentuh tubuhku yang tenggelam di dasar sumur. Setelah pasti bahawa diriku masih bernafas, dia segera menarik tubuhku ke atas dan menutup mataku agar tidak terkena silau matahari.

Setelah berjaya keluar, dia memberiku air dan kurma lalu menggendongku sampai ke rumahnya. Hari demi hari keadaanku semakin baik dan tenagaku mulai pulih sementara anak-anakku tidak mengetahui tentang keadaanku.

Tetanggaku itu lalu berkata: ‘Ceritakanlah kepada kami apa sesungguhnya yang telah terjadi. Engkau

berada di dalam sumur selama seminggu tetapi engkau mampu bertahan hidup.'

Lalu aku menceritakan peristiwa yang aku alami sejak terjatuh ke dalam sumur. Apabila turun ke dalam sumur, tiba-tiba sahaja sumur itu menjadi semakin sempit. Aku sampai ke permukaan sumur dan meminum airnya. Dahagaku hilang tetapi rasa lapar pula datang. Setelah tiga hari tidak mendapat makanan tubuhku tersungkur, dan aku pasrahkan diriku kepada Allah. Tiba-tiba aku merasa ada cawan yang berisi susu mengalir ke bibirku. Aku berusaha duduk dan meminum susu itu sehingga badanku terasa segar, kemudian gelas itu menghilang. Cawan itu mendatangiku tiga kali setiap hari. Akan tetapi sejak dua hari yang lalu cawan itu tidak datang lagi padaku. Aku tidak tahu apa sebabnya.'

Tetanggaku berkata: 'Ketahuilah, anak-anakmu menyangka engkau telah mati. Mereka datang dan mengambil unta yang dulu engkau hadiahkan kepada kami. Unta itulah yang menyebabkan Allah memberimu minum di dalam sumur. Apabila unta itu diambil oleh anak-anakmu maka engkau tidak lagi mendapatkan minuman. Kejadian yang engkau alami ini membuktikan bahawa engkau berada dalam lindungan sedekahmu'."

Kejadian yang dialami Ibn Jad'ân itu membuktikan kebenaran firman Allah (s.w.t):

..... وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يَجۡعَل لَّهُۥ مَخۡرَجٗا ﴿٢﴾ وَيَرۡزُقۡهُ مِنۡ حَيۡثُ لَا يَحۡتَسِبُۚ ..... ﴿٣﴾

"*…siapa yang bertakqwa kepada Allah, maka Dia menjadikan jalan keluar baginya dan memberinya rezeki dari jalan yang tidak disangka-sangka...*" (Surah al-Talaq [65]: 2-3)

Allah (s.w.t) membalas kebaikan seorang hamba sesuai dengan perbuatan yang dilakukan hamba-Nya itu.



SEGALA PUJI HANYA MILIKNYA

Abu Hurairah (r.a) meriwayatkan bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: “Ada seorang lelaki yang berkata: ‘Sungguh aku akan bersedekah!’ Dia lalu membawa sedekahnya dan menyerahkannya kepada seorang pencuri. Melihat itu, orang-orang berkata: ‘Malam ini kamu bersedekah kepada seorang pencuri!’ Lelaki itu berkata: ‘Ya Allah, segala puji bagi-Mu atas pencuri itu. Sungguh aku akan bersedekah!’

Dia lalu keluar membawa sedekahnya dan menyerahkannya kepada seorang penzina. Melihat itu, orang-orang berkata: ‘Malam ini kamu bersedekah kepada penzina!’ Lelaki itu berkata: ‘Ya Allah, segala puji bagi-Mu atas penzina itu. Sungguh aku akan bersedekah!’

Dia lalu keluar membawa sedekahnya dan menyerahkannya kepada seorang yang kaya. Melihat itu, orang-orang berkata: ‘Malam ini kamu telah bersedekah kepada orang kaya!’ Lelaki itu berkata: ‘Ya Allah, segala puji bagi-Mu atas pencuri, penzina, dan orang kaya.’

Dikatakan kepadanya: ‘Sedekahmu kepada pencuri boleh jadi akan membuatnya berhenti mencuri. Sedekahmu kepada penzina boleh jadi akan membuatnya

berhenti berzina. Sedekahmu kepada orang kaya boleh jadi akan menjadi pengajaran untuknya sehingga dia menyedekahkan nikmat yang Allah berikan kepadanya'." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari, Muslim dan al-Nasa'i)

KEBAIKAN DIBALAS KEBAIKAN

Seorang pengemis datang meminta sedekah kepada seorang perempuan. Perempuan itu lalu menyuapkan makanan ke mulut si pengemis. Esoknya, perempuan itu datang menemui suaminya di ladang. Dia meletakkan anaknya di sisi suaminya manakala dia sendiri pergi untuk menyelesaikan keperluannya.

Tiba-tiba dating seekor serigala membaham anaknya. Perempuan itu berdiri dan menjerit, "Ya Tuhan, anakku!" Kemudian datang seorang lelaki memegang leher serigala dan mengeluarkan anak perempuan itu dengan selamat tanpa mengalami sebarang kecederaan. Orang itu berkata: "Ini adalah ganti suapan yang engkau berikan kepada pengemis itu."[1]

---

[1] *Al-Mustathrif fî Kulli Fanni Mustazhrif*, jil. 1, hlm. 37.

UBATI PENYAKITMU DENGAN SEDEKAH!

Seorang ayah menceritakan tentang penyakit yang dihidapinya kepada anak lelakinya. Dia sama sekali tidak tahu apa jenis penyakit yang menimpanya. Kemudian anaknya membawanya menjumpai doktor. Setelah diperiksa oleh doktor, ternyata ayahnya menderita penyakit batu karang yang sudah mencapai tahap serius dan mesti menjalani pembedahan. Kedua-duanya lalu kembali ke rumah untuk mempersiapkan segala sesuatu menjelang pembedahan.

Keesokan harinya, si anak berangkat kerja dan mendapatkan gaji bulanannya. Hari itu dia amat gembira kerana itu adalah gaji pertamanya sejak bekerja di sebuah syarikat sebulan yang lalu. Di tengah jalan menuju rumahnya, dia bertemu dengan seorang lelaki tua yang miskin. Dia nampak keletihan dan keadaannya sangat menyedihkan. Sepanjang perjalanan menuju rumahnya si pemuda selalu teringat kepada lelaki miskin itu. Akhirnya dia memutuskan untuk menyedekahkan semua gaji pertamanya kepada orang miskin itu dan berniat semoga Allah menyembuhkan penyakit ayahnya dengan berkat sedekah itu.

Sesampainya di depan rumah, ayahnya membukakan pintu dengan wajah yang ceria. Ayahnya berkata kepada pemuda itu: "Wahai anakku, segala puji bagi Allah. Tadi aku merasa sangat sakit, aku segera ke tandas untuk buang air dan ternyata batu yang ada di dalamnya turut keluar. Sekarang aku merasa sudah sihat dan sangat lega." Mendengar cerita ayahnya, pemuda itu tak dapat menahan tangisan kerana terlalu gembira. Kejadian ini merupakan salah satu bukti kebenaran sabda Nabi (s.a.w): "*Ubatilah penyakitmu dengan sedekah*!"

SEDEKAH MENOLAK BENCANA

Ketika Nabi ‘Isa (a.s) berada di tengah-tengah sahabatnya, tiba-tiba lewat di hadapan mereka seorang tukang cuci yang membawa seikat pakaian sambil mengucapkan salam kepada mereka. Ketika tukang cuci itu berlalu, Nabi ‘Isa (a.s) berkata kepada para sahabatnya, “Hadirilah jenazah orang itu pada waktu Zuhur!”

Siang harinya, Nabi ‘Isa (a.s) pergi menjumpai tukang cuci yang sedang mencuci pakaian. Nabi ‘Isa (a.s) sangat terkejut sehinggalah Jibril (a.s) turun ke bumi. Nabi ‘Isa (a.s) bertanya kepadanya: “Bukankah engkau telah mengabarkan kepadaku bahawa tukang cuci itu akan meninggal siang ini?”

Jibril (a.s) menjawab: “Benar. Akan tetapi, setelah berlalu dari hadapan engkau dan sahabat-sahabatmu tadi, dia bersedekah dengan tiga potong roti. Allah (s.w.t) kemudian menghindarkannya dari bencana kematian. Sebenarnya di dalam tumpukan pakaian yang dia bawa ada seekor ular hitam yang akan menggigitnya. Namun ketika dia menyedekahkan tiga potong roti, Allah (s.w.t) menyelamatkannya dari bencana itu.”

Jibril (a.s) kemudian membuka ikatan pakaian itu dan menemui seekor ular berwarna hitam yang mulutnya terkunci.

SEDEKAH MEMULIAKAN PELAKUNYA

Di wilayah Naisabur, ada seorang lelaki bernama Abu 'Amr al-Khaffaf. Pada mulanya dia adalah seorang yang miskin, tetapi dia sangat berbakti kepada ibunya. Oleh itu ibunya selalu mendoakan agar anaknya menjadi kaya. Allah (s.w.t) mengabulkan doanya dan menganugerahkan kekayaan kepada anaknya. Setelah kaya, hartanya banyak dia pergunakan untuk bersedekah dan melakukan pelbagai kebaikan.

Pada suatu hari, tatkala dia sedang bersendirian di rumahnya, datanglah seorang pengemis meminta sedekah. Dia lalu memberi pengemis itu roti sambil berjalan di tengah hujan salju.

Ketika lelaki itu telah meninggal dunia, ada orang yang mimpi bertemu dengannya. Orang yang bermimpi itu bertanya: "Bagaimanakah Allah memperlakukan-mu?"

Dia menjawab: "Allah memuliakan dan mencintai-ku."

Dia ditanya lagi: "Apakah semua itu engkau dapat-kan kerana engkau banyak bersedekah dan melakukan kebaikan?"

Dia menjawab: "Bukan, tetapi kerana aku pernah memberikan roti kepada orang miskin semata-mata kerana Allah (s.w.t)."



ORANG BOTAK, ORANG BELANG, DAN ORANG BUTA

Rasulullah (s.a.w) pernah menceritakan tentang orang yang botak kerana penyakit di kepalanya, orang yang belang kerana penyakit kulit, dan orang buta.

Ketiga-tiga lelaki itu memohon penyembuhan dari Allah (s.w.t) dan meminta kekayaan. Allah (s.w.t) mengabulkan doa-doa mereka.

Setelah ketiganya menjadi kaya, datanglah seorang pengemis meminta sedekah kepada mereka. Pengemis itu datang dalam keadaan berpenyakit seperti mereka sebelum sembuh (botak, belang, dan buta). Sayangnya, si botak dan si belang mengingkari masa lalunya dan enggan bersedekah.

Tatkala pengemis itu mendatangi lelaki pertama dan yang kedua, keduanya menolak untuk bersedekah. Mereka memberikan alasan bahawa keperluan mereka masih banyak. Kedua-duanya lupa bahawa mereka dahulu juga pernah miskin dan berpenyakit. Disebabkan sikap mereka itu Allah (s.w.t) mencabut nikmat-Nya dan mengembalikan keduanya kepada keadaan semula, miskin dan berpenyakit.

Ketika pengemis itu sampai di rumah lelaki ketiga yang dahulunya buta dan meminta sedekah kepadanya, lelaki itu berkata: “Ambillah sebanyak mana yang kamu perlukan, kerana Allah telah menganugerahkan nikmat-Nya yang tidak terkira kepadaku.”

Lelaki yang ketiga ini amat bersyukur atas nikmat Allah yang menyembuhkannya dari kebutaan dan memberinya kekayaan yang melimpah. Maka Allah menambahkan rezeki untuknya dan menggantikan harta yang dia berikan kepada pengemis itu.

Pengemis yang datang kepada ketiga-tiga lelaki tadi tidak lain adalah malaikat yang diutus Allah untuk menguji mereka. Dan hanya lelaki yang dahulunya buta sahajalah yang melepasi ujian itu sedangkan kedua-dua temannya, si belang dan si botak gagal dan rugi disebabkan oleh sikap mereka yang enggan bersedekah.

KISAH ORANG YANG MURAH HATI

Suatu hari Qais bin Sa'ad mengalami sakit sedangkan tidak ada seorang pun dari sahabat-sahabatnya yang datang menjenguknya. Qais bertanya kepada seseorang tentang sahabat-sahabatnya itu tetapi dijawab bahawa mereka enggan berkunjung kerana malu dengan hutang yang belum dapat mereka jelaskan kepada Qais. Qais lalu berkata: "Semoga Allah memusnahkan harta yang membuat sahabat-sahabatku enggan mengunjungiku."

Qais lalu memerintahkan kepada seseorang untuk memaklumkan bahawa sejak hari itu siapa sahaja yang berhutang kepada Qais telah dibebaskan dari hutang-hutangnya. Sebaik mendengar berita itu, sahabat-sahabat Qais mendatangi rumah Qais sehingga pintu rumah Qais hancur disebabkan terlalu ramai orang yang berkunjung.

'Ali bin al-Husain (r.a) datang menjenguk Muhammad bin Usamah bin Zaid (r.a) yang sedang sakit. Muhammad menangis, 'Ali pun bertanya: "Mengapakah engkau menangis?"

Muhammad menjawab, "Aku memiliki hutang."

"Berapa?" tanya 'Ali.

Muhammad menjawab: "15,000 dinar."

'Ali bin al-Husain lantas berkata: "Kalau begitu, biar aku yang akan menjelaskan hutangmu."

'Abdullah bin Amir membeli rumah dari Khalid bin 'Uqbah yang letaknya berhampiran dengan pasar. Rumah itu dibeli dengan harga 90,000 dirham. Apabila datang waktu malam, 'Abdullâh mendengar tangisan keluarga Khalid. 'Abdullah bertanya kepada keluarganya: "Mengapa mereka menangis?"

Keluarganya menjawab: "Mereka menangisi rumah mereka."

''Abdullah lalu berkata kepada pembantunya: "Wahai fulan, datangilah mereka dan sampaikanlah bahawa rumah dan harta mereka ini tetap menjadi milik mereka seluruhnya!"

Itulah sifat dan kemuliaan hati para sahabat dan tabiin yang mendapat bimbingan langsung dari Nabi (s.a.w). Mereka hidup berdasarkan bimbingan wahyu sehingga di dalam hati mereka tumbuh sifat-sifat lemah lembut, kesucian jiwa, kemurahan hati dan sikap rela berkorban.

Bagaimana pula dengan diri kita bila dibandingkan dengan mereka? Dari sekolah manakah kita lulus? Siapakah yang membimbing kita? Apakah yang menjadi pegangan hidup kita? Apakah tujuan hidup kita?

Orang yang memberi hutang sepatutnya sedar bahawa seseorang tidak akan berhutang melainkan dia dalam keadaan terdesak. Oleh itu, sekiranya orang yang berhutang itu belum mampu membayar hutangnya hendaklah yang memberi hutang bermurah hati dengan

menangguhkan kutipan hutangnya sehinggalah orang yang berhutang itu dalam keadaan lapang. Tetapi pada masa ini kita selalu mendengar cerita-cerita pertengkaran bahkan penganiayaan disebabkan hutang. Orang yang memberi hutang tetap menagih hutangnya tanpa mengambilkira keadaan orang yang berhutang. Malah adakalanya mereka membayar orang lain untuk memaksa orang yang berhutang membayar hutangnya dengan cara kekerasan. Orang-orang bayaran itu akan terus mengejar orang yang berhutang sampai ke rumahnya, di pasar, di masjid, dan tempat-tempat lainnya. Dia lupa akan firman Allah (s.w.t):

وَإِن كَانَ ذُو عُسْرَةٍ فَنَظِرَةٌ إِلَىٰ مَيْسَرَةٍ ..... ﴿٢٨٠﴾

"*Jika dia (orang yang berhutang) dalam keadaan sulit, maka tangguhkanlah (tuntutan itu) sehingga datang masa lapangnya...*" (Surah al-Baqarah: 280)[1]

Islam adalah agama yang indah. Islam mengajarkan umatnya agar menangguhkan tuntutan hutang ke atas orang yang berhutang apabila mereka masih dalam kesusahan.

Abu Hurairah (r.a) meriwayatkan bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

---

[1] Ahmad Salim Badwailan, *Mausu'ah Ajmal al-Fawa'id*, Dar Thuwaiq, Riyadh, hlm. 85-87.

كَانَ تَاجِرٌ يُدَايِنُ النَّاسَ، فَإِذَا رَأَى مُعْسِرًا، قَالَ لِفِتْيَانِهِ: تَجَاوَزُوا عَنْهُ، لَعَلَّ اللهُ يَتَجَاوَزُ عَنَّا- فَتَجَاوَزَ اللهُ عَنْهُ.

"*Ada seorang peniaga yang banyak memberikan pinjaman kepada orang lain. Apabila dia melihat orang yang berhutang kepadanya dalam keadaan susah, maka dia berpesan kepada pembantunya: 'Hapuskanlah hutangnya. Semoga Allah menghapuskan (dosa-dosa) kita.' Maka Allah pun mengampuninya.*" (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Rasulullah (s.a.w) juga bersabda:

مَنْ أَنْظَرَ مُعْسِرًا فَلَهُ بِكُلِّ يَوْمٍ مِثْلُهُ صَدَقَةٌ.

"*Sesiapa yang menangguhkan waktu tuntutan hutang kepada orang yang dalam keadaan susah, maka setiap hari dia mendapatkan pahala seperti pahala bersedekah.*"[1]

Orang yang cerdas adalah yang berusaha melakukan kebaikan sebanyak-banyaknya. Salah satu kebaikan yang utama adalah menyambungkan hubungan silaturrahim kepada kaum kerabat yang miskin.

Tidak semua orang miskin mahu meminta-minta kepada orang yang kaya. Adakalanya mereka merasa malu untuk meminta disebabkan tidak mahu maruah diri dan keluarganya jatuh. Akhirnya mereka merahsiakan keadaan mereka yang sebenar dan hanya

---

[1] Syaikh 'Abdul 'Aziz al-Hamad as-Salmani, *Mahsan ad-Din al-Islami*.

memohon kepada Allah Yang Maha Besar dan Maha Pemberi rezeki.

Oleh itu, memberi sedekah kepada mereka merupakan perbuatan yang amat bijaksana. Caranya adalah dengan mencari tahu keadaan ekonomi mereka dari orang-orang yang rapat dengan mereka, lalu memberikan bantuan secukupnya. Orang-orang miskin yang tidak mahu meminta ini dijelaskan di dalam al-Quran:

.....يَحۡسَبُهُمُ ٱلۡجَاهِلُ أَغۡنِيَآءَ مِنَ ٱلتَّعَفُّفِ..... ﴿٢٧٣﴾

"*…orang bodoh menyangka bahawa mereka adalah orang-orang kaya, kerana mereka menjaga diri (dari meminta)…*" (Surah al-Baqarah: 273)

Al-Bukhari meriwayatkan sabda Rasulullah (s.a.w):

لَيْسَ الْمِسْكِيْنُ الَّذِي يَطُوْفُ عَلَى النَّاسِ تَرُدُّهُ اللُّقْمَةُ وَاللُّقْمَتَانِ وَالتَّمْرَةُ وَالتَّمْرَتَانِ وَلَكِنَّ الْمِسْكِيْنَ الَّذِي لاَ يَجِدُ غِنىً يُغْنِيْهِ، وَلاَ يُفْطِنُ لَهُ فَيَتَصَدَّقُ عَلَيْهِ، وَلاَ يَقُوْمُ فَيَسْأَلُ النَّاسَ.

"*Orang miskin itu bukanlah orang yang berkeliling di tengah masyarakat kemudian masyarakat memberinya sesuap nasi atau sebiji kurma. Akan tetapi orang miskin adalah orang yang tidak dapat mencukup keperluan hidupnya tetapi mereka tidak menampakkan kemiskinan-nya dan tidak mahu meminta-minta.*"

LAKUKANLAH, MAKA HIDUP ANDA AKAN MENJADI LEBIH BAIK!

Ada satu perbuatan yang kelihatannya sederhana tetapi jika anda lakukan maka hidup anda akan menjadi lebih baik. Selain itu, anda juga akan mendapat berkah selama hidup di dunia dan keselamatan di akhirat.

Kisah benar berikut ini dapat dijadikan sebagai pengajaran bagi kita semua.

‘Abdullah adalah seorang pekerja yang memiliki gaji bulanan sebesar 4,000 riyal. Gaji yang diperolehinya itu tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan hidup keluarganya. ‘Abdullah terpaksa berhutang ke mana-mana tetapi akhirnya dia tidak mampu untuk membayar hutangnya itu. Apa yang paling merunsingkan ‘Abdullah adalah dia takut maut akan menjemputnya sebelum dia dapat menjelaskan semua hutangnya.

Pada suatu hari, ‘Abdullah berjumpa dengan sahabatnya yang keadaannya lebih kurang sama dengan ‘Abdullah. ‘Abdullah dinasihati oleh sahabatnya itu supaya menyisihkan sebahagian daripada gajinya untuk disedekahkan. ‘Abdullah lalu berkata: “Dengan sumber yang ada aku harus menyara diriku dan isteriku. Apakah aku harus bersedekah?”

Setelah 'Abdullah kembali ke rumahnya, dia menyampaikan nasihat sahabatnya itu kepada isterinya. Isterinya berkata: "Lakukanlah nasihat sahabatmu. Semoga Allah membukakan pintu rezeki-Nya untuk kita."

Aku jawab: "Kalau begitu, aku akan menyisihkan 300 riyal dari gajiku untuk bersedekah." Setelah bersedekah, aku merasakan perubahan dalam jiwaku. Aku menjadi lebih optimis dan merasa tenang walaupun mempunyai hutang.

Dua bulan berlalu, aku mulai mengatur kehidupanku, gajiku, dan sedekahku. Aku menemukan keberkatan hidup yang sebelumnya tidak aku dapati. Aku dapat membayar hutang-hutangku secara beransur-ansur. Semua itu kerana anugerah Allah (s.w.t).

Beberapa waktu kemudian, salah seorang kerabatku yang bekerja sebagai pencari nasabah mengajakku bekerja bersamanya. Dari pekerjaan itu aku mendapatkan komisyen. Dari wang komisyen itu sebahagiannya aku sisihkan untuk sedekah. Tanpa terasa akhirnya aku dapat menjelaskan semua hutangku dalam masa yang singkat.

Tidak ada seorang pun yang dapat mengetahui rahsia sedekah kecuali orang yang melakukannya. Bersedekahlah dan bersabarlah, dengannya anda akan mendapat kebaikan dan berkat dari Allah. Orang yang tidak mahu bersedekah pasti akan rugi. Masih banyak lagi kisah tentang anugerah Allah terhadap orang yang suka bersedekah.

Perbuatan yang paling baik adalah yang dikerjakan secara berterusan. Membiasakan diri bersedekah akan

mengubah kehidupan menjadi lebih baik dan ia adalah bukti keimanan seseorang. Rasulullah (s.a.w) bersabda:

الصَّدَقَةُ بُرْهَانٌ.

"*Sedekah adalah bukti yang jelas di atas ketulusan iman*."

Selain itu, berkah sedekah juga dapat menyembuhkan orang yang sakit. Sebagaimana sabda Rasulullah (s.a.w):

دَاوُوا مَرْضَاكُمْ بِالصَّدَقَةِ.

"*Ubatilah penyakit kamu dengan bersedekah*."

Orang yang suka bersedekah juga akan dilindungi oleh sedekahnya pada hari Kiamat. Rasulullah (s.a.w) bersabda:

كُلُّ امْرِئٍ فِي ظِلِّ صَدَقَتِهِ حَتذَى يُفْصَلَ بَيْنَ النَّاسِ.

"*Setiap orang akan berada di bawah naungan sedekahnya sehingga manusia dipisah-pisahkan*."

Sedekah juga dapat meredam murka Allah. Rasulullah (s.a.w) bersabda:

صَدَقَةُ السِّرِّ تُطْفِئُ غَضَبَ الرَّبِ.

"*Sedekah secara sembunyi-sembunyi akan memadamkan murka Allah*."

Sedekah juga mendatangkan cinta Allah kepada pelakunya. Rasulullah (s.a.w) bersabda:

أَحَبُّ الْأَعْمَالِ إِلَى اللهِ عَزَّ وَجَلَّ سُرُوْرٌ تُدْخِلُهُ عَلَى مُسْلِمٍ، أَوْ تَكْشِفَ عَنْهُ كُرْبَةً، أَوْ تَقْضِي عَنْهُ دَيْنًا، أَوْ تَطْرُدَ عَنْهُ جُوْعًا؛ وَلأَنْ أَمْشِي مَعَ أَخِيْ فِي حَاجَةٍ، أَحَبُّ إِلَيَّ مِنْ أَنْ أَعْتَكِفَ فِي هَذَا الْمَسْجِدِ شَهْرًا.

"*Perbuatan yang paling dicintai Allah adalah membahagiakan hati orang muslim, atau menghindarkannya dari bencana, atau membayarkan hutangnya, atau memberinya makan. Sungguh berjalan bersama saudaraku untuk suatu keperluan lebih aku cintai daripada beri'tikaf di masjid selama satu bulan.*"

Allah (s.w.t) berfirman:

لَن تَنَالُواْ ٱلْبِرَّ حَتَّىٰ تُنفِقُواْ مِمَّا تُحِبُّونَ ۚ وَمَا تُنفِقُواْ مِن شَيْءٍ فَإِنَّ ٱللَّهَ بِهِۦ عَلِيمٌ ﴿٩٢﴾

"*Kamu tidak akan memperoleh kebaikan sehingga kamu mendermakan sebahagian dari apa yang kamu cintai. Segala sesuatu yang kamu dermakan, maka Allah Maha Mengetahuinya.*" (Surah Ali 'Imran: 92)

Perlu diketahui bahawa pintu rahmat selalu terbuka untuk anda. Rasulullah (s.a.w) bersabda:

الرَّاحِمُوْنَ يَرْحَمُهُمُ اللهُ، ارْحَمُوْا مَنْ فِي الْأَرْضِ يَرْحَمْكُمْ مَنْ فِي السَّمَاءِ.

"Orang-orang yang mengasihi orang lain akan dikasihi oleh Allah. Kasihanilah orang-orang yang ada di muka bumi, maka yang ada di langit akan mengasihani kamu."

Sedekah yang anda keluarkan selama di dunia akan terus mengalir pahalanya meskipun anda sudah meninggal. Rasulullah (s.a.w) bersabda:

إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلاَّ مِنْ ثَلاَثٍ.... وَذَكَرَ مِنْهَا: صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ.

"Jika anak Adam meninggal dunia, maka seluruh (pahala) perbuatannya terputus, kecuali dari tiga perkara:…., dan sedekah jariah."

Sedekah akan melengkapi kekurangan yang ada dalam zakat. Tamim al-Dari meriwayatkan bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

أَوَّلُ مَا يُحَاسَبُ بِهِ الْعَبْدُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ الصَّلاَةُ، فَإِنْ كَانَ أَكْمَلَهَا كُتِبَتْ لَهُ كَامِلَةً، وَإِنْ كَانَ لَمْ يُكَمِّلْهَا. قَالَ اللهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى لِمَلاَئِكَتِهِ: هَلْ تَجِدُوْنَ لِعَبْدِيْ تَطَوُّعًا تُكَمِّلُوْا بِهِ مَا ضُيِّعَ مِنْ فَرِيْضَةٍ؟ ثُمَّ الزَّكَاةُ مِثْلُ ذَلِكَ، ثُمَّ

"Perbuatan yang pertama kali akan dihisab dari seorang hamba pada hari Kiamat adalah solat. Jika dia menyempurnakannya dengan baik maka pahala yang lain akan dicatatkan secara sempurna. Akan tetapi jika dia tidak menyempurnakannya, maka Allah (s.w.t) akan berkata kepada para malaikat-Nya: 'Apakah kamu menemui

perbuatan (solat) sunat yang dilakukan oleh hamba-Ku ini untuk menyempurnakan kewajipannya?' Begitu juga dengan zakat dan perbuatan-perbuatan baik lainnya."

Sedekah dapat menghapuskan kesalahan dan dosa. Rasulullah (s.a.w) bersabda,

الصَّوْمُ جُنَّةٌ وَالصَّدَقَةُ تُطْفِئُ الْخَطِيْئَةَ كَمَا يُطْفِئُ الْمَاءُ النَّارَ.

"*Puasa adalah dinding (yang melindungi dari api neraka), dan sedekah akan menghapus kesalahan sebagaimana air memadamkan api.*"

Sedekah dapat menutup pintu-pintu kejahatan:

صَنَائِعُ الْمَعْرُوْفِ تَقِي مَصَارِعَ السُّوْءِ.

"*Perbuatan-perbuatan baik akan menutup jalan-jalan kejahatan.*"

Sedekah juga dapat menyucikan hati dan jiwa. Allah (s.w.t) berfirman:

خُذْ مِنْ أَمْوَٰلِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِم بِهَا ..... ﴿١٠٣﴾

"*Ambillah sebahagian harta mereka sebagai sedekah, yang akan menyucikan dan membersihkan mereka…*" (Surah al-Taubah: 103)

Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda di hadapan kaum wanita:

يَا مَعْشَرَ النِّسَاءِ تَصَدَّقْنَ، فَإِنِّي رَأَيْتُكُنَّ أَكْثَرَ أَهْلِ النَّارِ، فَقُلْنَ: وَبِمَ يَا رَسُوْلَ اللهِ؟ قَالَ: تُكْثِرْنَ اللَّعْنَ وَتَكْفُرْنَ

الْعَشِيْرَ.

"*Wahai kaum wanita, bersedekahlah! Aku melihat kamu adalah bahagian terbesar dari penduduk neraka." Kaum wanita bertanya: "Apa sebabnya wahai Rasulullah?" Baginda menjawab: "Kamu banyak mencaci dan menderhaka kepada suami.*"

Bersedekahlah dan ajaklah orang lain bersedekah. Jangan sampai anda melewatkan kesempatan untuk memperoleh kemuliaan dari bersedekah. Allah (s.w.t) berfirman:

يَوۡمَ لَا يَنفَعُ مَالٞ وَلَا بَنُونَ ﴿٨٨﴾ إِلَّا مَنۡ أَتَى ٱللَّهَ بِقَلۡبٖ سَلِيمٖ



"*Pada hari di mana harta dan anak-anak tidak berguna, kecuali orang yang datang kepada Allah dengan hati yang bersih.*" (Surah al-Syu'ara': 88-89)

Dengan demikian, hindarilah neraka dengan bersedekah, walaupun hanya dengan separuh kurma! Sekiranya di dalam sedekah itu hanya terkandung satu manfaat sahaja maka sepatutnyalah kita tetap bersedekah meskipun sedikit. Ingatlah, jangan meremehkan kebaikan yang kelihatan kecil dan remeh. Carilah pahala dengan kebaikan dan hindarilah bencana dengan bersedekah.



RUJUKAN

- *Al-Qur'an al-Karim*.
- *Al-Tafsir al-Muyassar* karya Dr. Aidh al-Qarni. Maktabah al-'Ubaikan, Riyadh, edisi 1427H/2006M.
- *Dalil al-Sa'ilin* karya Anas Isma'il Abu Dawud. Jeddah, edisi 1416H/1996M.
- *Al-Tadawi bi al-Sadaqah* karya Hasan Ahmad Hasan Hammam. Dar al-Hadharah, Riyadh edisi 1426H/ 2005M.
- *Sadaqah al-Tatawwu' fi al-islam fi Dahwu' al-Kitab wa al-Sunnan* karya Dr. Sa'id bin Ali bin Wahaf al-Qahthani. Mu'assassah al-Jarisi, cet pertama 1427H.
- *Al-Sadaqat wa Atharuha 'ala al-Fard wa al-Mujtama'* karya Ibrahim bin Muhammad al-Dhubai'i. Cet pertama tahun 1408H/1988M.
- *Al-'Amal al-Salihat* karya Syiekh Fadhl 'Abdul Razzaq Mahmud. Dar al-Manar, Kaherah, cet pertama 1406H/1985M
- *La Tahzan* karya Dr Aidh al-Qarni. Maktabah al-'Ubaikan, Riyadh 1423H/2002M.
- *Tahdhib Khalishah al-Haqa'iq* karya Mahmud bin Ahmad al-Fariyani, takhrij Muhammad Khair

Ramadhan Yusuf. Dar Ibn Hazm, Lubnan, cet pertama, edisi 1421H/2000M.

- *Mukhtasar Rawnaq al-Majalis* karya al-'Allamah 'Utsman bin Yahya al-Miri. Dar al-Imam, Damaskus cet pertama 1405H.1985M.
- *Mawarid al-Zam'an li Durus al-Zaman* karya Syiekh Abdul Aziz al-Hamd al-Salman, jil. 1, cet ke-26, edisi 1420H.
- *Kasyf al-Asrar 'amma Khafiya 'an al-Afkar* karya Syihabuddin Ahmad bin 'Imad al-Aqfansi, tahqiq Muhammad Khair Ramadhan Yusuf, cet pertama edisi 1426H/2005M, Dar Ibn Hazm Beirut.
- *Min Akhbar al-Salaf* karya Zakariyya bin Ghulam Qadir al-Bakistani. Maktabah al-Rusyd, Riyadh cet. Pertama edisi 1426H/2005M.
- *Mufradat Alfaz al-Qur'an* karya al-Ashfahani.
- *Al-Ahadith al-Qudsiyyah* karya Dr. Umar bin Ali Abdullah Muhammad, jil. 1 edisi 1424H Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam, Madinah al-Munawwarah.
- *Ayna Nahnu min Ha'ula'i?* karya Abdul Malik Qasim, jil 4 edisi 1424H/2004M cet pertama, Dar al-Qasim, Riyadh.
- *Bulugh al-Maram fi Thaubihi al-Jadid* karya Dr. Aidh al-Qarni cet kedua edisi 1427H/2006M, Maktabah al-'Ubaikan, Riyadh.
- *Al-Muntaqa min al-Fawa'id al-Imaniyyah* karya Mushtafa Haqqi, cet pertama edisi 1424H, Dar Thawiq, Riyadh.

- *Rawdhah al-'Uqala wa Nuzhah al-Fudhala'* karya Abu Hatim al-Busti.
- *Al-Arba'un Hadithan fi al-Akhlaq* karya Dr. Ahmad Mu'adz Haqqi, cet pertama, Dar Thawiq, Riyadh.
- *Qadha' al-Hawa'* karya Ibn Abu al-Dunya.
- *Musrsyid al-Khathib fi al-Khuthab al-Minbariyyah* karya Abdul Rahman al-Mushthafawi, cet pertama edisi 1423H/2002M, Dar al-Ma'rifah, Beirut.
- *Al-Mughni karya Ibn Qudamah*, tahqiq Dr. Abdullah bin Abdul Muhsin al-Turki dan Dr. Abdul Fattah Muhammad al-Hilw, jil. 4 edisi 1412H/1992M, cet kedua, Mesir.
- *Al-Muflihun* karya Muhammad Munir al-Janbaz, cet pertama, edisi 1408H/1988M, Dar al-Amani, Riyadh.

